

MNB 1982
p 89

DARURAT DI TRENGGANU 1948-1960

DAERAH
TRENGGANU

HADIAH IKHLAS
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

—
—
—
—

82-686

L
A
P
P
D
I

DARURAT DI TRENGGANU 1948-1960

(BEBERAPA ASPEK SOSIAL DAN EKONOMI)

OSMAN MAMAT

Sm. Sa. (kepujian)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1981



KK. 491 - 2441 0101

PERPUSTAKAAN

Cetakan Pertama 1981

© Hakcipta Osman Mamat 1981

M
959 5122
OSM

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.
\$5.00

326735

APB

12 JULI 1995

BAB 1

PENGGANAS KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT DI TRENGGANU

Pengisytiharan Darurat

(Pada 18 Jun 1948, Sir Edward Gent, selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu dengan rasminya telah mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu.¹ Pengisytiharan ini adalah sebagai tindak balas pemerintah terhadap kempen subversif dan keganasan yang dicetuskan oleh pihak komunis, khususnya Parti Komunis Malaya (PKM).

(Di antara tahun 1945 hingga bulan Julai 1948, Parti Komunis Malaya ialah pertubuhan politik yang dihalalkan menurut undang-undang.² Namun begitu sebahagian besar kegiatan PKM dalam pergerakannya adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Ini adalah kerana terdapatnya usaha-usaha dari pihak PKM untuk mempengaruhi dan seterusnya menguasai golongan buruh dengan tujuan untuk cuba memulakan agitasi dan mogok di kalangan kaum buruh. Penguasaan PKM ke atas Pan-Malayan Federation of Trade Unions atau PMFTU dalam tahun

¹R. Stubbs, "Counter-Insurgency and the Economic Factor, The Impact of Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency, dalam. *Occassional Paper No. 19, Institute of South East Asian Studies*, h. 2. Dalam hal ini H. Miller, *The Jungle War in Malaya*, Arthur Barker Ltd., London, 1972, h. 32, menyatakan iaitu pada 16 Jun 1948. Darurat telah diisyiharkan oleh Sir Edward Gent, meliputi kawasan Sg. Siput di Perak dan beberapa kawasan di Johor. Hanya 24 jam kemudian barulah pengisytiharan darurat meliputi seluruh Tanah Melayu dilakukan. A Short, *The Communist Insurrection In Malaya*, Frederick Muller Ltd. London, 1975, h. 94, — menyatakan iaitu pada tanggal 18 Jun darurat telah diisyiharkan meliputi seluruh Tanah Melayu.

²R. Komar, *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of a Successful Counterinsurgency Effort*, Rand, Santa Monica, 1972, h. 5.

(1946 bererti bahawa PKM telah berjaya menguasai sebahagian besar kegiatan buruh dalam pergerakan mereka di Tanah Melayu.) Dari saat inilah mogok kerap berlaku dan tanda-tanda kegelisahan di kalangan buruh semakin hebat.³)

PKM juga telah memulakan kegiatan sabotaj dan berbagai tindakan yang ganas. Di antara bulan Oktober 1945 hingga bulan Disember 1947, sebanyak 191 kejadian culik dan pembunuhan telah dilakukan oleh pengganas-pengganas komunis. Dalam masa enam bulan pertama tahun 1948, sejumlah 107 perculikan dan pembunuhan telah dilakukan oleh pengganas komunis.⁴ Dalam jangka masa ini pembunuhan ke atas kontrektor-kontrektor buruh di ladang dan lombong kerap kali berlaku. Di samping itu serangan ke atas balai polis yang terpencil juga dilakukan oleh pengganas komunis.⁵ Sebahagian besar keganasan di peringkat ini berlaku di Perak, Johor, Selangor dan Pahang. Keganasan yang dilakukan oleh pengganas komunis ini semakin hebat dan ketara. Pada 16 Jun 1948 tiga orang peladang Inggeris telah dibunuh dalam masa satu hari di daerah Sungai Siput, Perak.⁶ Peristiwa ini telah mendesak Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent untuk mengisyiharkan darurat di Perak dan Johor. Dengan itu pada 18 Jun 1948, darurat telah diisyiharkan di seluruh Tanah Melayu.

Dalam suasana inilah juga Trengganu telah termasuk dalam pengisyiharan darurat itu. Walaupun seluruh negeri Trengganu diisyiharkan dalam keadaan darurat, tetapi keganasan komunis tidaklah meliputi seluruh Trengganu. Kawasan di mana terdapat keganasan komunis adalah di bahagian Trengganu Selatan iaitu di jajahan timur Trengganu yang meliputi daerah Kemaman dan

³Dalam tahun 1947, telah berlaku 291 mogok yang melibatkan 69,000 orang pekerja. Dalam tahun 1948 pula 117 daripada 289 kesatuan-kesatuan sekerja yang didaftarkan adalah dikuasai oleh PMFTU atau PKM, manakala yang bakinya iaitu 86 buah adalah bebas dari pengaruh dan kuasa PMFTU dan 86 buah lagi adalah diragukan kedudukannya. Sila lihat *Federation of Malaya — Annual Report, 1956*, h. 79.

⁴R. Thompson, *Defeating Communist Insurgency*, F.A. Preager, New York, 1966, h. 26-27.

⁵H. Miller, *The Jungle War in Malaya*, h. 37.

⁶Untuk keterangan lanjut tentang peristiwa pembunuhan ini, sila lihat H. Miller, *Menace in Malaya*, G.G. Harrap & Co. Ltd., London, 1954, h. 82-84.

Dungun.⁷ Kawasan yang teruk diancam oleh keganasan komunis di daerah ini ialah Ulu Chukai, Air Putih, Ulu Jabor, Kemasek, Kerteh, Bandi, Tebak, Pasir Raja dan Jerangau. Selain dari itu beberapa kawasan di daerah Ulu Trengganu khususnya di Ajil, Ulu Brang dan Ulu Telemong juga turut terlibat. Bagaimanapun di kawasan jajahan barat, khususnya di daerah Besut, kegiatan keganasan komunis tidaklah begitu ketara. Di daerah ini apa yang sering berlaku ialah kejadian kehilangan dan kecurian lembu.⁸

Sebelum darurat diisyiharkan dengan rasminya, penduduk di beberapa kawasan di daerah Kemaman, khususnya di Ulu Chukai, Air Putih, Ulu Jabor, Kemasek, Kerteh, Tebak dan Bandi sering berada dalam kegelisahan akibat munculnya gerombolan pengganas komunis yang selalu kelihatan di kawasan tersebut.⁹ Di samping itu sebilangan orang Cina, terutama sekali di kawasan penempatan orang Cina di Air Jernih, Kemasek, telah menghilangkan diri masuk ke dalam hutan.¹⁰ Keadaan seperti ini juga berlaku di tempat-tempat lain di Tanah Melayu sebagaimana yang dilaporkan:

".... the very latest report that many ex-members of the MPAJA have been called up to return to the hills for training to form a Special Corps to provide the 'strong arm' for labour disputes and to deal with the reactionaries — labour thieves, running dogs and undermining elements."¹¹

Di sini apa yang dilakukan oleh PKM di peringkat awal darurat ialah cuba untuk menggerakkan bekas-bekas pejuang MPAJA dan lain-lain penyokong PKM sendiri untuk meneruskan pergerakan mereka secara kekerasan. Apabila pihak PKM secara terang-terangan

⁷Trengganu telah dibahagikan kepada tiga jajahan besar iaitu jajahan tengah, mengandungi daerah Kuala Trengganu, Marang dan Ulu Trengganu, jajahan timur mengandungi daerah Kemaman dan Dungun dan jajahan barat mengandungi daerah Besut.

⁸Kenyataan ini diberi oleh bekas OCPD, Hj. Abdul Ghani bin Dato' Dagang Jati pada 19.7.77 di rumahnya di Kuala Trengganu.

⁹Kenyataan ini diberi oleh bekas penghulu Ulu Chukai — Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977, Air Putih, En. Amir bin Lisut pada 28.7.1977, Kerteh Hj. Busu bin Nyak Raja, pada 15.8.1977 dan Ulu Jabor dan En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977.

¹⁰Kenyataan ini diberi oleh bekas penghulu Ulu Chukai — Syed Mohd bin Hussein, pada 26.7.1977.

¹¹A. Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, h. 86.

melakukan keganasan dan pembunuhan serta perbuatan sabotaj, maka pada 23 Julai 1948 PKM telah diharamkan.¹²

Satu percubaan telah dilakukan oleh segerombolan pengganas komunis di kawasan Ulu Chukai untuk mengajak bekas anggota MPAJA masuk ke hutan bagi meneruskan perjuangan mereka secara kekerasan. Kejadian ini berlaku pada awal bulan Julai 1948 apabila segerombolan pengganas komunis yang bersenjatakan senapang dan pistol telah memasuki Kampung Pondok Limau di Ulu Chukai. Mereka terus menuju ke rumah Encik Ismail bin Ibrahim, seorang bekas anggota MPAJA pada masa pendudukan Jepun dahulu. Encik Ismail dikatakan telah dipaksa oleh pengganas komunis untuk bersama masuk ke dalam hutan. Pada malam seterusnya pengganas komunis itu kelihatan menuju ke arah Kampung Payoh, juga di mukim Ulu Chukai. Pada malam itu seorang penduduk Kampung tersebut Encik Mohammad bin Abdul Rahman telah ditembak mati oleh pengganas komunis tadi. Encik Mohammad juga adalah bekas anggota MPAJA pada masa pendudukan Jepun dahulu. Beliau ditembak mati oleh pengganas komunis kerana enggan menyertai komunis masuk ke dalam hutan.¹³

¹²R. Clutterbuck, *The Long Long War*, Cassell, London, 1967, h. 39. Selain dari itu pergerakan parti-parti politik yang berhaluan kiri yang lain-lain seperti Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang bergabung dalam Pertubuhan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) juga turut diharamkan oleh pemerintah.

¹³Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai yang sekarang ini bertugas sebagai Penghulu Kemasek, iaitu Syed Mohd bin Hussein, pada 26.7.1977. Menurut beliau kawasan Air Jernih dan sekitarnya adalah merupakan pusat bagi pergerakan dan kegiatan MPAJA di masa pendudukan Jepun, bagi daerah Kemaman. Sebilangan besar anggota MPAJA di waktu itu juga terdiri dari orang-orang Melayu yang benci pemerintahan Jepun yang dianggap kejam itu. Setelah Jepun menyerah kalah dalam tahun 1945, anggota-anggota MPAJA ini telah keluar dari dalam hutan. Mereka keluar sebagai anggota-anggota Bintang Tiga. Segerombolan dari anggota Bintang Tiga ini telah keluar dan berhimpun di Pekan Kemasek kira-kira 5 batu dari Air Jernih. Setiap mereka yang keluar ke Pekan tersebut adalah lengkap dengan senjata api. Malah beberapa orang daripadanya mempunyai dua pucuk pistol terletak di kiri dan kanan pinggang mereka di samping memegang sepucuk senapang. Mereka telah mengisyiharkan pengambilan kuasa oleh pihak mereka. Mereka mendakwa mempunyai 60 orang anggota yang lengkap bersenjata dan akan keluar ke Pekan Kemasek dalam sedikit masa lagi. Mereka mengarahkan supaya semua pemimpin kampung dan orang penting di kawasan Ulu Chukai, Kerteh, Kijal dan Kemasek supaya keluar mengadakan pertemuan dengan pemimpin Bintang Tiga, atas alasan untuk membincangkan tentang hal pembahagian kuasa yang baru dan lebih adil. Pertemuan tersebut telah diadakan dalam bulan puasa, tahun 1945. Dalam pertemuan

Strategi Perjuangan PKM

Termaktubnya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu kekalahan kepada kumpulan sayap kiri.¹⁴ Keadaan ini lebih terasa lagi oleh PKM. Keadaan ini juga nampaknya menjadi salah satu faktor penting bagi PKM untuk bergerak secara kekerasan dengan mengadakan berbagai bentuk keganasan, ugutan dan sabotaj. Matlamat akhir perjuangan PKM ini ialah untuk membentuk dan mengisytiharkan satu bentuk Republik Komunis di Tanah Melayu.¹⁵ Untuk mencapai matlamat ini komunis telah mengisytiharkan strategi perjuangannya melalui tiga peringkat iaitu:

- (i) Untuk melemah dan memusnahkan ekonomi Tanah Melayu dengan mengadakan serangan ke atas ladang-ladang dan kawasan perlombongan.
- (ii) Untuk mengisytiharkan dan seterusnya menguasai kawasan bebas atau *liberated areas*.
- (iii) Untuk memimpin pemberontakan melalui tentera pembebasan yang mana melalui usaha-usaha ini akan dapat pula menyatukan kawasan bebas tadi dan dengan ini, akhirnya terlaksanalah pula cita-cita untuk penubuhan sebuah republik itu.¹⁶

Untuk mencapai kejayaan dalam ketiga peringkat strategi itu,

itu, 9 orang wakil penting orang Melayu dan Cina (4 Melayu dan 5 Cina) telah dibunuh oleh 'Badan Pengadilan' Bintang Tiga atas alasan bahawa mereka yang dibunuh itu adalah 'mata-mata' Jepun pada masa pendudukan Jepun. Dalam pertemuan itu anggota-anggota Bintang Tiga juga memaksa orang Melayu yang hadir supaya berbuka puasa, dengan menyediakan jamuan. Seterusnya menurut Penghulu Syed Mohd sebilangan daripada pemimpin Bintang Tiga yang keluar sebagai Bintang Tiga dalam pertemuan tersebut itu masih lagi hidup. Sebahagian dari mereka ini bergiat dalam perdagangan dan perniagaan dan telah menjadi taukeh besar. Beliau telah memberi beberapa nama taukeh yang masih hidup dan bergiat dalam perdagangan di daerah Kemaman. Atas alasan peribadi dan maruah, maka tidak dapatlah penulis menyiarkan nama-nama tersebut. Kenyataan ini adalah hasil temu ramah dengan Penghulu Syed Mohd bin Hussein di rumah kediamannya iaitu 'Rumah Penghulu' di Kemasek pada 26.7.1977.

¹⁴Zainal Abidin Wahid, (ed.), *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur, 1972, h. 111 dan 113.

¹⁵Annual Report, Federation of Malaya (ARFM), 1956, h. 474. Keputusan PKM untuk melancarkan kebangkitan bersenjata seringkali dikaitkan dan dikatakan akibat dari resolusi yang diambil dalam Kongress Pemuda Asia yang diadakan di Calcutta dalam bulan Februari, 1948.

¹⁶J.M. Gullick, *Malaysia*, Ernest Benn Ltd., London, 1969, h. 112.



TRENGGANU: DAERAH DAN MUKIM

(Sumber: Atlas Kebangsaan Malaysia, 1977)

pengganas komunis telah menjalankan keganasan dan sabotaj seperti pembunuhan dan percubaan membunuh pengurus ladang dan pengurus lombong, serangan ke atas balai polis dan pusat kawalan keselamatan yang terpencil, serang hendap terhadap pasukan keselamatan, ugutan, penculikan dan lain-lain keganasan seperti membakar rumah pengasap getah, mencuri dan merampas kad pengenalan diri, makanan dan lain-lain keperluan.

Kegiatan Komunis Untuk Melumpuhkan Ekonomi Negeri

Di Trengganu, keganasan komunis untuk mencapai kejayaan dalam peringkat pertama strategi perjuangannya tidaklah berlaku begitu kerap dan meluas di seluruh Trengganu seperti mana yang berlaku di negeri Perak, Selangor, Pahang, Johor dan Negeri Sembilan. Walaupun begitu corak keganasan yang berlaku di beberapa kawasan tertentu seperti yang dinyatakan pada umumnya sama dengan corak keganasan yang sering berlaku di tempat-tempat lain di Tanah Melayu ("Sejak tahun 1948 hingga awal tahun 1952 adalah merupakan jangka masa paling hebat dan keganasan itu dilakukan bersungguh-sungguh ke atas kawasan) yang terlibat di negeri Trengganu itu."¹⁷

Untuk melemah dan melumpuhkan ekonomi negeri Trengganu pihak komunis melalui pasukan khas yang dinamakan pasukan pembunuhan atau *suicide squads* telah melakukan pembunuhan dan percubaan membunuh pengurus ladang dan lombong di Kemaman.¹⁸

Dalam satu peristiwa yang berlaku dalam bulan Disember, 1948 seorang Pengurus Lombong Wan Ngah bin Hj. Wan Mohd. dari Syarikat Kajang Mining, Kemaman telah dibunuh oleh pasukan pembunuhan komunis di kawasan perlombongan Kajang dalam mukim Air Putih.¹⁹ Pembunuhan ini berlaku di kawasan rumah pengurus tersebut pada waktu malam. Dalam kejadian ini beberapa orang SC yang berkawal di kawasan tersebut telah cedera parah.

¹⁷ Di Tanah Melayu pada umumnya jangka waktu yang paling meruncing dengan berbagai keganasan komunis ialah di akhir tahun 1951 dan di awal tahun 1952. Lihat A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 14.

¹⁸ Menurut seorang bekas Sarjan Polis iaitu Sjn. Sulung bin Said, Pasukan Pembunuhan ini mengandungi di antara 10 hingga 15 orang pengganas komunis. Kenyataan ini diberi oleh Sjn. Sulung bin Said pada 7.8.77.

¹⁹ *Government Gazette — State of Trengganu (GGST)* 1949, Januari 1949.

Beberapa orang awam yang ada di sekitar kawasan rumah itu juga turut terkorban.²⁰

Selepas kejadian ini pengganas komunis juga telah mengadakan beberapa siri serangan ke atas kawasan perlombongan Bukit Bandi, terutama pada awal tahun 1949. Ini menyebabkan kawasan perlombongan tersebut terpaksa ditutup untuk beberapa ketika sehinggalah beberapa orang anggota polis dan SC ditempatkan untuk mengawal kawasan perlombongan tersebut.²¹

Satu percubaan membunuh seorang Penolong Pengurus Kretay Estate and Plantation telah juga dirancangkan oleh pengganas komunis. Pada awal tahun 1949, seorang Penolong Pengurus berbangsa Denmark iaitu A. Landau dari Syarikat East Asiatic di Kretay Estate, Bukit Pahang, Kerteh, telah diserang hendap oleh segerombolan pengganas komunis. Kejadian ini berlaku dalam masa perjalanan A. Landau menaiki landrover dari Kretay Estate, Bukit Pahang, Kerteh menuju ke Kuala Kerteh. Walau bagaimanapun percubaan komunis ini gagal kerana A. Landau telah berjaya melepaskan dirinya. Dia mengalami sedikit kecederaan akibat dari tembakan pengganas komunis itu.²²

Di Jabor Valley Estate iaitu di mukim Ulu Jabor pula, percubaan membunuh Pengurus Estate tersebut tidaklah begitu ketara. Walau bagaimanapun keganasan komunis di estet ini lebih ditumpukan ke atas buruh-buruh yang berulang-alik di antara Galing, Kuantan dan Ulu Jabor Estate, Jeram dan Semambu. Dalam satu kejadian iaitu pada akhir tahun 1948, pengganas komunis telah memasang perangkap bom di jalan raya di antara Galing, Kuantan dengan Jabor Valley Estate. Dalam kejadian ini, hampir semua buruh yang menaiki sebuah lori menuju ke Jabor Valley Estate telah tercedera akibat ledakan bom komunis itu.²³

Selain dari itu komunis juga telah menjalankan kegiatan sabotaj, terutama sekali ke atas rumah pengasap getah. Kejadian

²⁰Kenyataan Sjn. Sulung bin Said, pada 7.8.1977.

²¹Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Air Putih iaitu En. Amir bin Lisut pada 28.7.1977 di rumahnya di Air Putih.

²²Kenyataan ini diberi oleh bekas penghulu (Kerteh) iaitu Haji Busu bin Nyak Raja 15.8.1977 di rumahnya di Kerteh. Syarikat East Asiatic mempunyai estet getah di Bukit Pahang, Ranggon, Kerteh dan ladang kelapa yang terletak di Kuala Kerteh.

²³Kenyataan ini diberi oleh Ketua Penghulu Kemaman iaitu En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977 di rumahnya di Chukai, Kemaman.

seumpama ini selalu berlaku di kawasan Kretay Estates and Plantations di Kerteh terutama sekali pada akhir tahun 1949. Dalam satu kejadian seumpama ini pengganas komunis telah berjaya membakar dan memusnahkan salah sebuah rumah pengasap getah yang besar di kawasan estet tersebut.²⁴

(Pada keseluruhannya, usaha dan keganasan komunis untuk mencapai tujuan di peringkat pertama dalam memperjuangkan strategi mereka itu tidak mendapat kejayaan sepenuhnya. Penubuhan dan peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota SC dan anggota polis termasuk "Jungle Squads" pada peringkat awal darurat itu telah dapat mematahkan serangan komunis di kawasan estet dan perlombongan. Walaupun begitu, dalam jangka pendek, kegiatan komunis di kawasan estet dan perlombongan itu telah mengakibatkan berbagai masalah seperti pengangguran, keselamatan yang tidak terjamin di kalangan buruh di samping mengurangkan tingkat pengeluaran untuk beberapa waktu.)

Kesan seperti ini umpamanya dapat dilihat dari hasil keganasan komunis yang membakar rumah pengasap getah di kawasan Kretay Estate di Kerteh sepatimana yang dilaporkan:

"The working of the estate is of course impossible now. This means that approximately 600 labourers will probably be out of work. The Malays had already begun to go back to their kampons last night and there were many on the roads this morning with their barang. As regards Chinese, about 130 in number, I have asked Mr. Sorenson²⁵ to suggest to them most strongly that they proceed to Dungun and apply to be taken on by the Bukit Besi mine which is now recruiting labourers. I feel that such a large body of Chinese thrown out of work is a manace and that it might well be that they would join the gansters (communist terrorists). Mr. Sorenson is flying to Singapore on Thursday to see the East Asiatic Company. I think, he is going to advise the company against rebuilding the smoke house immediately and to leave the estate on a care and maintenance basis until the trouble had died down. He asked me if government could guarantee to protect the smoke house etc. if it were rebuilt. I told him that the only scheme for protection was a special constabularies".²⁶

²⁴Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Kerteh, Hj. Busu bin Nyak Raja pada 15.8.1977 di rumahnya di Kerteh, Kemaman.

²⁵Mr. Sorenson adalah Pengurus Besar kepada Kretay Estate and Plantations di Kerteh semasa darurat mula-mula meletus. Kenyataan ini diberi oleh En. Hj. Busu bin Nyak Raja iaitu bekas Penghulu Kerteh (1950-1975), pada 15.8.1977.

²⁶A Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 151-152. Laporan ini adalah dibuat oleh CPO Trengganu pada masa itu iaitu A.F. Wallace.

Malah dalam laporan ini, pengangguran seramai 130 pekerja Cina akibat dari keganasan komunis itu sangat membimbangkan kerajaan. Pihak berkuasa bimbang keadaan seperti ini akan memberi peluang kepada komunis untuk mengeksplotasi kedudukan pekerja-pekerja Cina untuk bersama mereka dalam perjuangan menentang pihak berkuasa atau pemerintah.

Kegiatan komunis untuk menguasai kawasan bebas

Pada peringkat awal darurat, penganas komunis di Trengganu juga telah cuba untuk menjayakan peringkat kedua strategi perjuangan mereka iaitu untuk menguasai dan mengisyiharkan "Kawasan Bebas". Di Trengganu, khususnya di kawasan seperti Air Putih, Ulu Chukai dan beberapa kawasan di Kemasek, telah menampakkan adanya ancaman komunis setelah darurat diisyiharkan.

Pada akhir bulan Oktober 1948, keganasan komunis mulai menjadi-jadi. CPO Trengganu iaitu A.F. Wallace, atas persetujuan Menteri Besar Trengganu telah menghantar kawat kepada pihak berkuasa di Kuala Lumpur untuk mendapatkan bantuan sekurang-kurangnya dua buah kompeni infantri dengan segera.²⁷ Malangnya pada akhir bulan November 1948, pihak berkuasa di Kuala Lumpur, khususnya GOC telah menghantar kawat ke Trengganu kerana tidak dapat memenuhi permintaan CPO Trengganu ini dengan alasan pergerakan di musim tengkujuh adalah sukar. Di samping itu menurut pandangan GOC tidak ada *operational target* yang tertentu di Trengganu.²⁸

Walau apa pun pandangan dari pihak GOC di Kuala Lumpur itu, kebimbangan pemerintah di Trengganu tentang adanya tanda-tanda komunis untuk mengisyihar dan seterusnya menguasai *liberated areas* di Trengganu terutama di kawasan yang disebutkan tadi memang tidak dinafikan lagi, sepertimana yang dilaporkan:

"The situation in Trengganu was sufficiently bad for the British Adviser, at least to consider the possibility that it might become a liberated area."²⁹

²⁷ _____, *Ibid*, h. 152.

²⁸ _____, *Ibid*, h. 152. Di Trengganu bilangan anggota keselamatan sehingga awal 1949 ialah sejumlah tidak lebih dari 400 orang anggota polis, 100 orang anggota SC dan 150 orang anggota AP, Sila lihat A. Short, *Ibid*, h. 150.

²⁹ _____, *Ibid*, h. 152.

Kejadian yang berlaku di Air Putih di antara tahun 1948 hingga awal tahun 1949 telah hampir-hampir memberi kejayaan kepada pihak komunis untuk menguasai kawasan tersebut dan mengisytiharkannya sebagai *liberated area*. Adanya pejuang Melayu yang *extremist* yang sama-sama mengikuti kegiatan komunis di kawasan tersebut telah memudahkan lagi pihak komunis mencapai matlamat perjuangan mereka. Pejuang Melayu yang dimaksudkan itu ialah Awang bin Mohd Ali atau lebih dikenali dengan nama Awang Ali.³⁰

Penahanan Penghulu Air Putih iaitu Encik Senik bin Mohd pada tahun 1949 oleh pihak pemerintah dipercayai kerana hubungannya yang rapat dengan Awang Ali atau khususnya dengan kegiatan komunis di kawasan itu. Akibatnya Senik telah diberhentikan dari jawatannya sebagai Penghulu.³¹ Dalam usahanya untuk

³⁰Awang bin Mohd. Ali berasal dari daerah Ulu Trengganu dan mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Kuala Brang, Trengganu. Beliau dikatakan sebagai seorang murid yang cergas dan pernah beberapa kali menaiki darjah secara melompat (Expressed class). Beliau adalah salah seorang dari pejuang nasionalis dari golongan kiri. Menurut Hj. Abd. Rashid bin Husin, bekas Setiausaha PKMM Trengganu, Awang Ali adalah bekas anggota KMM dan kemudiannya PKMM di Trengganu, malah beliau adalah salah seorang dari pengasas PKMM. Apabila PKMM dan semua pertubuhan gerakan kiri diharamkan setelah pengisytiharan darurat, Awang Ali telah mengambil tindakan yang *extreme* untuk terus menentang pihak pemerintah dengan cara kekerasan. Apabila darurat diisyitharkan, Awang Ali telah menghilangkan diri ke dalam hutan untuk bersama-sama dengan pengganas komunis meneruskan perjuangannya. Sebelum itu, khususnya sebelum PKMM diharamkan pengaruh Awang Ali di kawasan Air Putih adalah luas. Di waktu itu beliau pernah bertugas sebagai guru rakyat di Air Putih. Beliau pernah kelihatan memberi ceramah-ceramahnya di surau-surau di Air Putih dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Dengan cara ini beliau dikatakan telah mewujudkan satu hubungan yang mesra dengan penduduk di kawasan tersebut. Sebelum kegiatan komunis mengganas dengan hebatnya pada tahun 1949 hingga awal tahun 1952, Awang Ali dikatakan sering keluar dari hutan dan kelihatan di kawasan Air Putih. Di negeri-negeri lain juga terdapat tokoh-tokoh pejuang Melayu dalam PKMM yang telah masuk hutan untuk meneruskan perjuangan mereka secara kekerasan. Di Perakumpamanya, di antara tokoh-tokoh seumpama itu ialah Shamsiah Fakih dan Rashid Maidin manakala di Pahang pula pejuang-pejuang Melayu tersebut, seperti Wahi Annuar dan Wan Ali. (Kenyataan ini adalah hasil dari temuramah dengan En. Abdul Rahman bin Kassim, bekas Penghulu Kuala Brang, pada 2.8.1977, Syed Mohd bin Hussein bekas Penghulu Chukai pada 26.7.1977, En. Amir bin Lisut bekas Penghulu Air Putih, pada 28.7.1977, Sjn. Sulung bin Said, pada 7.8.1977, Hj. Abd. Rashid bin Husin, bekas Setiausaha PKMM Trengganu pada 14.7.1977 dan En. Mohamad bin Senari, bekas Ahli PKMM, pada 4.8.1977).

³¹Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Air Putih En. Amir Lisut, pada 28.7.1977, bekas Penghulu Chukai Encik Othman Hamzah, pada 27.7.1977 dan bekas Penghulu Ulu Jabor, Encik Tawang Yunus pada 16.8.1977. Setelah kejadian ini

menjayakan strategi di peringkat kedua, khususnya untuk membebaskan dan menguasai kawasan Air Putih itu, komunis telah menggunakan Awang Ali sebagai alat untuk mempengaruhi Penghulu Air Putih dan penduduknya untuk menyokong perjuangan komunis. Malangnya usaha dan cita-cita komunis ini gagal setelah Penghulu kawasan tersebut itu diberhentikan dari jawatannya.

Di kawasan Ulu Chukai pula pihak komunis juga telah cuba menghubungi Penghulu di kawasan tersebut untuk mendapat bantuan dan sokongan dari Penghulu dan penduduk di kawasan tersebut. Pada awal bulan Julai 1948, segerombolan pengganas komunis telah kelihatan menuju ke Kampung Pondok Limau di Ulu Chukai untuk mendapatkan Penghulu Ulu Chukai iaitu Encik Embong bin Ali. Malangnya pada masa itu penghulu Embong tidak ada di rumahnya. Walau bagaimanapun pihak komunis telah merampas semua fail-fail yang ada di rumah Penghulu itu. Setelah pengganas tersebut meninggalkan kampung itu, anak saudara kepada Penghulu iaitu Syed Mohd Hussein terus pergi ke Chukai, Kemaman untuk melaporkan kejadian itu kepada polis dan juga memberitahu hal tersebut kepada Penghulu Embong.³² Kegiatan seperti ini adalah merupakan usaha komunis untuk mengugut Penghulu di kawasan tersebut supaya memberi sokongan dan menyertai perjuangan mereka. Malangnya usaha komunis di kawasan itu gagal.

Pada masa itu di Kampung Air Jernih, Kemasek yang penduduknya berjumlah lebih dari 2,000 orang (kesemuanya terdiri dari orang Cina) adalah kawasan yang menjadi sasaran dan tumpuan kegiatan komunis.³³ Sebelum Rancangan Briggs dilaksanakan khususnya rancangan pengumpulan dan penempatan semula (resettle-

Awang Ali tidak lagi sering kelihatan keluar dari hutan. Beliau telah bersama-sama dengan segerombolan pengganas komunis untuk meneruskan kegiatan keganasan dan sabotaj. Beliau pernah ternampak pengganas komunis dalam kegiatan serang hendap dan pembunuhan — umpamanya pembunuhan ke atas Pengurus Lombong di Kajang. Dalam tahun 1952 beliau telah menyerah diri di Kawasan Ulu Tembeling, Pahang.

³²Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein, pada 26.7.1977.

³³Menurut Penghulu Syed Mohd yang diberitahu oleh bapa saudaranya iaitu penduduk kaum Cina di Air Jernih telah bermula dalam tahun-tahun 1910-an lagi. Encik Lim Tau Yoon yang sekarang ini bertugas sebagai Guru Besar di Sekolah Rendah Look Khoon di Air Jernih, menyatakan iaitu semasa tarikh kelahirannya pada tahun 1925 di Air Jernih itu, telah pun terdapat orang-orang Cina yang menetap di kawasan Air Jernih itu.

ments and regrouping areas), penduduk Cina di kawasan Air Jernih adalah merupakan pusat tumpuan bagi komunis untuk mendapatkan bantuan makanan dan lain-lain keperluan. Kawasan ini juga adalah pusat kegiatan MPAJA semasa pendudukan Jepun, malah menjadi kawasan yang mempunyai sebilangan besar penduduk yang terdiri dari anggota-anggota *Min Yuen*.³⁴ Setelah darurat diisyitharkan sebahagian besar daripada anggota-anggota *Min Yuen* ini meneruskan sokongan dan simpati mereka ke atas perjuangan komunis.³⁵ Adalah dipercayai komunis cuba menjadikan kawasan itu sebagai kawasan pertama dalam rancangan mereka untuk menguasai dan mengisyitharkannya sebagai *liberated areas*, tetapi mereka gagal mencapai tujuannya. Ini disebabkan adanya kawalan yang rapi oleh anggota SC dan polis di kawasan tersebut. Di samping itu perlaksanaan Rancangan Briggs di kawasan ini dalam tahun 1951 telah menghalang dan menggagalkan cita-cita komunis itu.

Menjelang bulan Jun, 1948, Penghulu Kerteh telah beberapa kali didatangi oleh beberapa orang Cina yang memujuk dan mengajaknya memasuki kelab mereka. Walau bagaimanapun pelawaan ini telah ditolak oleh Penghulu tersebut,³⁶ Usaha komunis seperti ini adalah juga merupakan langkah mereka untuk mempengaruhi Penghulu tersebut untuk bersama berjuang menentang pemerintah secara kekerasan. Dengan cara ini mereka berharap akan dapat menjayakan peringkat kedua strategi perjuangan mereka. Walau bagaimanapun dalam usaha di peringkat ini komunis khususnya di Trengganu telah gagal sama sekali untuk mencapai matlamatnya.³⁷

³⁴'Min Yuen' ini pada umumnya bermakna pergerakan massa yang mempunyai simpati dan sokongan yang kuat ke atas perjuangan komunis dalam masa darurat. (Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat, H. Miller, *Menace in Malaya*, h. 42, 104-107).

³⁵Kenyataan ini diberi oleh bekas penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977 dan bekas Penghulu Kemasek, Wan Hamid bin Wan Ibrahim pada 15.8.1977.

³⁶Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Kemasek, Wan Hamid bin Wan Ibrahim pada 15.8.1977.

³⁷Di kawasan Gua Musang Kelantan, khususnya di Kg. Pulau, pengganas-pengganas komunis di kawasan tersebut telah berjaya menguasai dan mengisyitharkan kampung tersebut sebagai '*liberated area*'. Kejayaan ini hanya berlaku selama 4 hari sahaja melalui kerjasama dari Penghulu Kampung tersebut. (Untuk keterangan lanjut lihat H. Miller, *Jungle War in Malaya*, h. 45).

Serang Hendap Komunis Terhadap Pasukan Keselamatan

(Dalam tahun 1949 hingga awal tahun 1952, kegiatan pengganas komunis di Trengganu juga bertujuan untuk melemahkan kedudukan dan kegiatan anggota pasukan keselamatan. Kegiatan seumpama ini sebahagian besarnya dilakukan melalui serang hendap ke atas anggota pasukan keselamatan. Di samping itu mereka juga mengadakan berbagai keganasan, ancaman dan kekacauan terhadap orang awam. Sebenarnya rancangan komunis seperti ini memang telah digalur dan disenaraikan oleh pemimpin-pemimpin PKM, terutama sekali dalam satu perjuangan yang diadakan di Kajang, Selangor pada bulan April, 1948.³⁸)

(Sepanjang tahun 1949 hingga ke awal tahun 1952 pengganas komunis telah giat melancarkan serang hendap ke atas anggota pasukan keselamatan, terutama di pertengahan jalan yang dilalui oleh anggota pasukan keselamatan itu.) Jalan yang sering menjadi tumpuan pengganas komunis dalam kegiatan seperti ini ialah jalan di antara Chukai dengan Air Putih, kawasan perlombongan Kajang Mining dengan Pengkalan Kajang, sebarang Pengkalan di antara Kajang dengan Air Putih, Kerteh Estate Ranggon dengan Kuala Kerteh, Air Jernih dengan Kemasek, Bukit Bandi dengan Air Putih, Ajil dengan Jerangau dan Air Putih (Kuantan) dengan Jabor Valley Estate. (Sebahagian besar serang hendap di antara jalan ini telah dilakukan oleh pengganas komunis terhadap anggota pasukan keselamatan, yang sama ada bertugas mengiringi dan mengawal bahan-bahan makanan dan keperluan dari satu tempat ke satu tempat yang lain ataupun dalam perjalanan ke pondok kawalan dan balai polis untuk menambah tenaga kawalan atau membuat pertukaran giliran kerja antara anggota pasukan keselamatan itu.)

¶ Pada tahun 1950 sebuah *landrover* yang membawa lebih kurang sepuluh orang anggota pasukan keselamatan telah diserang hendap oleh segerombolan pengganas komunis di Semambu iaitu dalam perjalanan di antara Air Putih (Kuantan) ke Ulu Jabor. Beberapa orang daripada anggota pasukan keselamatan telah terkorban sementara yang lainnya mendapat cedera parah.³⁹ Di Batu 20 di antara Ajil ke Jerangau pula, pengganas komunis juga telah melakukan serang

³⁸A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 87.

³⁹Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Jabor, Syed Mohd bin Hussein, pada 26.7.1977.

hendap ke atas sepasukan kecil anggota keselamatan yang terdiri dari empat belas orang SC dan enam orang polis. Pertempuran di antara anggota pasukan keselamatan dan pengganas komunis itu berlaku hampir satu jam. Dalam masa lebih kurang satu jam bertempur itu anggota pasukan keselamatan di bawah Sarjan Sulung Said (5048), telah memberi tentangan yang hebat. Dalam kejadian ini, seorang kopral polis iaitu Kopral Ismail (5012) telah terkorban, sementara beberapa orang lagi tercedera.⁴⁰

(Pada pertengahan tahun 1950, sepasukan anggota keselamatan yang mengiring dan mengawal bahan-bahan makanan dan lain-lain barang keperluan serta wang gaji untuk pekerja) Kajang Mining di mukim Air Putih telah diserang hendap oleh segerombolan pengganas komunis. Kejadian ini berlaku apabila anggota keselamatan ini sedang berada dalam sebuah bot yang sedang menyeberangi sungai dari Seberang Kajang di sebelah Air Putih ke Pengkalan Kajang yang tidak jauh dari kawasan Kajang Mining. Dalam serang hendap ini, seorang pegawai Inggeris yang baru tiba dari Palestine iaitu ASP Emry telah terkorban.⁴¹ Di samping itu seorang ketua kontrektor binaan berbangsa Cina serta beberapa orang SC juga turut terkorban.⁴²

Pada awal tahun 1951, segerombolan pengganas komunis telah melakukan serang hendap terhadap satu pasukan yang terdiri dari anggota polis dan SC di Bukit Belah di kawasan Dadong.⁴³ Dalam tahun yang sama juga, segerombolan pengganas komunis telah melakukan serang hendap ke atas sepasukan anggota polis di kawasan Ulu Trengganu, khususnya di Kampung Cheting, kira-kira 15 batu dari Kuala Brang. Dalam kejadian ini seorang penduduk

⁴⁰Kenyataan ini diberi oleh Sjn. Sulung Said, pada 7.8.1977. Beliau sendiri terlibat dalam pertempuran ini. Beliau juga pernah terlibat dalam beberapa pertempuran sengit dengan pengganas komunis. Dalam setiap pertempuran beliau telah memperlihatkan keberanian dan kegigihannya menentang musuh itu. Atas keberaniannya pada 24 Januari 1952 di Hari Keputeraan Sultan Trengganu, beliau telah mendahului seramai 16 orang nama-nama yang menerima pingat Pekerti Terpilih (PPT). (Lihat, *GGST*, 1952, 24 Januari 1952).

⁴¹Dalam beberapa bulan setelah diisyitharkan keadaan darurat, beberapa ratus pegawai polis British dari Palestine telah dibawa masuk untuk bertugas di Tanah Melayu. Sila lihat H. Miller, *Manace in Malaya*, h. 89.

⁴²Kenyataan ini diberi oleh Hj. Abdul Ghani bin Dato' Dagang Jati, bekas OCPD Kemaman (1949-1950), pada 19.7.1977.

⁴³Kenyataan ini dibeti oleh Sjn Zaaba Aman pada 28.7.1977.

kampung tersebut yang menjadi pemandu jalan kepada pasukan polis itu telah terkorban. Setelah berbalas tembakan selama lebih kurang tiga puluh minit, komunis akhirnya terpaksa berundur dari kawasan kejadian itu.⁴⁴

Dalam melancarkan serang hendap ini komunis kerap juga menggunakan tektik tipu helah untuk menjayakan rancangan mereka. Pada awal tahun 1951 percubaan serang hendap melalui tipu helah ini telah dilakukan oleh pengganas komunis ke atas satu kompeni dari pasukan *Jungle Squads*,⁴⁵ dan beberapa orang dari anggota polis biasa yang kesemuanya terdiri lebih kurang dua puluh orang. Pada mulanya Sarjan Zaaba Aman yang sedang bertugas di Ibu Pejabat Polis bahagian selatan Trengganu di Chukai, Kemaman telah menerima panggilan telefon dari balai polis di Air Putih. Apabila beliau mengangkat gagang telefon itu beliau terdengar tembakan bertalu-talu melalui telefon itu. Dengan segera beliau menyerahkan gagang telefon itu kepada OCPD D.W. Beeden. Setelah itu D.W. Beeden terus mengarahkan satu kompeni dari pasukan *Jungle Squads* dengan beberapa orang polis, kesemuanya berjumlah lebih kurang dua puluh orang, di bawah Sarjan Sulung Said untuk terus berkejar ke Air Putih. Setelah beberapa minit pasukan ini berlepas ke arah Air Putih, D.W. Beeden yang masih lagi mendengar tembakan melalui telefon itu, tiba-tiba memerintahkan beberapa orang anggota polis menaiki sebuah motokar mengejar pasukan yang telah berlepas menuju ke Air Putih itu dan mengarahkan pasukan tersebut balik semula ke Ibu Pejabat Chukai. Arahan ini telah dilakukan dan pasukan itu telah kembali semula ke Chukai.

Tindakan segera dari OCPD D.W. Beeden ini telah menyelamatkan pasukan *Jungle Squads* dan beberapa orang anggota polis itu dari diserang hendap oleh komunis. Sebenarnya D.W. Beeden merasa curiga tentang sama ada komunis benar-benar menyerang balai polis Air Putih, ataupun tidak. Biasanya dalam serangan ke atas balai polis, komunis akan memutuskan semua

⁴⁴Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Kuala Brang, iaitu Encik Abdul Rahman bin Kasim, di rumahnya di Kuala Brang pada 2.8.1977.

⁴⁵Sehingga lewat tahun 1948, Trengganu hanya mempunyai satu kompeni sahaja yang mengandungi 15 orang dalam pasukan *Jungle Squads* ini. Lihat A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 151. Kompeni ini ditempatkan di Kuala Tajor, Kemaman. (Kenyataan Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977).

perhubungan telefon yang ada. Keesokan harinya didapati balai polis Air Putih tidak diserang oleh komunis. Melalui maklumat yang diterima, dalam kejadian itu didapati segerombolan pengganas komunis telah pun menunggu di Batu 18 Jalan Chukai — Air Putih untuk menyerang hendap pasukan *Jungle Squads* dan anggota-anggota polis yang akan menuju ke Air Putih itu. Walau bagaimanapun dalam tipu helah ini pengganas komunis gagal untuk melakukan serang hendap.⁴⁶

Perbuatan tipu helah oleh pengganas komunis ini dengan cara melepaskan tembakan pada tempat tertentu dan kemudian menunggu pula di pertengahan jalan ke tempat tersebut untuk menyerang hendap mana-mana pasukan keselamatan yang cuba datang untuk memberi bantuan itu sudah menjadi lumrah kegiatan pengganas komunis di sepanjang tahun 1951 dan awal tahun 1952.

Dalam satu kejadian yang berlaku pada akhir tahun 1951 di Bukit Pahang Kretay Estate, Kerteh, pengganas komunis telah menembak dan menyerang sebuah tangki bekalan air yang terletak di atas sebuah bukit di kawasan tersebut. Apabila satu pasukan anggota polis dan SC cuba menuju ke tempat kejadian tersebut, mereka terlebih dahulu diserang hendap dalam perjalanan. Walau bagaimanapun, kegigihan anggota SC dan polis menentang serangan komunis itu menyebabkan pengganas komunis terpaksa berundur dari kawasan tersebut.⁴⁷

Selain dari itu, pengganas komunis juga telah melancarkan serangan ke atas pusat kawalan kecil dan balai polis. Di sepanjang tahun 1950 hingga awal tahun 1952, balai polis Air Jernih Kemasek, Air Putih, Ibok, Ulu Jabor, Pasir Gajah dan Ajil sering menjadi tumpuan serangan komunis itu.⁴⁸ Walau bagaimanapun sebahagian besar serangan yang dilakukan oleh pengganas komunis ke atas balai polis ini tidaklah dilakukan secara bersungguh-sungguh. Serangan yang dilakukan itu lebih bertujuan untuk menakut-nakutkan anggo-

⁴⁶Kenyataan yang diberi oleh Sjn. Zaaba Aman pada 28.7.1977 dan bekas Sjn. Sulung Said pada 14.8.1977.

⁴⁷Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Kertih, Hj. Busu bin Nyak Raja pada 15.8.1977.

⁴⁸Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Kemasik — Wan Hamid bin Wan Ibrahim pada 15.8.1977, Ulu Chukai — Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977, Ulu Jabor — En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977, Air Putih — En. Amir bin Lisut pada 28.7.1977 dan Kuala Brang — En. Abd. Rahman bin Kassim pada 2.8.1977.

ta polis yang berkawal. Sebenarnya kubu-kubu yang dibuat di sekitar balai polis itu sememangnya cukup kuat untuk menghalang kemaraan pengganas komunis itu.

Serangan Komunis Terhadap Orang Awam

| Pada akhir tahun 1951 hingga awal tahun 1952, pengganas komunis juga telah melakukan keganasan ke atas orang awam. Adanya berbagai peraturan dan undang-undang darurat yang telah dikuatkuasakan di sepanjang tahun 1948 hingga tahun 1952, terutama di kawasan yang terlibat tadi telah melemahkan aktiviti pihak komunis.)

| Dalam jangka masa itu keadaan pengganas komunis yang sukar mendapat bahan makanan dan keperluan lain telah mendesak mereka untuk menyerang orang-orang awam demi untuk mendapatkan bahan asas tersebut. Di antara undang-undang atau peraturan darurat yang dikeluarkan di bawah The Emergency Regulations Ordinance, 1948 yang mengakibatkan berbagai halangan ke atas pergerakan dan kegiatan komunis ialah peraturan yang mewajibkan pendaftaran kad pengenalan diri atau Emergency (Registration Areas) Regulations 1948, undang-undang catuan makanan di kawasan yang terlibat atau "Emergency (Food Restricted Areas) Regulations 1951" dan peraturan yang dikenakan ke atas kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan hitam melalui undang-undang yang dinamakan Emergency (Controlled Areas) Regulations 1951)

Pada 25 Ogos 1948, Kerajaan Trengganu telah mengisyiharkan kawasan Kemaman, Dungun, Ulu Trengganu dan Kuala Trengganu sebagai kawasan pendaftaran melalui satu peraturan yang dikenali sebagai Registration (Trengganu) Order, 1948.⁴⁹ Peraturan ini diperluaskan lagi meliputi seluruh negeri Trengganu pada 15 Oktober 1948.⁵⁰ Kemudian Kerajaan Trengganu telah mengisyiharkan adalah menjadi satu kesalahan besar bagi setiap penduduk yang tidak memiliki kad pengenalan selepas daripada 15 Mac 1949.⁵¹

Pengisyiharan undang-undang dan peraturan darurat terutama di kawasan yang terlibat menyebabkan komunis susah untuk

⁴⁹GGST, 1948, 11 Oktober 1948.

⁵⁰Ibid.

⁵¹Ibid.

bergerak bebas. Dengan ini, mulai tahun 1951 pengganas komunis mula menjalankan kempen anti-pendaftaran di samping mengadakan sekat dan rompakan terhadap orang awam untuk mendapatkan bahan makanan dan lain-lain keperluan.

Dalam satu kejadian yang berlaku pada awal tahun 1951, sebuah bas penumpang kepunyaan Syarikat Thong Air Omnibus Co. Ltd. yang membawa penumpang dalam perjalananannya di antara Chukai ke Air Putih telah ditahan oleh segerombolan pengganas komunis. Pada mulanya mereka melepaskan beberapa das tembakan sebagai ugutan supaya pemandu bas tersebut memberhentikan basnya. Pengganas tersebut telah merampas sejumlah besar kad pengenalan penumpang. Mereka juga merampas bahan-bahan makanan yang dibawa bersama oleh penumpang. Dalam kejadian ini pengganas komunis juga cuba membawa lari beberapa orang pemuda. Walau bagaimanapun mereka gagal berbuat demikian kerana tembakan awal mereka itu telah kedengaran oleh satu kompeni *Jungle Squads* yang ketika itu sedang berada di Kuala Tayor, lebih kurang dua batu jauhnya dari tempat kejadian itu. Anggota pasukan keselamatan dari pasukan *Jungle Squads* itu segera menuju ke tempat kejadian itu menyebabkan pengganas komunis terpaksa berundur.⁵²

Tembakan awal pengganas komunis itu juga didengari oleh anggota polis yang berada di balai polis Air Putih. Dengan itu OSC Air Putih iaitu Sarjan Ujang dengan segera mengumpulkan beberapa orang anggota polis dan orang-orang kampung yang mempunyai senapang. Mereka dibahagikan kepada dua pasukan iaitu satu pasukan di bawah pimpinan Sarjan Ujang sendiri menuju ke arah kejadian itu melalui jalan raya. Satu pasukan lagi diketuai oleh Encik Amir bin Lisut dengan membawa lebih kurang lapan orang awam yang bersenjatakan senapang melalui jalan hutan. Akhirnya pengganas komunis yang terlibat dalam kejadian tadi telah bertembung dengan pasukan awam yang diketahui oleh Encik Amir itu. Pertempuran telah berlaku hampir tiga puluh minit di antara kedua pasukan. Dalam kejadian itu dua orang awam dalam pasukan Encik Amir telah terkorban, manakala dua orang pengganas komunis juga

⁵²Kenyataan yang diberi oleh bekas Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977, bekas Penghulu Air Putih — Encik Amir bin Lisut pada 28.7.1977 dan bekas Penghulu Chukai — Encik Othman bin Hamzah pada 27.7.1977.

terkorban. Seorang dari pengganas komunis yang terkorban itu ialah Ah Ngee yang dipercayai menjadi ketua gerombolan pengganas komunis itu. Ah Ngee berjaya ditembak mati oleh Encik Amir sendiri.⁵³

Dalam tahun itu juga pengganas komunis telah menyerang sebuah lori yang membawa beras kepunyaan Syarikat Jaya Kemanan iaitu sebuah syarikat perniagaan dan pengangkutan bumiputera. Kejadian ini berlaku di Batu 10 jalan Chukai ke Air Putih. Dalam kejadian ini pengganas komunis telah berjaya merampas dan membawa lari beberapa guni beras. Mereka juga telah menembak mati pemandu lori tersebut Encik Abdul Ghani bin Jaafar. Sebelum pengganas komunis ini melarikan diri mereka sempat juga memusnahkan dan membakar lori tersebut.⁵⁴

Sepanjang tahun 1951 itu, pengganas komunis juga sering merompak kedai-kedai di pekan-pekan kecil di kawasan Ajil, Air Putih, Jerangau, Ulu Jabor, Kerteh, Ibok dan Air Jernih.⁵⁵ Mulai tahun 1952, pelancaran Rancangan Briggs seperti rancangan pengumpulan dan penempatan semula (Resettlements and Regrouping Areas), serta tertubuhnya pasukan kawalan kampung atau *Home Guards* di kawasan yang terlibat itu sedikit sebanyak dapat membendung kegunaan komunis di kawasan yang terlibat itu.

Melihatkan kepada peristiwa atau keganasan komunis di Trengganu seperti yang telah dibicarakan, nyatalah tumpuan keganasan komunis itu adalah di kawasan selatan Trengganu, terutama di daerah Kemaman. Sehingga akhir tahun 1951 semua kawasan hitam yang diisyiharkan di Trengganu adalah terletak di daerah Kemaman. Kawasan seperti ini dikenali juga sebagai *Controlled Areas* dan mempunyai pengawasan dan kawalan yang rapi. Sehingga akhir tahun 1951 terdapat enam kawasan *Controlled Areas* di Trengganu.

⁵³Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Chukai — Encik Othman bin Hamzah pada 27.7.1977, Ulu Jabor — Encik Tawang bin Yunus pada 16.8.1977 dan Air Putih — Encik Amir bin Lisut pada 28.7.1977. Encik Amir Lisut adalah orang yang terlibat dalam kejadian ini.

⁵⁴Kenyataan ini diberi oleh Encik Alias bin Dato' Khalid pada 20.7.1977 di rumahnya di Kuala Trengganu. Allahuhyarham Encik Abdul Ghani bin Jaafar adalah adik ipar kepada Encik Alias.

⁵⁵Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu, Encik Amir Lisut (Air Putih) pada 28.7.1977, Syed Mohd Hussein (Ulu Chukai) dan kenyataan bekas Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977.

Beberapa faktor penting dapat menjelaskan mengapa Kemaman merupakan sasaran keganasan komunis, terutama dalam masa tercetusnya darurat hingga ke awal tahun 1952. Faktor-faktor tersebut ialah:

- (a) Semua estet getah dan hampir semua lombong bijih di negeri Trengganu diusahakan di Kemaman.
- (b) Keadaan dan kedudukan Kemaman sebagai kawasan strategi bagi keganasan komunis.
- (c) Daerah Kemaman mempunyai penduduk Cina yang paling ramai di antara daerah-daerah lain di Trengganu.

Jadual I (a)
Kawasan Kawalan Yang Terdapat di Daerah Kemaman
Sehingga Akhir Tahun 1951⁵⁶

Kawasan Kawalan (Controlled Areas)	Tarikh diisyiharkan	Mukim	Daerah
1. Trengganu Controlled Areas (No. 1) (Bundi)	15 April 1951	Bundi	Kemaman
2. Trengganu Controlled Areas (No. 2) (Air Putih Road)	17 April 1951	Air Putih	Kemaman
3. Trengganu Controlled Areas (No. 3) (Kerteh)	10 Mei 1951	Kerteh	Kemaman
4. Trengganu Controlled Areas (No. 4) (Jabor Valley Estate)	13 Mei 1951	Ulu Jabor	Kemaman
5. Trengganu Controlled Areas (No. 5) (Ulu Chukai-Tebak)	5 Jun 1951	Ulu Chukai dan Tebak	Kemaman
6. Trengganu Controlled Areas (No. 6) (Bt. Labohan)	26 Sept. 1951	Kerteh	Kemaman

⁵⁶GGST 1951, April, Jun dan September 1951.

Pada peringkat awal darurat, khususnya dalam tahun 1948 hingga tahun 1951, terdapat dua buah estet getah yang terbesar di negeri Trengganu. Kedua estet ini terletak dalam daerah Kemaman. Estet tersebut ialah Kretay Estate Rangoon yang terletak dalam mukim Kerteh dan Jabor-Valley Estate yang terletak di mukim Ulu Jabor. Kedua estet getah meliputi lebih kurang 15,900 ekar dan dipunyai oleh syarikat Eropah.⁵⁷

Hampir semua lombong dan usaha perlombongan terutamanya perusahaan dalam perlombongan bijih timah di negeri Trengganu giat diusahakan di Kemaman.⁵⁸ Ini disebabkan kawasan longgokan (deposit) bijih timah yang terdapat di negeri Trengganu termasuk dalam lingkungan yang dikenali sebagai Eastern Tin Belt.⁵⁹ Kawasan terkaya simpanan bijih timah yang termasuk dalam lingkungan tersebut di pantai timur terletak di bahagian timur Pahang yang berlanjutan ke utara sejauh kira-kira lima puluh batu meliputi bahagian selatan negeri Trengganu.⁶⁰ Sebahagian besar dari kawasan yang meliputi bahagian selatan Trengganu ini meliputi kawasan perlombongan bijih timah yang terbesar yang terdapat di negeri Trengganu iaitu di kawasan Ulu Kemaman, khususnya kawasan Bukit Bandi, Kajang, Tebak dan Sungai Ayam.⁶¹

Punca utama kekayaan ekonomi Tanah Melayu menjelang darurat dan di sepanjang masa darurat adalah bergantung kepada pengeluaran bijih timah dan getah. Pada tahun 1948 Tanah Melayu telah menghasilkan hampir satu per tiga daripada jumlah pengeluaran getah asli dan bijih timah⁶² di seluruh dunia.

⁵⁷ ARST — 1949, h. 12.

⁵⁸ Selain dari kawasan perlombongan yang terdapat di daerah Kemaman, terdapat juga sebuah lagi kawasan perlombongan di daerah Dungun iaitu kawasan perlombongan bijih besi di Bukit Besi Dungun. (Lihat Mohd Hairon Yassar, 'Sejarah Perlombongan di Bukit Besi, 1929-1970', Latihan Ilmiah Sarjana Muda 1975/76, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur).

⁵⁹ ARPTG. Tr. 1948, kawasan Eastern Tin Belt ini tidaklah begitu luas berbanding dengan kawasan bijih timah di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu.

⁶⁰ Siti Hanun Bt. Mohd. Sangkut, 'Masalah-masalah Tertentu Dalam Perusahaan Bijih Timah dan Prospek Masa Hadapan di Malaysia Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1974, h. 5.

⁶¹ Mohd Hairon Yassar, 'Sejarah Perlombongan di Bukit Besi, 1929-1970', Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Bab I.

⁶² R. Stubbs, "Counter-Insurgency and the Economic factor, The Impact of the Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency," dalam *Occasional Paper No. 19 Institute of South Past Asian Studies*, h. 2.

Jadi untuk mencapai peringkat pertama strategi mereka, khususnya untuk melemahkan ekonomi negara, pengganas komunis menumpukan sebahagian besar keganasan mereka di kawasan lombong bijih timah dan di estet getah. Bentuk dan corak keganasan yang dilakukan oleh pengganas komunis di negeri Trengganu telah pun disebutkan.

Selain dari itu, sebahagian besar kawasan di Ulu Kemaman adalah bersempadan dengan kawasan di selatan negeri Pahang. Dalam tahun 1948 pengganas komunis telah memilih selatan Pahang sebagai pusat operasi dan kegiatan keganasannya di bahagian selatan, sebagaimana dilaporkan:

{ "The original idea for the Southern base was that it was to be near Broga on the border of Negeri Sembilan and Selangor but this was dropped in favour of south Pahang: in the Tasek Bera, one of the fresh water swamps areas of Malaya."⁶³ }

Jadi tidaklah menghairankan bagaimana pengganas komunis yang menjalankan operasi di Trengganu, khususnya di kawasan Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan Ulu Trengganu itu mempunyai hubungan dengan pengganas komunis yang berpusat di selatan Pahang itu. Keadaan ini semakin nyata lagi apabila jarak perjalanan sebahagian besar kawasan di Ulu Kemaman menuju ke kawasan di sempadan Pahang itu adalah dekat dan tidak pula memakan masa perjalanan yang lama. Perjalanan yang dilakukan dengan berjalan kaki dari kawasan Ulu Jabor melalui Ban Ho menuju ke sempadan Pahang hanya memakan masa di antara tiga puluh minit hingga satu jam. Begitu juga perjalanan berjalan kaki di antara kawasan Bändi melalui Bukit Paloh ke sempadan Pahang itu hanya memakan masa di antara empat puluh minit hingga satu setengah jam sahaja.⁶⁴ Dari sempadan kawasan Pahang ini pula perjalanan ke arah Ulu Tembeling, Jabor, Kuantan dan Sungai Lembing di Pahang hanya memakan masa di antara satu hingga dua jam sahaja.

Perjalanan yang tidak memakan masa begitu lama di

⁶³A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 104.

⁶⁴Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai - Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977 dan bekas Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977. Syed Mohd pernah bersama-sama psukan "Operational Section" HG membuat operasi-operasi memburu komunis hingga ke sempadan Pahang. Begitu juga dengan Sjn. Sulung yang bergiat dalam "Jungle Squads".

antara kawasan Ulu Kemaman dengan sempadan Pahang telah memudah dan menggalakkan pengganas komunis melakukan keganasan mereka dengan nekad. Apabila mereka diburu oleh pasukan keselamatan mereka dengan mudah dapat berundur ke kawasan sempadan Pahang dan akhirnya masuk ke kawasan terpencil di Pahang.

Daerah Kemaman mempunyai bilangan penduduk Cina yang paling ramai di antara daerah lain di negeri Trengganu, terutamanya menjelang peristiwaran darurat dan di sepanjang masa darurat. Daerah ini mempunyai jumlah penduduk Cina yang melebihi satu per tiga daripada jumlah semua penduduk Cina yang tinggal di Trengganu. Keadaan ini dapat dilihat dalam banci orang Cina di Trengganu pada tahun 1947, seperti di bawah ini:

Jadual I (b)
Taburan Penduduk Cina Mengikut Daerah
di Seluruh Trengganu 1947.⁶⁵

Daerah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1. Kemaman	4,179	2,481	6,660
2. K. Trengganu	2,949	2,262	5,211
3. Dungun	1,416	949	2,365
4. Ulu Trengganu	290	172	462
5. Besut	550	355	858
6. Marang	170	138	308
Jumlah	9,507	6,357	15,864

Hakikat bahawa sebahagian besar pengganas komunis di Tanah Melayu terdiri dari orang Cina memang tidak dapat dinafikan, malah penduduk keturunan Cinalah yang telah menguasai gerakan komunis di Tanah Melayu ini.⁶⁶ Oleh kerana sebahagian besar pengganas komunis berketurunan Cina dan sangat sedikit orang

⁶⁵M.V. Del Tufo, *A Report on The 1947 Census of Population*, London, h. 379.

⁶⁶Zainal Abidin Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, h. 113.

Melayu dan India yang turut serta dalam kegiatan komunis itu maka sudah tentulah ini menggambarkan kurangnya sokongan atas pergerakan komunis itu yang datang dari orang Melayu dan orang India itu sendiri, sepihama digambarkan:

⁶⁷ "The terrorists were largely alien Chinese with no loyalty to Malaya and the very few Malays and Indians among them attracted negligible support from their own people."⁶⁷

Ada tiga faktor penting untuk menjelaskan mengapa penduduk keturunan Cina di Tanah Melayu ini sangat mudah dipengaruhi dan diresapi oleh propaganda komunis dan seterusnya pula menyokong pergerakan komunis di Tanah Melayu ini. Faktor tersebut ialah:

- (i) Propaganda komunis datangnya dari orang keturunan Cina itu sendiri. Pada umumnya tiap-tiap bangsa mempunyai sikap kesombongan bangsanya (national pride), begitulah juga di kalangan orang Cina.
- (ii) Walaupun terdapat orang Cina di seberang laut, termasuklah di Tanah Melayu ini bukan sebenarnya komunis, tetapi hakikat bahawa mereka ini turut sama mengagung-agungkan Kerajaan Republik Rakyat China yang bertanggungjawab menjadikan negeri China sebagai kuasa besar di dunia, tidak dapat dinafikan lagi.
- (iii) Sebahagian besar penduduk Cina di Tanah Melayu ini terputus atau terasing dari pihak pemerintah.⁶⁸

Semua keadaan ini menyulitkan pihak pemerintah menghapuskan propaganda komunis itu. Di daerah Kemaman umpamanya, sebilangan besar penduduk Cina di kawasan ini tinggal di kawasan terpencil yang jauh dari bandar seperti di Air Jernih, Kemasek dan di Ibok, kedua-duanya di kawasan Ulu Chukai. Di samping itu pula terdapat juga sebilangan orang Cina yang tinggal di kawasan setinggan di Ulu Jabor dan Air Putih. Keadaan seperti ini sangat ketara terutamanya dalam masa pendudukan Jepun sehingga berterusan hingga di peringkat awal perisytiharan darurat di negeri Trengganu.

⁶⁷ A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 14.

⁶⁸ *Ibid*, h. 15.

Kawasan penduduk Cina yang paling besar dan terpencil ialah kawasan Air Jernih, Kemasiik. Di kawasan ini terdapat lebih dari 2,000 orang Cina menjelang perisytiharan darurat di Trengganu.⁶⁹ Keadaan seperti ini memudahkan lagi pengganas komunis menjalankan kempen propaganda mereka. Kawasan Air Jernih yang pada ketika itu didiami oleh orang Cina sering dianggap sebagai pusat di mana pengganas komunis mendapat sokongan dalam bentuk makanan dan juga tenaga terutama di peringkat awal darurat.⁷⁰ Malah sebahagian besar penduduknya adalah anggota *Min Yuen*. Sokongan penduduk Cina terhadap pergerakan orang yang seketurunan dengan mereka khususnya pergerakan komunis ketika itu sangat bersemangat sehingga kawasan Air Jernih dipagar dengan pagar kawat duri dan ada pula masa-masanya dikenakan perintah berkurung. Walaupun begitu masih ada lagi penduduk yang tinggal di kawasan dalam pagar itu yang berani pergi ke tepi-tepi pagar, mencampak atau meninggalkan barang-barang keperluan seperti makanan, rokok, garam, gula dan sebagainya untuk diambil oleh pengganas komunis yang ada di situ.⁷¹

Walau apa pun bentuk dan corak pergerakan komunis, khususnya melalui berbagai kegiatan keganasan untuk menjayakan ketiga peringkat dalam strateginya, terutama di peringkat permulaan darurat, namun nyata kegiatan komunis di negeri Trengganu gagal sama sekali untuk mencapai matlamat perjuangannya itu. Walaupun begitu kegiatan awal yang dilakukan oleh pengganas komunis ini telah menimbulkan berbagai masalah yang perlu difikirkan oleh pihak pemerintah untuk mengatasi dan menghalang kegiatan ke-

⁶⁹Kenyataan ini diberi oleh Lim Tau Yoon iaitu Guru Besar Sekolah (Jenis Kebangsaan) Look Khoon di Air Jernih, pada 26.7.1977. Kenyataan ini diperakui oleh bekas Penghulu Ulu Chukai yang sekarang bertugas sebagai Penghulu Mukim Kemasek iaitu, Syed Mohd bin Hussein. Lim Tau Yoon sendiri adalah dilahirkan di Air Jernih pada 1925. Menurutnya orang Cina telah pun menduduki kawasan Air Jernih itu sejak akhir tahun 1910-an lagi. Tetapi penduduknya bertambah dengan pesatnya di masa pendudukan Jepun di negeri Trengganu 1942-1945.

⁷⁰Pada masa pendudukan Jepun kawasan Air Jernih memang terkenal sebagai pusat kegiatan MPAJA. Setelah Jepun menyerah sebilangan besar anggota-anggota 'Bintang Tiga' telah keluar dari kawasan Air Jernih. (Kenyataan bekas Penghulu Ulu Chukai yang sekarang bertugas sebagai Penghulu Kemasek, Syed Mohd bin Hussein.

⁷¹Kenyataan ini diberi oleh Penghulu Kemasek, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977, bekas Penghulu Kemasek Wan Hamid bin Wan Ibrahim pada 15.8.1977 dan bekas Sjn. Sulung bin Said pada 7.8.1977.

ganasan komunis di negeri Trengganu ini. Penyelesaian dari aspek sosial, khususnya penubuhan pasukan pertahanan sukarela iaitu Home Guard dan rancangan pengumpulan dan penempatan semula terutama sekali pembukaan Kampung-kampung Baharu selepas tahun 1951, merupakan senjata yang sangat berkesan dalam usaha pemerintah untuk menghalang dan seterusnya menghapuskan segala kegiatan keganasan komunis di negeri Trengganu dan di Tanah Melayu. Kedua bentuk penyelesaian dari aspek sosial ini akan dibincarakan dalam bab seterusnya.

Sebagai kesimpulan, dapatlah ditegaskan iaitu berbanding dengan negeri-negeri lain yang diancam hebat oleh keganasan komunis, khususnya Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang, maka serangan dan kegiatan keganasan komunis yang berlaku di negeri Trengganu tidaklah begitu kerap dan' hebat sebagaimana berlaku di negeri-negeri yang disebutkan itu.⁷² Tetapi corak dan bentuk keganasan mereka di negeri Trengganu adalah menyerupai corak dan bentuk keganasan yang berlaku di negeri-negeri yang disebutkan itu.

⁷²Sehingga bulan Disember 1950, bilangan pengganas komunis yang terbunuh ialah 10 orang, ditawan 3 orang, menyerah diri 18 orang, sementara yang luka parah tidak diketahui. Dalam masa yang sama, pasukan keselamatan kematian 6 orang, luka parah 2 orang, sementara orang awan pula yang terbunuh 5 orang dan luka parah seorang. Sila lihat, *Speech of the Sultan of Trengganu, Budget Meeting of the State Council, Disember 1950*.



BAB 2

PASUKAN PERTAHANAN SUKARELA — “HOME GUARD”

Peringkat Awal Darurat

Anggota pasukan pertahanan di negeri Trengganu pada masa tercetusnya darurat tahun 1948 itu adalah kecil. Jumlah keseluruhan anggota pasukan keselamatan yang ada di negeri Trengganu ketika itu tidak melebihi 665 orang. Angka mengikut jenis pasukan pertahanan di Trengganu sebagaimana dilaporkan pada akhir tahun 1948 adalah seperti berikut:¹

Jenis Pasukan Pertahanan	Jumlah Anggota
Polis Biasa	400 orang*
Special Constables (SC)	100 orang
Auxilliary Police (AP)	150 orang
Jungle Squads - 1 unit	15 orang

(*tidak melebihi 400 orang).

Memandangkan ancaman komunis yang semakin menjadi-jadi khususnya di kawasan selatan Trengganu dan Ulu Trengganu, maka mulai akhir tahun 1948 jumlah anggota pasukan keselamatan terpaksa ditambah. Dengan berbagai langkah, Trengganu telah dapat menambah anggota SC menjadi 379 orang, AP, 2, 743 orang dan menambah pengambilan anggota Polis Biasa.² Namun begitu jumlah anggota pasukan keselamatan di Trengganu masih lagi tidak

¹ A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, Frederick Muller Ltd., London, 1975, h. 150.

² Annual Report, State of Trengganu (ARST), 1948, Printed at the Kedah Govt. Press, Alor Star, 1949, h. 2.

mampu untuk mempertahankan negeri Trengganu dari ancaman komunis.

Bantuan tambahan anggota pasukan pertahanan adalah perlu dan mendesak, sehingga pada awal bulan November 1948, CPO Trengganu dengan persetujuan dari sokongan Menteri Besar dan Penasihat Inggeris di Trengganu meminta pihak berkuasa di Kuala Lumpur untuk menghantar bantuan tambahan sekurang-kurangnya dua kompeni pasukan pertahanan seberapa segera. Malangnya permintaan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh pihak berkuasa di Kuala Lumpur dengan alasan mereka menghadapi kesukaran semasa perjalanan dalam musim tengkujuh. Di samping itu pihak berkuasa di Kuala Lumpur menganggap tidak ada sebarang sasaran operasi tertentu untuk menghapuskan gerakan komunis di negeri Trengganu ketika itu.³

Peranan pasukan keselamatan, khususnya kegigihan anggota Polis Biasa, AP, SC serta *Jungle Squads* dengan dibantu oleh undang-undang dan Peraturan Darurat 1948 itu, sedikit sebanyak telah melemahkan pergerakan dan kegiatan komunis.⁴ Namun demikian keadaan ini tidaklah dapat menghapuskan semua ancaman dan keganasan komunis di situ.

Bilangan anggota pasukan keselamatan yang kecil menyebabkan usaha untuk menjaga keamanan dan pertahanan sukar dijalankan.⁵ Serang hendap yang dilakukan oleh pengganas komunis ke

³A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 150-151. Sebelum isyarat untuk mendapatkan bantuan ini dihantar kepada pihak di Kuala Lumpur oleh CPO Trengganu pada awal bulan November itu, pihak berkuasa di Kuala Lumpur telah pun menghantar satu platoon daripada Regimen Askar Melayu untuk melancarkan operasi terhadap keganasan komunis di Trengganu. Sebagaimana dilaporkan, operasi ini telah tidak memberi apa-apa kesan untuk melemahkan kegiatan komunis di Trengganu. Selepas itu platoon itu segera diarahkan kembali ke Kuala Lumpur. Terdahulu dari itu iaitu dalam bulan September/Okttober satu kompeni daripada askar Gurkha juga dihantar untuk membuat operasi mengesan dan memburu pengganas komunis di kawasan yang terlibat di Trengganu. Operasi ini juga dilaporkan tidak berhasil.

⁴Di antara undang-undang dan peraturan di bawah Peraturan Darurat 1948 ialah (i) 'Registration (Trengganu) Order 1948' yang mewajibkan setiap penduduk memiliki kad pengenalan diri, (ii) 'Trengganu Controlled Area Order 1952' yang antara lainnya mengenakan perintah berkurung pada masa tertentu di Kawasan Kawalan dan (iii) 'Trengganu Food Restricted Areas Order 1951', di mana penduduk di kawasan yang terlibat dikenakan catuan bahan makanan.

⁵Bagi pasukan Polis Biasa, tugas mereka umumnya ialah mengawal dan mempertahankan balai dan pondok kawasan polis dari serangan komunis. Di

atas anggota pasukan keselamatan, orang awam, balai polis dan pondok kawalan polis di kawasan Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan beberapa kawasan di Ulu Trengganu (seperti yang telah disebutkan dalam Bab I) berlaku begitu sahaja tanpa sebarang tindak balas segera dari pasukan keselamatan. Tugas operasi memburu pengganas komunis di peringkat awal darurat bagi seluruh negeri Trengganu hanya dilakukan dan dibebankan ke atas satu unit anggota *Jungle Squads* yang hanya mengandungi seramai lima belas orang anggota.⁶ Bilangan ini adalah mustahil bagi mereka untuk melancarkan operasi memburu pengganas komunis dengan lebih berkesan, khususnya di kawasan yang terancam oleh keganasan komunis di Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan Ulu Trengganu.

Oleh kerana sebahagian besar ancaman keganasan komunis berlaku di bahagian selatan negeri Trengganu, terutama di Ulu Dungun dan Ulu Kemaman, maka sebahagian besar anggota SC dan AP terpaksalah ditempatkan di kawasan tersebut. Kawasan utama penempatan sebahagian besar daripada anggota SC ialah Kretay Estate and Plantations di Kerteh, Jabor Valley Estate di Ulu Jabor dan di kawasan perlombongan seperti di Kajang, Tebak, Bandi dan Bukit Besi. Anggota SC ini bertugas secara bergilir-gilir. Tiap-tiap

samping itu mereka juga menjadi tugas harian menjaga keamanan dan ketenteraman di sesebuah kampung, mukim atau daerah. Di peringkat awal darurat, disebabkan bilangan anggota mereka terhad, maka mereka tidak berpeluang untuk melancarkan operasi memburu pengganas komunis di dalam hutan. Bagi pasukan AP pula, tugas utama mereka ialah untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada anggota Polis Biasa di sesuatu tempat. Latihan yang diberikan kepada anggota-anggota AP adalah secara sambilan dan tidaklah setara dengan latihan yang diterima oleh Polis Biasa dan SC. Dengan itu mutu dan kecekapan perkhidmatan mereka agak rendah. Pasukan SC pula diberikan tugas mengawal kawasan yang strategi baik dari segi kepentingan ekonomi seperti mengawal estet dan kawasan perlombongan dan juga mengawal tempat yang penting seperti tempat simpanan senjata api dan bahan letupan. Selain daripada anggota SC juga adakalanya membantu anggota Polis Biasa mengawal pondok dan balai polis terutamanya di kawasan yang terpencil: Maklumat yang diterima adalah hasil temuramah dengan bekas Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977, Sjn. Zaini Amat pada 28.7.1977, bekas OCPD Hj. Ghani Dato Dagang Jati pada 19.7.1977, bekas anggota AP Encik Alias Khalid pada 20.7.1977 dan bekas Sjn. SC En. Juafar Husin pada 28.7.1977.

⁶Dalam pembubuhan pasukan Jungle Squads ini anggota-anggotanya dipilih dari anggota pasukan Polis Biasa. Mereka yang dipilih untuk menganggotai pasukan ini biasanya mereka yang cergas dan cekap kerana tugas khusus pasukan jungle Squads iaitu untuk mengadakan operasi memburu pengganas komunis di dalam hutan. Kenyataan ini diberi oleh Sjn. Sulung Said, bekas anggota Jungle Squads pada 14.8.1977.

satu kumpulan mengandungi di antara sepuluh hingga lima belas orang anggota.⁷ Oleh kerana bilangan anggota SC itu kecil maka seringkali juga dalam menjalani tugas mereka dibantu oleh anggota AP dan Polis Biasa.

Dalam menjalankan tugas mereka, anggota pasukan keselamatan, khususnya AP, SC dan Polis Biasa dapat mematahkan sebahagian besar serangan komunis di kawasan yang mereka kawal itu. Sebahagian besar serang hendap yang dilancarkan oleh pengganas komunis itu juga dapat dipatahkan oleh pasukan keselamatan. Namun begitu bilangan anggota pasukan keselamatan yang kecil itu menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang untuk bertindak memburu dan mengikuti jejak langkah pengganas komunis apabila pengganas tersebut cuba lari atau mengundurkan diri selepas sesuatu pertempuran berlaku. Di samping itu, anggota pasukan keselamatan juga tidak berpeluang untuk mengatur operasi memburu pengganas komunis yang bergerak di dalam hutan itu dengan lebih berkesan. Faktor inilah yang menggalakkan pengganas komunis melancarkan serangan mereka bertubi-tubi, terutama di kawasan kawalan pondok dan balai polis yang terpencil.⁸

Pada masa itu sistem perhubungan jalan raya di Trengganu adalah terhad dan sangat buruk. Faktor ini juga mengakibatkan pergerakan pasukan keselamatan dari satu tempat ke tempat lain terpaksa memakan masa yang lama. Di kawasan di mana keganasan komunis kerap berlaku terutama di Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan beberapa buah kampung di Ulu Trengganu. Kebanyakan perjalanan dari satu tempat ke tempat lain terpaksa dilakukan melalui sungai.⁹ Ketiadaan lapangan terbang di negeri Trengganu ketika itu juga menyebabkan pihak berkuasa di Kuala Lumpur sukar untuk menghantar bantuan dan pertolongan segera yang diperlukan.¹⁰

Dengan penubuhan kawasan pengumpulan semula (regrouping areas), khususnya dalam kawasan kawalan sejak pertengahan tahun 1951, secara tidak langsung telah menguatkuasakan langkah Keraja-

⁷Kenyataan ini diberi oleh Sjn. Jaafar bin Husin, bekas Sarjan SC pada 28.7.1977.

⁸Maklumat ini diterima hasil dari temu ramah dengan Sjn. Sulung Said, pada 7.8.1977 dan Sjn. Zaaba bin Aman, pada 14.8.1977.

⁹Maklumat ini diterima hasil temuramah dengan bekas OCPD, Hj. Abdul Ghani bin Dato Dagang Jati pada 19.7.1977, Sjn. Sulung Said, pada 7.8.1977 dan Sjn. Jaafar bin Husin, pada 28.7.1977.

¹⁰A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 150.

an untuk mengawal bekalan bahan makanan.¹¹ Walau bagaimanapun keadaan ini tidaklah melemahkan kegiatan pengganas komunis dalam usaha mereka untuk mendapatkan bekalan makanan yang sangat perlu untuk meneruskan perjuangan mereka itu.

Pada akhir tahun 1951 pengganas komunis telah berjaya mengatasi langkah kerajaan untuk mengawal bahan makanan di kawasan pengumpulan semula itu. Salah satu tekitik yang paling berkesan digunakan oleh pengganas komunis untuk mendapatkan makanan ialah dengan menggunakan kaum keluarga yang tinggal di kawasan pengumpulan semula itu. Keluarga tersebut membekalkan makanan kepada anggota *Min Yuen* atau agen komunis untuk diseludup keluar dari kawasan itu.¹² Oleh kerana jumlah anggota pasukan keselamatan yang bertugas mengawal kawasan itu kecil maka kawalan dan pemeriksaan ke atas penduduk yang keluar dan masuk ke kawasan itu tidak dapat dilakukan dengan rapi dan teliti. Ini memudahkan lagi kegiatan agen komunis untuk menyeludupkan bahan makanan dari kawasan kawalan itu. Di kawasan kawalan Air Jernih umpamanya, anggota keselamatan yang bertugas mengawal kawasan berpagar kawat itu tidak melebihi daripada lima belas orang bagi satu-satu masa yang ditentukan. Di kawasan ini penyeludupan bahan makanan seperti beras, gula, garam, ikan kering, rokok serta ubat-ubatan dilaporkan berlaku dengan berleluasa.¹³ Di samping itu penyeludupan bahan makanan itu juga berlaku di

¹¹ *Government Gazettes, State of Trengganu (GGST), 1951, (Bol. IV)*. Apabila langkah mengawal bahan makanan ini dikuatkuaskan, pihak komunis terpaksa memecahkan kumpulan mereka kepada unit yang lebih kecil, supaya anggota-anggota tersebut tidak mudah disyaki oleh pasukan keselamatan. Sila lihat, *Annual Report, Federation of Malaya (ARFM)*, 1951, percetakan kerajaan, Kuala Lumpur, h. 2.

¹² Kenyataaan ini diberi oleh bekas OCPD, Hj. Abd. Ghani Dagang Jati, pada 19.7.1977. Lihat juga *ARFM*, 1951, h. 2.

¹³ Maklumat ini diterima hasil temuramah dengan bekas Penghulu Kemasek, Wan Hamid bin Wan Ibrahim, pada 15.8.1977, bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein, pada 26.7.1977 dan bekas OCPD, Hj. Abd. Ghani bin Dato Dagang Jati, pada 19.7.1977. Kejadian penyeludupan keluar bahan makanan dan lain-lain bahan keperluan di kawasan Air Jernih terus berlaku sehingga menjelang pertengahan tahun 1952 apabila semua penduduk di kampung Air Jernih itu diarahkan keluar dari kampung tersebut. Sebahagian dari penduduk tersebut berpindah ke kampung Baharu Batu Lima Dungun. Tetapi sebahagian besar dari penduduk kampung tersebut telah berpindah ke bandar-bandar seperti Chukai, Kuantan dan bandar-bandar di Pantai Barat.

kawasan kawalan yang lain terutama di Air Putih, Jabor Valley Estate di Ulu Jabor, Bandi, Ulu Chukai, Tebak dan di Kerteh.¹⁴

Penubuhan kawasan penempatan semula khususnya kampung baharu pada akhir tahun 1951 di Batu Lima Dungun, Batu Rakit dalam daerah Kuala Trengganu dan di Ulu Jabor Kemaman, menyebabkan tugas yang dijalankan oleh pasukan keselamatan semakin bertambah dan rumit. Pembukaan kampung baharu ini menyebabkan langkah untuk mengawal bahan makanan seperti yang dikenakan ke atas kawasan pengumpulan semula terpaksa dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Sebagaimana di kawasan pengumpulan semula, penyeludupan bahan makanan juga selalu berlaku di kampung baharu terutama pada peringkat awal pembukaannya.

Pasukan Home Guards

Memandangkan keselamatan dan ketenteraman penduduk yang tidak terjamin di kawasan yang diancam oleh komunis itu, maka Kerajaan merasakan perlu diwujudkan kerjasama dengan penduduk di kawasan yang terlibat untuk menubuhkan pasukan pertahanan awam.¹⁵ Dengan kesedaran itu maka pada akhir tahun 1950 unit pasukan kawalan Kampung atau lebih dikenali dengan "Kampung Guards" (KG) telah ditubuhkan di kampung yang diancam oleh komunis.¹⁶ Sebahagian besar daripada unit "Kampung Guards" (KG) telah ditubuhkan di kampung yang diancam oleh komunis. Sebahagian besar daripada unit "Kampung Guards" ini ditubuhkan di kawasan luar bandar di daerah Kemaman, Dungun, Ulu Trengganu, Besut dan juga di daerah Kuala Trengganu sendiri.¹⁷

Penubuhan kawasan pengumpulan dan penempatan semula mulai dalam tahun 1951 di Trengganu itu juga mengakibatkan tugas dan tanggungjawab anggota pasukan keselamatan bertambah luas dan rumit sebagaimana dilaporkan:

¹⁴*Ibid.* Di kawasan ini kejadian penyeludupan bahan makanan dan ubat-ubatan itu tidaklah sehebat sebagaimana yang berlaku di kawasan Air Jernih. Ini adalah kerana penduduk Cina merupakan minoriti di kawasan tersebut.

¹⁵Kenyataan oleh bekas ketua Pegawai HG Negeri Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

¹⁶*Ibid.* Penubuhan Kampung Guards ini adalah menurut arahan Peraturan Darurat (Home Guards) 1950 yang dikeluarkan dalam bulan September 1950.

¹⁷Kenyataan dari bekas Ketua Pegawai HG Negeri Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

"Owing to the many other commitments falling on the Police Force, it become clear that the inhabitants themselves would have to play a large part in making their villagers secure against the predatory attacks of the terrorists".¹⁸

Sebenarnya arahan dan langkah yang dikenakan oleh Kerajaan dalam tahun 1951 dan seterusnya memerlukan kerjasama yang lebih bersungguh-sungguh dari penduduk di kawasan yang diancam oleh keganasan komunis itu. Undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan di bawah Peraturan Darurat 1948, terutama bagi penduduk di kawasan pengumpulan dan penempatan semula yang lebih rapi dan bersungguh-sungguh oleh pasukan keselamatan adalah untuk memastikan kawalan keselamatan.¹⁹

Dengan ini, pada 1 April 1952 unit pasukan HG mulai ditubuhkan serentak di kawasan pengumpulan dan penempatan semula, yang meliputi kampung baharu, dan di kampung yang selalu diancam oleh komunis.²⁰ Dengan penubuhan pasukan HG ini, unit pasukan HG yang ditubuhkan di kampung-kampung lama sejak akhir tahun 1950 telah diperkemaskan dan diserapkan ke dalam pasukan HG yang baru.²¹ Kawasan yang terlibat dengan penubuhan unit pasukan HG ini adalah seperti berikut:²²

¹⁸ ARFM, 1951, h. 2.

¹⁹ Kenyataan bekas Ketua Pegawai HG negeri Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977. Arah yang dikenali sebagai "Trengganu Food Restriated Areas Order 1951" yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Trengganu mulai 4 Ogos 1951, khususnya ke atas kawasan kawalan dalam kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu sangat memerlukan kawalan yang rapi, sebagai langkah untuk menghalang bekalan bahan makanan di kawasan tersebut diseludup keluar untuk pengganas komunis. Kawalan yang terlibat di bawah arahan ini ialah Ulu Jabor, Bukit Labohan, Kerteh, Air Putih, Bandi, Ulu Chukai, Tebak dan kawasan Kretay Estate and Plantations di Kerteh. (Lihat juga, GGST, 1951, (Vol. IV).

²⁰ Ibid. Lihat juga GGST, 1953, (Vol. VI). Penubuhan pasukan HG di negeri Trengganu adalah menurut Peraturan Darurat (HG) 1951, di bawah undang-undang "The Emergency Regulation Ordinance, 1948". Sila lihat *The Emergency Regulations Ordinance 1948 (Federation of Malaya, No. 10 ed. 1948)*, Printed at the Government Press, Kuala Lumpur, 1953, h. 103-106.

²¹ Ibid, Lihat juga, ARFM, 1951, h.

²² Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1907 dan Hj. Abd. Ghani bin Dato' Dagang Jati. Hj. Abd. Ghani adalah bekas Inspektor HG di Ulu Trengganu dari Jun 1952 — Disember 1953. Menurut GGST, 1953, No. 132, Vol. IV, 6 Februari 1953, perlaksanaan arahan Peraturan Darurat (Home Guards) 1951, di negeri Trengganu mula dikuatkuasakan pada April 1952 di kawasan seperti daerah Kemaman, Dungun, Ulu Trengganu, Besut dan Kuala Trengganu. Dalam menentukan penubuhan

Daerah	Kawasan/Mukim	Daerah	Kawasan/Mukim
1. KEMAMAN	Ulu Jabor Bandi Tebak Ulu Chukai Binaji Telok Kalong Kijal Kemasik Kerteh Pasir Semut Air Putih Bukit Mentok	3. ULU TRENGGANU	Tanggol Jenagor Penghulu Dimang Tersat Ulu Brang
2. DUNGUN	Jerangau Besul Rasau Kuala Paka Ulu Paka Pasir Raja	4. BESUT	Bukit Kenak Pelagat Lubuk Kawah Pasir Akar Ulu Setiu Ulu Besut
		5. KUALA TRENGGANU	Bukit Payong Serada Pulau-pulau

Pengambilan Anggota dan Perlantikan Pegawai Dalam Pasukan HG

Dalam kawasan atau kampung yang terlibat dengan Penubuhan unit pasukan HG itu, setiap orang lelaki yang berumur di antara 18 tahun hingga 55 tahun boleh mendaftarkan diri untuk menjadi ahli pasukan HG. Di samping itu pihak berkuasa atau *competent authority*, mempunyai kuasa untuk mengarahkan sesiapa sahaja dalam lingkungan umur tersebut untuk mendaftarkan diri sebagai ahli dalam pasukan HG di daerah atau kampung mereka. Pihak berkuasa juga boleh mengeluarkan notis ke atas sesiapa sahaja dalam lingkungan umur yang disyaratkan itu untuk bertugas, sama ada sepenuh masa ataupun pada masa yang ditentukan sahaja.²³ Di samping itu, sesiapa sahaja yang dapat memberikan alasan yang logik atau menasabah kepada pihak berkuasa untuk dikecualikan

pasukan HG di sesuatu kawasan itu, Menteri Besar dan Inspektor General HG adalah berkuasa untuk menentukannya. Sila lihat para 3, Peratusan Darurat (Home Guards) 1951, (dlm) *The Emergency Regulations Ordinance, 1948 (Fed. of Malaya, No. 10 of 1948)*, h. 103-106.

²³"Peraturan Darurat (Home Guards) 1951", dlm. *The Emergency Regulations Ordinance, 1948*, h. 103-106. Dalam makna yang lebih khusus pihak berkuasa atau "competent authority" adalah terdiri daripada Ketua Pegawai HG Negeri atau mana-mana pegawai berkenaan yang diberi kuasa sebagai mewakili Menteri Besar.

daripada menjadi anggota pasukan HG, boleh dipertimbangkan pengecualianya oleh pihak berkuasa.²⁴ Penubuhan unit pasukan HG ini akhirnya berjaya menambah anggota AP menjadi hampir 3,000 orang.²⁵

Sebelum bulan Mei 1953, unit pasukan HG yang tertubuh di seluruh Trengganu tertakluk kepada arahan dan pengawasan pegawai polis di daerah masing-masing.²⁶ Ini disebabkan kurangnya pegawai yang berpengalaman dan sesuai untuk dilantik sebagai pegawai HG. Walaupun begitu, keadaan ini telah dapat diatasi mulai awal bulan Mei 1953, apabila beberapa orang pegawai tinggi HG di peringkat negeri dan daerah dilantik untuk mengendalikan sepenuhnya pasukan HG itu secara berasingan dari pasukan polis.²⁷

Sebahagian besar daripada pegawai HG yang dilantik sama ada di peringkat negeri atau daerah di seluruh negeri Trengganu itu terdiri daripada pesara-pesara, khususnya bekas pegawai polis yang sedang bersara.²⁸ Pada awal bulan Mei 1953, HCF. Armstrong, seorang pegawai polis berpangkat ASP, yang bercadang untuk bersara telah dilantik menjadi Ketua Pegawai HG Negeri.²⁹ Berpangkat Leftenan Kolonel, beliau bertanggungjawab ke atas semua unit pasukan HG di negeri Trengganu. Di samping itu seorang bekas Ketua Inspektor yang telah bersara, Encik Mohd bin Cheak, telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai HG negeri Trengganu.³⁰

Di samping itu terdapat juga pegawai HG di peringkat jajahan, daerah dan mukim. Di jajahan timur yang terdiri daripada daerah Kemaman dan Dungun, Encik Mohd Affendi bin Doren telah dilantik menjadi Pegawai HG jajahan dengan pangkat Kapten.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

²⁶ *Ibid.* Sebelum bulan Mei 1953 terdapat beberapa orang pegawai HG di peringkat negeri dan daerah. Walaupun begitu tugas dan tanggungjawab mereka hanya terhad kepada kerja pengambilan anggota, latihan dan pentadbiran. Segala tahanan untuk kegiatan dan pergerakan unit dalam pasukan HG adalah datangnya dari pegawai polis sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri. Sila lihat juga, R.L. Chutterbuck, *The Long Long War*, Frederick, A. Praeger, New York, 1966, h. 59.

²⁷ Kenyataan oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977 dan Hj. Abd. Ghani Dato' Dagang Jati, pada 19.7.1977.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *GOST, 1953*, 31 Jun 1953.

³⁰ *Ibid.*

Beliau kemudian diganti oleh Encik Ibrahim bin Mat Noh pada bulan April, 1953.³¹ Sebelum bulan Jun, 1953, unit HG yang ditubuhkan di daerah Besut, khususnya di jajahan barat, adalah tertakluk terus kepada Ketua Pegawai HG Negeri di Kuala Trengganu.³² Di daerah Ulu Trengganu pula, seorang bekas Inspektor Polis yang bersara, Encik Abdul Ghani bin Dato Dagang Jati telah dilantik menjadi Inspektor HG yang bertanggungjawab ke atas pergerakan dan kegiatan unit pasukan HG di kawasan Ulu Trengganu.³³ Mulai bulan Jun, 1953, dua daerah iaitu Besut dan Ulu Trengganu diletakkan di bawah tanggungjawab Encik Zambly bin Yeop yang berpangkat Kapten dan bertugas sebagai Pegawai HG di kedua daerah tersebut.³⁴ Di bawah Kapten HG itu pula, terdapat Pegawai Daerah Kemaman, Dungun, Besut, Ulu Trengganu dan Kuala Trengganu yang bertugas sebagai Komander HG bagi unit tersebut di daerah masing-masing.³⁵

Tugas Dan Kegiatan Anggota HG

Secara umumnya tugas yang dijalankan oleh anggota HG ialah untuk mengawal kampung-kampung lama ataupun kawasan pengumpulan dan penempatan semula termasuk kampung-kampung baharu. Di samping itu, mereka juga ditugaskan untuk mengawal kawasan strategis seperti tempat simpanan senjata api, kawasan perlombongan dan estet-estet. Anggota pasukan HG juga membantu polis memeriksa kad pengenalan diri pendukuk di sesuatu kawasan atau di kampung-kampung. Mereka juga membantu polis mengadakan sekatan di jalan raya. Satu seksyen (section) daripada pasukan HG yang ditubuhkan di Trengganu ini ditugaskan menjalankan operasi memburu penganas komunis di dalam hutan.

Untuk menerangkan tugas dan tanggungjawab anggota HG ini maka pihak berkuasa di bawah arahan Menteri Besar Trengganu

³¹ Kenyataan ini diberikan oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977. Lihat juga *GGST, 1953*, 31 Jun 1953.

³² *Ibid.*

³³ Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977 dan bekas OCPD, Hj. Abd. Ghani bin Dato' Dagang Jati pada 19.7.1977.

³⁴ Kenyataan ini diberi oleh bekas ketua Pegawai KG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

³⁵ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

ialah telah mengeluarkan satu peraturan yang dikenali sebagai "Home Guards (Trengganu Designation of Duties) Order, 1955".³⁶ Sebenarnya arahan itu telah pun berkuatkuasa sejak bulan April 1952 lagi.³⁷ Dengan arahan yang terkandung dalam para 2, peraturan 7 di bawah Peraturan Darurat (Home Guard) 1951, adalah menjadi tanggungjawab HG untuk mematuhi tugas-tugas berikut:

- "(a) to defend and protest his village or the locality in which he is for the time being operating.
- (b) to maintain the Home Guard organisation in such village or locality, and
- (c) to undergo training in the execution of the duties referred to in the preceding sub-paragraph of this paragraph.
- 3. Without prejudice to the generality of the foregoing paragraph, the duties of the Home Guard shall includes:
 - (a) the execution of offensive and reconnaissance patrols,
 - (b) the provision and manning of guard duty and santry post,
 - (c) the care and custody of arms, ammunition, equipment and stores in his charge, and
 - (d) the performance of routine military duties and duties incidental to his duties as a Home Guard."³⁸

Untuk melihat sejauh mana tugas yang disusun itu dilaksanakan oleh anggota HG di kawasan yang terlibat di negeri Trengganu, adalah lebih jelas sekiranya dapat dianalisa tiga bentuk pembahagian tugas yang dijalankan oleh anggota HG menurut kawasan penubuhan unit pasukan tersebut. Pembahagian tugas menurut kawasan penubuhan unit pasukan itu adalah seperti berikut:

- (a) **Tugas Pasukan HG Yang Telah Sedia Wujud (Kampung Lama)**
Pada umumnya, tugas anggota HG di kawasan ini ialah untuk mengawal kampung mereka, terutama pada waktu malam. Mereka bertugas secara bergilir-gilir. Di kawasan kampung yang mempunyai bilangan keluarga yang kurang dari tiga puluh buah rumah, maka

³⁶GGST, 1955, 6 Disember 1955.

³⁷Ibid.

³⁸Ibid.

anggota HG yang terdiri dari penghuni kampung itu sendiri menjalankan tugas dalam kumpulan tidak melebihi sepuluh orang bagi tiap-tiap malam. Tiap-tiap dua orang daripada mereka yang bertugas itu diberi selaras senapang oleh pihak berkuasa. Di kampung-kampung yang lebih besar bilangan anggota HG yang bertugas dalam satu kumpulan pada tiap-tiap malam adalah melebihi daripada lima belas orang dan tiap-tiap tiga orang daripada mereka diberi sepuuk senapang oleh pihak yang berkuasa.³⁹

Hampir semua (kecuali ahli HG dalam seksi operasi) anggota HG dalam kampung-kampung ini bertugas pada masa yang ditentukan sahaja. Tegasnya pada waktu malam mereka ditugaskan untuk mengawal kampung, manakala pada waktu siang mereka menjalankan kerja harian mereka seperti bercucuk tanam, menangkap ikan, menoreh getah dan sebagainya. Di samping itu mereka sentiasa berwaspada terhadap orang luar yang datang ke kampung-kampung mereka. Jika berlaku sesuatu yang mencurigakan, mereka akan segera ke pondok kawalan polis untuk melaporkan tentang kehadiran orang luar itu. Dalam masa mereka mengawal kampung pada waktu malam, mereka tidak memakai pakaian seragam. Tiap-tiap seorang petugas hanya memakai satu lilitan kain dan bertanda HG di lengan mereka dan membawa bersama mereka surat kuasa.⁴⁰ Antara lain surat kuasa ini memberarkan mereka membawa senjata semasa bertugas, menahan dan juga memburu sesiapa sahaja yang disyaki melanggar peraturan dan undang-undang darurat.⁴¹

Sebahagian besar daripada anggota HG yang menjalankan tugas ini tinggal di kampung-kampung lama seperti Kampung Bukit Mentok, Bukit Labohan, Teluk Kalong, Ibok, Kijal, Binjai, Mak Lagam, Kuala Kerteh dan Pasir Gajah di daerah Kemaman; serta Kampung Peneh, Luboh Periok, Nering, Buluh, Menerong, Pengulu Dimang, Cheting dan Bukit Gemuruh di Ulu Trengganu. Beberapa kawasan di daerah Dungun, Besut dan Kuala Trengganu terutama di kampung lama yang terpencil dan sentiasa diancam komunis juga mempunyai anggota HG masing-masing untuk me-

³⁹ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Peraturan Darurat (Home Guard) 1951 dlm. *Emergency Regulations 1948*, h. 103-106, para 6.

ngawal keselamatan kampung mereka. Ketua Kampung dan Penghulu juga turut terlibat dalam penubuhan unit pasukan HG di kampung tersebut, malah mereka lah yang memimpin pergerakan pasukan HG di kampung mereka. Penghulu biasanya bertugas sebagai Kompeni Komander dalam unit HG di dalam kawasan atau mukim mereka itu.⁴²

(b) Tugas Pasukan HG Di Kawasan Pengumpulan Dan Penempatan Semula

Hampir semua kawasan pengumpulan dan penempatan semula (regrouping and resettlement areas) di negeri Trengganu terletak di selatan negeri itu, terutama di daerah Kemaman dan Dungun. Kawasan ini meliputi kawasan kawalan (controlled areas) dan kampung-kampung baharu. Pada pertengahan tahun 1952 terdapat tiga buah kawasan penempatan semula dan kampung-kampung baharu di Trengganu. Kampung tersebut ialah Kampung Baharu Batu Lima, di Dungun, Kampung Pulai Baharu di Kuala Nerus, dan Kampung Baharu Jabor Valley di Ulu Jabor Kemaman.⁴³ Sehingga bulan September, 1952 beberapa buah kawasan penempatan semula diwujudkan di dalam kawasan kawalan di Air Putih, Kuala Kerteh, Jabor Valley Estate, Ulu Chukai-Tebak, Bukit Labohan Kerteh dan Air Jernih Kemasek.⁴⁴

Keahlian pasukan HG telah diperluaskan lagi untuk meliputi kawasan pengumpulan dan penempatan semula yang disebutkan di atas. Penubuhan pasukan HG sangat perlu di kawasan ini memandangkan bilangan anggota dalam pasukan keselamatan sangat kecil dan tidak mencukupi untuk mengawal keselamatan dengan lebih berkesan.⁴⁵ Tambahan lagi dengan berkuatkuasanya berbagai

⁴²Kenyataan ini diberikan oleh Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

⁴³*State Treasurer Trengganu (STT)*, Nombor Fail, 297/50.

⁴⁴*GGST*, 1951, Oktober, 1951.

⁴⁵Langkah untuk penubuhan pasukan HG di kawasan pengumpulan dan penempatan semula adalah berpuncak dari 'Rancangan Briggs' yang cuba untuk mendapatkan sokongan penduduk di kawasan tersebut untuk bersama Kerajaan dalam membantu tugas-tugas yang dijalankan oleh anggota pasukan keselamatan. Dengan ini Sir Harold Briggs pada bulan Jun 1951 mencadangkan penubuhan pasukan HG diluaskan ke kawasan pengumpulan dan penempatan semula', khususnya untuk menjayakan "Operation Starvation" terhadap penggalas komunis di kawasan tersebut. Untuk keterangan lanjut, sila lihat H. Miller, *Menace in Malaya*, George G. Harrap & Co. Ltd. London, 1954, h. 188.

undang-undang dan peraturan terutama untuk mengawal bekalan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan dari sampai ke tangan pengganas komunis maka penduduk di kawasan pengumpulan dan penempatan semula perlulah membentuk pasukan HG nya sendiri.⁴⁶

Untuk mendapat kerjasama menguatkuasakan peraturan dan undang-undang Darurat 1948, mulai bulan April, 1952 unit pasukan HG telah ditubuhkan di kawasan pengumpulan dan penempatan semula.⁴⁷ Penubuhan unit pasukan HG ini juga meliputi kawasan perlombongan di Kajang, Bandi, Sungai Ayam dan Bukit Besi serta Kretay Estate di Kerteh dan Jabor Valley Estate di Ulu Jabor.

Kebanyakan anggota HG di kawasan pengumpulan dan pe-

⁴⁶Sebelum rancangan pengumpulan dan penempatan semula dilaksanakan di negeri Trengganu dalam tahun 1951 itu, sumber utama pengganas komunis mendapatkan makanan dan lain-lain keperluan hidup ialah dari anggota "Min Yuen" di kawasan setinggan. Di daerah Kemaman umpamanya, kawasan di mana terdapat sebahagian besar penduduk setinggan Cina ialah di Air Jernih, Air Putih, Ibok, Yak Yah dan Ulu Jabor, manakala di daerah Dungun pula kawasan tersebut ialah di Air Hitam, Santong, Padang Lalang, Ringgit dan Bukit Besi. Langkah Kerajaan, khususnya melalui Rancangan Briggs, untuk memindahkan penduduk setinggan ke kawasan pengumpulan dan penempatan semula secara besar-besaran dalam tahun 1951 itu adalah langkah yang sangat perlu dilakukan untuk memutuskan hubungan di antara penduduk setinggan dengan pengganas komunis. Namun begitu langkah yang diambil ini tidaklah sama sekali menutup peluang pengganas komunis untuk mendapatkan makanan dan lain-lain keperluan dari penduduk yang ada di kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu, kerana di kalangan penduduk setinggan yang dipindahkan ke kawasan tersebut adalah agen komunis atau anggota "Min Yuen" yang tetap bersimpati dan menyokong perjuangan komunis. Di samping itu, di kalangan penoreh getah terutamanya dari kaum Cina mereka ini sama ada secara rela atau dipaksa telah juga memberi bantuan wang ataupun makanan kepada pengganas komunis. Kejadian seperti ini sering berlaku di kawasan Air Putih, Bukit Labohan Kerteh, Ulu Chukai-Tebak, Bandi dan Ulu Jabor. Sebelum undang-undang pengawalan ke atas pergerakan bahan makanan (Food Restricted Areas) dikuatkuasakan mulai bulan Oktober, 1951, pernah terjadi di mana agen komunis yang tinggal di kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu membawa bersama mereka tiap seorang beberapa tin bahan makanan, beberapa batang rokok, bungkus kecil yang mengandungi teh, kopi, garam atau ubat-ubatan secara sulit setiap kali mereka keluar dari kawasan itu untuk meneruskan kerja harian mereka, sama ada menoreh getah atau menjalankan kerja melombong. Malah setelah peraturan seperti "Food Restricted Areas" dikuatkuasakan mulai bulan Oktober, 1951, terutamanya ke atas kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu, masih lagi berlaku penyeludupan keluar bahan makanan itu walaupun tidak lagi sebegini kerap seperti keadaan sebelumnya. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan kawalan dari anggota pasukan keselamatan di kawasan itu tidak begitu rapi dan teliti.

⁴⁷Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977. Lihat juga GGST, 1953, 6 Februari 1953.

nempatan semula ini adalah petugas penuh masa. Bagi anggota HG yang menjalankan kerja harian mereka di lombong dan estet pada waktu siang, mereka ini hanya bertugas pada masa yang ditentukan sahaja, terutama pada waktu malam. Mereka yang bertugas sepenuh masa ini membantu pasukan keselamatan, polis dan SC memeriksa penduduk yang keluar dan masuk ke kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu. Mereka meneruskan tugas memeriksa kad pengenalan diri, dan bekalan makanan yang dibawa oleh penduduk yang keluar dari kawasan itu semasa menuju ke tempat kerja di lombong dan estet-estet. Selain dari itu mereka juga menjalankan tugas mengawal di kawasan itu.⁴⁸

Anggota HG menjalankan tugas memeriksa dengan rapi dan teliti supaya setiap bekalan makanan yang dibawa keluar oleh tiap-tiap penduduk itu tidak melebihi keperluan untuk seorang sahaja. Di beberapa kawasan kawalan terutama Air Jernih, Air Putih dan Ulu Jabor dalam daerah Kemaman, pemeriksaan ke atas penduduk yang dijalankan oleh pasukan keselamatan dan anggota HG yang bertugas, di situ adalah lebih ketat dan teliti daripada yang dilakukan di kawasan pengumpulan dan penempatan semula. Ini disebabkan kawasan tersebut didiami oleh ramai orang Cina. Di kalangan mereka ini dipercayai ada agen komunis atau anggota Min Yuen.⁴⁹ Anggota HG yang bertugas sepenuh masa, khususnya dari Seksyen Operasi berpakaian seragam yang lengkap dengan senjata api serta dibayar eluan harian.⁵⁰

Menjelang akhir tahun 1952, unit pasukan HG telah ditubuhkan di tiga buah kawasan penempatan semula di Kampung Baharu Batu Lima Dungun, Kampung Baharu Jabor Valley, Ulu Jabor, Kemaman dan Kampung Baharu Pulai (Batu Rakit), Kuala Nerus.⁵¹ Semua anggota HG di kampung ini terdiri dari orang Cina kerana semua penduduk kampung baharu ini terdiri dari kaum Cina.

⁴⁸Kenyataan ini diberi oleh bekas anggota HG, En. Alias bin Dato Khalid, pada 20.7.1977 dan Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977. Anggota HG yang bertugas sepenuh masa di kawasan pengumpulan dan penempatan semula terdiri daripada anggota Seksyen Operasi dari pasukan HG yang ditempatkan di kawasan tersebut.

⁴⁹Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd Hussein pada 26.7.1977.

⁵⁰Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977.

⁵¹Ibid.

Sebilangan daripada orang Cina di kampung baharu ini masih menyokong perjuangan komunis dan oleh sebab itu adalah sukar untuk menentukan kejujuran mereka sewaktu menjalankan tugas.⁵²

Pada mulanya Kerajaan, khususnya State War Executive Committee (SWEC) tidak bercadang untuk menubuhkan pasukan HG di kawasan kampung-kampung baharu itu sehingga keselamatan di kawasan itu benar-benar terjamin dengan kawalan oleh polis dan anggota SC.⁵³ Tetapi seperti yang telah dinyatakan, bilangan anggota pasukan keselamatan di Trengganu pada waktu itu adalah kecil untuk mengawal kawasan pengumpulan dan penempatan semula yang juga meliputi kampung-kampung baharu. Oleh kerana itu tidak ada jalan lain yang lebih sesuai daripada menggalakkan penduduk kampung-kampung baharu itu menyertai pasukan pertahanan dan kawalan di kampung mereka dengan cara menubuhkan unit pasukan HG.⁵⁴ Untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan dan sabotaj oleh anggota HG itu dalam masa anggota mengawal, mereka sentiasa ditemani dan diiringi bersama oleh anggota pasukan keselamatan. Semasa menjalankan tugas berkawal dalam kumpulan lima belas orang, sekurang-kurangnya lima orang dari kumpulan itu terdiri daripada polis atau anggota SC.⁵⁵

Pada peringkat awal penubuhan unit pasukan HG di kampung itu, anggota HG yang bertugas tidaklah dibekalkan dengan apa-apa senjata. Mereka hanya ditugaskan untuk mengawal kawasan yang berpagar dengan kawat duri daripada didatangi oleh orang-orang yang disyaki, terutama agen-agen komunis. Selain dari itu mereka juga bertanggungjawab melaporkan kepada polis jika terdapat

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.* Lihat juga A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 42, untuk menyelaraskan tindakan terhadap pengganas komunis, maka FWC ditubuhkan di peringkat Pusat, SWEC ditubuhkan di peringkat Negeri, DWEC ditubuhkan di peringkat daerah mulai bulan April, 1950. Di Trengganu, SWEC mengandungi Menteri Besar, selaku Pengurus, Ketua Pegawai Polis (CPO), Pegawai-pegawai perisik, Ketua Pegawai HG dan Timbalannya dan beberapa orang lagi Pegawai-pegawai pentadbir. Lihat juga, *ARFM*, 1950, h. 4.

⁵⁴ Kenyataan ini diberi oleh Ketua Pegawai HG Trengganu iaitu Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977. Di Kampung Baru Batu Lima Dungun yang mengandungi kira-kira sejumlah 170 buah kejurga, bilangan anggota-anggota polis dan SC yang dapat ditempatkan untuk bertugas dalam satu-satu masa tidak melebihi daripada 150 orang.

⁵⁵ *Ibid.*

orang-orang yang disyaki sebagai agen komunis di kalangan penduduk di kampung baharu itu.⁵⁶ Untuk mempastikan kejujuran dan keberkesanannya tugas anggota HG di peringkat awal ini, maka tiap-tiap kampung baharu itu telah dibahagi-bahagikan kepada beberapa sektor. Tiap-tiap satu sektor itu mempunyai ketuanya sendiri. Di Kampung Baharu Batu Lima, Dungun, terdapat sembilan sektor yang mempunyai ketua masing-masing seperti yang ditunjukkan di bawah ini.*

Sektor	Ketua
Blok A	Lim Hie Song (IC.TR. 161100)
Blok B	Wang Yok Lim (IC.TR. 161060)
Blok C	Ngain Tee Kiu (IC. TR. 161615)
Blok D	Foo Jong Thong
Blok E	Lim Ju Puan (IC. TR. 161143)
Blok F	Wang Cheng Jeng (IC. TR. 153728)
Blok G	Lau Yee Khang (IC. TR. 147450)
Blok H	Poo Hun Tin (IC. TR. 151832)
Blok I	Tan Jee Chik (IC. TR. 142008)

Dalam tahun 1953, setelah tugas yang dijalankan oleh anggota HG di kampung-kampung baharu ini benar-benar diyakini jujur dan cekap maka sebilangan dari mereka dibekalkan dengan senjata api semasa mereka bertugas. Akhirnya mereka yang dibekalkan dengan senjata api dan dibenarkan membawa pulang senjata masing-masing ke rumah setelah selesai menjalankan tugas. Tindakan ini adalah untuk memudahkan mereka bertindak segera sekiranya berlaku serangan mengejut dari pengganas komunis.⁵⁸

(c) Tugas Unit Operasi Pasukan HG

Unit operasi dalam pasukan HG Trengganu ditubuhkan pada

⁵⁶ Ibid. Lihat juga, A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 412.

⁵⁷ GGST, 1954, 25 Januari 1954. Lihat juga A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 412.

⁵⁸ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheek, pada 5.8.1977. Untuk keterangan lebih lanjut tentang peringkat pemberian tugas kepada anggota HG di kampung-kampung baru sila lihat, A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 412-413.

pertengahan tahun 1952. Anggota unit operasi ini dipilih daripada anggota HG yang telah mendaftarkan diri untuk memasuki unit itu. Pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kecekapan dan rekod baik yang telah dicapai oleh anggota HG.⁵⁹ Mereka yang menganggotai unit ini biasanya dipilih di antara lima hingga sepuluh orang daripada anggota HG dari sesebuah kampung. Sebahagian besar daripada anggota HG yang dipilih untuk menyertai unit operasi ini terdiri dari pemuda yang belum mencapai umur tiga puluh tahun.⁶⁰

Sebahagian besar daripada anggota unit ini dilatih di kampung-kampung atau kawasan yang sentiasa diancam komunis. Kawasan itu ialah di Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan Ulu Trengganu. Di samping itu, kebanyakkan penghulu dalam kawasan itu juga turut menganggotai unit operasi pasukan HG ini. Di antara mereka ialah Penghulu Amir bin Lisut dari mukim Air Putih, Penghulu Syed Mohd bin Husin dari mukim Ulu Chukai, Penghulu Tawang bin Yunus dari mukim Ulu Jabor, Penghulu Hj. Busu bin Nyak Raja dari mukim Kerteh dan Penghulu Abdul Rahman bin Kasim dari mukim Kuala Brang.⁶¹ Menjelang tahun 1954, telah ada tiga unit operasi di negeri Trengganu. Tiap-tiap unit operasi ini mengandungi tidak lebih daripada dua puluh orang anggota.⁶²

Tujuan utama penubuhan unit operasi dalam pasukan HG ialah untuk membantu polis dan SC melancarkan operasi memburu pengganas komunis di dalam hutan. Dengan ini latihan yang diberikan kepada anggota unit ini berbeza dari latihan yang diterima oleh anggota HG biasa yang hanya menerima latihan sambilan dan terhad kepada latihan menembak dan berkawat sahaja. Latihan yang diterima oleh anggota unit operasi pasukan HG adalah latihan

⁵⁹ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu iaitu Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan bekas Penghulu Air Putih, En. Amir Lisut pada 28.7.1977, bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977, bekas Penghulu Ulu Jabor, En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977 dan bekas Penghulu Kuala Brang, En. Abd. Rahman bin Kassim pada 28.1977.

⁶² Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977, bekas Penghulu, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977, En. Amir Lisut pada 28.7.1977 dan En. Tawang pada 16.8.1977.

ala tentera yang intensif.⁶³ Pusat latihan anggota unit operasi ini diadakan di Sura dalam daerah Dungun. Anggota unit operasi yang terpilih ini diberi latihan secara bergilir-gilir di antara lima belas hingga dua puluh orang dalam tiap-tiap satu kumpulan. Latihan itu memakan masa di antara tiga hingga empat minggu.⁶⁴ Anggota HG ini juga diberi latihan oleh Pegawai polis dan SC yang berpengalaman. Latihan itu termasuklah cara menembak, berkawat dan yang lebih penting, sesuai dengan tugas mereka ialah latihan tektik perang gerila di dalam hutan. Beberapa orang dari anggota unit operasi ini, terutama di kalangan penghulu yang berpangkat *Second Lieutenant* itu dihantar ke Port Dickson untuk mengikuti latihan ala tentera yang lebih intensif.⁶⁵

Setelah tamat latihan anggota unit operasi ini ditugaskan bersama polis dan anggota SC untuk melancarkan operasi menentang pengganas komunis di dalam hutan. Selalunya operasi yang dilancarkan tidak memerlukan ramai anggota pasukan keselamatan dan HG. Ini bertujuan untuk menjamin kelancaran, kecekapan perjalanan dan pergerakan operasi itu. Dari jumlah ini, sekurang-kurangnya sepuluh orang terdiri daripada anggota unit operasi pasukan HG itu.⁶⁶

Mulai tahun 1953, operasi memburu pengganas komunis telah dilancarkan dengan lebih berkesan lagi, terutama dengan adanya penyertaan daripada anggota unit operasi pasukan HG ini. Kawasan yang sering terlibat dalam operasi tersebut ialah kawasan Ibok, Air Putih, Ulu Jabor, Ulu Paka, Pasir Raja, Ulu Brang, Ulu Telemong, sehinggalah ke sempadan negeri Pahang. Selalunya operasi yang dilancarkan itu hanya dianggotai oleh anggota unit operasi dengan tidak disertai oleh anggota keselamatan lain seperti SC dan polis.⁶⁷

Semasa menjalankan operasi, anggota unit operasi pasukan HG berpakaian seragam hijau, seperti yang dipakai oleh anggota pasukan keselamatan SC. Mereka diberikan elauan setiap kali mereka melancarkan operasi. Anggota biasa dari unit operasi ini dibayar

⁶³Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

⁶⁴Ibid.

⁶⁵Ibid.

⁶⁶Ibid.

⁶⁷Ibid.

elaun harian sebanyak \$5.00 manakala pegawai pula dibayar di antara \$10.00-\$20.00, bergantung kepada pangkat dan tanggungjawab mereka.⁶⁸ Semua bekalan dan lain-lain keperluan semasa menjalankan operasi itu disediakan oleh pihak berkuasa kerajaan. Semasa tidak ada operasi anggota unit operasi pasukan HG ini dihantar ke kawasan pengumpulan dan penempatan semula untuk membantu polis dan SC mengawal dan menjalankan kerja-kerja pemeriksaan. Selain dari itu mereka juga sering digunakan sebagai pengawal atau pengiring kepada pegawai pentadbir semasa mereka melawat ke kawasan pedalaman.⁶⁹

Sumbangan dan Kejayaan Pasukan HG

Dibandingkan dari segi latihan yang diterima oleh pasukan HG dengan pasukan keselamatan yang lain khususnya SC dan Polis Biasa nyata bahawa latihan yang diterima itu tidak memadai untuk menghadapi keganasan komunis. Dengan ini pasukan HG sering dipandang sebagai sebuah pasukan pertahanan yang rendah mutunya.⁷⁰ Walaupun demikian, sumbangan yang telah diberikan oleh anggota pasukan HG di Trengganu dalam usaha membantu memulihkan keamanan tidaklah boleh diperkecalkan.

Penubuhan unit pasukan HG, sama ada di kampung-kampung lama ataupun di kawasan pengumpulan dan penempatan semula itu telah menjadi penghalang kepada pergerakan dan kegiatan pengganas komunis di kawasan tersebut. Di kampung-kampung lama, penubuhan unit pasukan HG itu telah menyulitkan pengganas komunis dan agen-agennya untuk menyeludup masuk ke kampung-kampung itu sama ada dalam usaha mereka untuk mendapatkan simpati, sokongan dan bekalan makanan dari penduduk kampung itu.

Pasukan HG yang membantu polis dan SC terutamanya di

⁶⁸ Maklumat ini yang diterima hasil dari temuramah dengan bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak, pada 5.8.1977 dan bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977. Syed Mohd bin Hussein adalah bekas anggota unit operasi pasukan HG. Beliau bertugas sebagai Kompeni Komander dengan pangkat Second Lieutenant.

⁶⁹ Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

⁷⁰ G.L. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, h. 124.

kawasan pengumpulan dan penempatan semula telah meringankan lagi beban tugas yang dipikul oleh pasukan keselamatan. Sedikit demi sedikit lebih banyak tugas kawalan dan pemeriksaan diserahkan kepada pasukan HG.⁷¹ Ini memberi kesempatan kepada sebahagian besar polis dan anggota SC untuk mengatur dan melancarkan operasi memburu pengganas komunis. Tertubuhnya unit operasi pasukan HG telah dapat membantu memperkuatkan lagi kegiatan memburu pengganas komunis itu. Sejak akhir tahun 1952, di selatan Trengganu sahaja, terutama dalam daerah Dungun dan Kemaman, sekurang-kurangnya tiga operasi memburu pengganas komunis telah diatur dan dilancarkan setiap bulan.⁷²

Di kampung-kampung atau kawasan seperti Air Putih, Kerteh dan Ulu Jabor di Kemaman, Ulu Brang dan Ajil di Ulu Trengganu, dan Pasir Raja di Dungun, sering berlaku kejadian di mana penduduk kampung tersebut, yang juga menjadi anggota pasukan HG terserempak dengan gerombolan pengganas komunis di antara tiga hingga lima orang berkeliaran dalam kebun-kebun getah dalam usaha mereka untuk mendapatkan bekalan makanan di siang hari. Dalam keadaan seumpama ini anggota pasukan HG tadi cuba mengelakkan diri dari gerombolan tersebut dan segera pergi ke balai polis atau pusat kawalan keselamatan yang berhampiran untuk melaporkan kejadian tersebut. Hasilnya, pasukan operasi segera dikehjarkan ke kawasan itu untuk memburu pengganas komunis itu.⁷³

Pasukan HG yang membantu pasukan keselamatan mengawal dan menjalankan kerja-kerja pemeriksaan di kawasan-kawasan pengumpulan dan penempatan semula juga telah dapat mengambil beberapa tindakan tegas dan menjalankan pemeriksaan yang lebih tapis ke atas pergerakan bekalan makanan yang dibawa keluar oleh

⁷¹Tugas pertahanan dan kawalan sesebuah kampung atau kawasan pengumpulan dan penempatan semula di Trengganu sendiri tidaklah pula diserahkan sepenuhnya untuk menjadi tanggungjawab anggota HG. Pada akhir tahun 1953, kebanyakan tempat lain di Tanah Melayu, terdapat keadaan di mana tanggungjawab pertahanan kampung-kampung itu diserahkan sepenuhnya kepada anggota HG. Sila lihat, A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 413.

⁷²Maklumat yang diterima hasil temuramah dengan bekas Sjn. Sulung bin Said pada 7.8.1977 dan bekas Penghulu Ulu Chukai, yang juga bekas anggota 'Seksi Operasi' iaitu Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977.

⁷³Ibid.

penduduk di kawasan itu semasa keluar ke tempat kerja mereka. Di Air Jernih selepas unit pasukan HG ditubuhkan pada awal tahun 1952 pemeriksaan dan kawalan ke atas pergerakan bahan makanan yang keluar dari kawasan tersebut telah dapat dibuat dengan rapi dan teliti. Pemeriksaan dan kawalan yang rapi dan teliti sangat perlu di kawasan ini kerana semua penduduk di kawasan ini terdiri dari orang Cina.⁷⁴ Dalam hal ini, penduduk tersebut hanya dibenarkan membawa bekalan yang tidak melebihi untuk keperluan seorang sahaja. Sebagai contoh, pernah pada awal tahun 1952 setiap penduduk di situ hanya dibenarkan membawa bekal dua batang rokok, satu botol *lemonade* air kopi atau teh yang tidak terlalu manis dan bekalan nasi atau roti yang hanya cukup untuk seorang.⁷⁵ Kawalan dan pemeriksaan yang sama juga telah dikenakan di kawasan yang mempunyai ramai penduduk Cina, seperti di Air Putih dan Ulu Jabor.

Kawalan dan pemeriksaan itu telah menimbulkan kesukaran di kalangan agen-agen komunis untuk mendapat bekalan makanan, terutamanya selepas tahun 1953 apabila lebih ramai lagi penduduk mendaftarkan diri menjadi anggota pasukan HG. Di samping itu anggota pasukan HG yang telah pun lama berkhidmat semakin cekap dan cergas menjalankan kerja kawalan dan pemeriksaan itu. Dalam tahun 1953, di daerah Kemaman sahaja terdapat tidak kurang dari empat orang pengganas komunis yang menyerah diri dalam keadaan letih dan lesu akibat tidak mendapat makanan yang cukup.⁷⁶ Beberapa orang pengganas komunis lain dilaporkan mati akibat kelaparan dan kebuluran.⁷⁷

Anggota pasukan HG juga turut membantu polis berkawal di pondok dan balai polis, terutama di kawasan yang terpencil. Dengan

⁷⁴Hampir semua anggota pasukan HG yang bertugas di Air Jernih dalam kerja kawalan dan pemeriksaan terdiri daripada anggota unit operasi yang sengaja dibawa ke kawasan itu. Hanya terdapat tidak melebihi daripada sepuluh orang Cina dari kawasan tersebut yang mendaftarkan diri sebagai anggota pasukan HG. Maklumat yang diterima adalah hasil temuramah dengan Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977, Guru Besar Sek. Ren. (Jenis Keb.) Look Khoon Air Jernih, iaitu En. Lim Tau Yoon pada 26.7.1977 dan bekas anggota HG, En. Alias bin Dato Khalid pada 20.7.1977.

⁷⁵Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977.

⁷⁶Kenyataan ini diberi oleh Sjn. Sulung Said pada 7.8.1977 dan bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977.

⁷⁷Ibid.

itu mulai pertengahan tahun 1952, serangan pengganas komunis ke atas pondok dan balai polis di kawasan tersebut telah berkurangan, malah di beberapa buah kampung serangan yang dilancarkan oleh pengganas komunis dapat dipatahkan dalam masa yang singkat.

Dalam satu serangan pengganas komunis ke atas pondok di Kampung Ibok, di Ulu Chukai, Kemaman pada akhir tahun 1952, anggota pasukan HG yang turut membantu pasukan polis di pondok kawalan tersebut telah memperlihatkan kegigihan dan semangat perjuangan yang tinggi. Dalam kejadian ini hanya lapan orang anggota polis sahaja yang berkawal di pondok polis tersebut.⁷⁸ Apabila pengganas komunis menyerang pada pukul sembilan malam, sepuluh orang anggota pasukan HG yang mempunyai senapang di kampung tersebut itu terus berkejar ke kubu pertahanan di keliling pondok polis itu. Selepas tiga puluh minit pertempuran itu berlaku, pengganas komunis terpaksa mengundurkan diri kerana ditentang hebat oleh polis dan pasukan HG itu. Dalam kejadian itu pengganas komunis hanya berjaya membakar sebahagian kecil dari jambatan yang menuju ke Kampung Ibok.⁷⁹

Anggota pasukan HG, khususnya dari unit operasi telah menunjukkan moral dan semangat berjuang yang tinggi semasa menjalankan tugas mengiring dan mengawal pegawai pentadbir tempatan melawat ke kampung-kampung di pedalaman. Dalam satu kejadian pada pertengahan tahun 1954, anggota pasukan HG dari unit operasi telah berjaya mematahkan satu serang hendap pengganas komunis di sebatang sungai dekat Ban Ho dalam mukim Bandi, Kemaman.

Dalam kejadian itu seramai lima belas orang anggota pasukan HG dari unit operasi mengiringi AOE, Encik Abdul Rahman bin Mat, yang dalam perjalanan berperahu untuk menyiasat pembahagian tanah kepada penduduk di kawasan Ulu Kemaman,⁸⁰ telah dihujani dengan peluru serang hendap yang dilancarkan oleh

⁷⁸ Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 20.7.1977.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Kenyataan ini diberi oleh En. Alias bin Dato Khalid pada 20.7.1977 Encik Alias ialah bekas kerani di Pejabat Tanah Kemaman dari tahun 1949 hingga 1960. Menerusi bahru, selain daripada bertugas sebagai AOE, Encik Abd. Rahman Mat juga bertugas sebagai Pegawai Pemungut Hasil dan Tanah. Pada waktu itu Encik Abd. Rahman Mat juga telah dilantik sebagai Pengerusi "DWEC" bagi daerah Kemaman.

pengganas komunis. Serangan mengejut ini menyebabkan Encik Abdul Rahman Mat segera bertindak. Beliau yang juga menjadi pegawai HG bagi daerah Kemaman mengarahkan supaya anggota pasukan HG itu mendarat. Setelah mendarat di tebing sungai, beliau segera mengatur serang balas terhadap pengganas komunis itu. Akibat dari tindakan segera itu, anggota pasukan HG akhirnya berjaya menawan seorang pengganas yang lain lari dari kawasan tersebut. Dalam kejadian ini tidak ada anggota pasukan yang tercedera atau kehilangan nyawa.⁸¹

Operasi memburu pengganas komunis yang dilancarkan pasukan polis, SC dan HG dari unit operasi sejak penghujung tahun 1952 itu telah melemahkan pergerakan pengganas komunis di dalam hutan. Dalam melancarkan operasi memburu pengganas komunis ini, anggota pasukan HG pernah mengikuti jejak langkah pengganas komunis yang diburu itu hingga ke sempadan Pahang. Dalam operasi seperti ini, pengganas komunis yang diburu itu selalunya sempat melarikan diri menyeberangi sempadan Trengganu dan Pahang. Walaupun begitu, operasi tersebut telah dapat melemahkan perjuangan komunis dan menjadi penghalang besar bagi pengganas komunis untuk merancang semula serangan dan keganasan mereka di Trengganu.⁸²

Serangan keganasan komunis di negeri Trengganu semakin kurang mulai tahun 1954. Sebahagian besar keadaan ini disebabkan kejayaan operasi yang dilancarkan sebelum tahun 1954 itu. Dalam keadaan yang mulai tenteram dan bebas dari ancaman komunis di Trengganu inilah beberapa unit operasi yang terdapat di Trengganu telah dikerah untuk melancarkan operasi memburu pengganas komunis di negeri-negeri lain, terutama di Johor dan Pahang yang pada waktu itu masih teruk diancam oleh komunis.⁸³

Sejak awal tahun 1954, tugas operasi memburu pengganas komunis juga turut dijalankan oleh beberapa kompeni askar Gurkha, British, New Zealand dan Afrika. Namun begitu anggota

⁸¹Ibid.

⁸²Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan bekas Penghulu Ulu Chukai yang juga merupakan bekas anggota unit Operasi dalam pasukan HG, iaitu Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977 dan Sjn.Sulung Said pada 7.8.1977.

⁸³Kenyataan ini diberi oleh bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

pasukan HG, khususnya dari unit operasi tetap dianggap lebih berkesan dalam melancarkan operasi jika dibandingkan dengan askar-askar pendatang itu. Ini disebabkan anggota pasukan HG yang merupakan sukarelawan itu memang benar-benar berjuang atas kesedaran untuk mempertahankan kampung halaman mereka sendiri dari ancaman keganasan komunis. Tambahan pula sebahagian besar anggota dalam unit operasi itu datangnya dari penduduk di kawasan yang sentiasa diancam oleh keganasan komunis. Faktor ini banyak menolong mereka yang memang lebih tahu tentang keadaan kawasan sekitar mereka apabila mereka melancarkan operasi di kawasan itu.

Penubuhan unit HG di kawasan yang kurang diancam oleh keganasan komunis terutama di sebahagian besar kawasan di daerah Besut dan di Kuala Trengganu juga turut memainkan peranan dalam memulihkan keamanan kawasan tersebut. Di daerah Besut, penubuhan unit pasukan HG telah dapat mengurangkan kegiatan mencuri lembu dan lain-lain binatang ternakan yang selalu dilaporkan berlaku sebelum tahun 1952.⁸⁴ Pada peringkat awal darurat di daerah Besut, khususnya di Pasir Akar, Lubuk Kawah, Pelagat dan Bukit Kanak yang bersempadan dengan Kelantan itu juga dikhawatir terancam oleh penganas komunis yang berpusat di Ulu Kelantan.⁸⁵ Penubuhan unit pasukan HG di kawasan tersebut telah dapat mententeramkan penduduk di situ walaupun kawasan itu tidak diancam hebat oleh komunis sebagaimana yang berlaku di selatan negeri Trengganu.

Satu aspek penting akibat dari penubuhan unit pasukan HG di negeri Trengganu ialah wujudnya perpaduan dan kerjasama yang erat di kalangan orang Melayu di kampung-kampung dalam usaha mereka untuk menghapuskan keganasan komunis yang mereka anggap dikuasai oleh orang Cina. Di samping itu perpaduan dan kerjasama yang erat di kalangan orang Melayu itu telah melahirkan

⁸⁴Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan bekas OCPD iaitu Hj Abd. Ghani bin Dato Dagang Jati pada 19.7.1977 dan bekas Ketua Pegawai HG Trengganu, Hj. Mohd bin Cheak pada 5.8.1977.

⁸⁵Ibid. Dalam tahun 1949 penganas komunis yang bergiat dari kawasan Ulu Kelantan telah menyerang dan membakar sebuah balai polis di Bukit Yong dalam daerah Pasir Putih. Balai Polis tersebut hanya terletak kira-kira 10 batu dari bandar Jertih dan merupakan kawasan sempadan antara Besut, Trengganu dengan Pasir Putih, Kelantan.

perasaan syak wasangka terhadap kesetiaan dan kejujuran orang Cina untuk mempertahankan kampung, mukim dan negeri tempat mereka tinggal. Keadaan ini melahirkan dan menyemarakkan perasaan perkauman dan sikap anti Cina di kalangan orang Melayu. Hal ini jelas jika dilihat dari segi sambutan penduduk Cina terhadap penubuhan unit pasukan HG di seluruh negeri Trengganu itu.

Di kawasan Air Jernih, Kemaman, penduduk Cina berjumlah 2,000 orang. Malangnya tidak lebih dari sepuluh orang sahaja yang mendaftarkan diri sebagai anggota pasukan HG di kawasan itu. Pada pertengahan tahun 1952, anti pasukan HG kawasan itu terpaksa dibubarkan setelah semua penduduknya diarahkan berpindah ke Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.⁸⁶ Sambutan yang serupa juga telah diberikan oleh penduduk Cina di Ulu Jabor dan Air Putih Kemaman terhadap penubuhan unit pasukan HG di kawasan itu.

Penyerahan pasukan HG dalam usaha mempertahankan negeri Trengganu bukan setakat menyumbangkan bantuan tenaga, tetapi yang penting ialah penyertaan peranan dan sumbangan mereka itu merupakan manifestasi sokongan moral rakyat terhadap pemerintah untuk menghapuskan keganasan komunis yang mengancam keamanan dan ketenteraman rakyat. Dengan menyertai pasukan HG di kampung-kampung atau kawasan-kawasan yang terlibat itu, maka penduduk di kawasan atau kampung tersebut itu telah memperlihatkan kesedaran mereka untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan tugas mereka, bukan setakat untuk menghapuskan keganasan komunis, tetapi juga cuba membersihkan kampung mereka dari kecurian dan lain-lain jenayah.

Dengan menilai tugas yang dijalankan oleh anggota pasukan HG, peranan dan sumbangannya di negeri Trengganu tidaklah dapat diragukan. Kejayaan yang telah dicapai oleh pasukan ini hingga membawa kepada pengisytiharan kawasan aman atau lebih dikenali sebagai kawasan putih pada 6 April 1955 di sebahagian besar daerah Kemaman dan Dungun, kecuali mukim Kerteh, Kemasek, Ulu Chukai dan Kijal.⁸⁷ Selain dari itu, satu lagi langkah

⁸⁶Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977.

⁸⁷GGST, 1955, 6 Disember 1955. Pada 7 November 1955, sebahagian besar kawasan yang terdapat di daerah Besut telah diisytiharkan sebagai kawasan putih.

kerajaan yang berkesan dalam strategi sosial untuk memerangi kegiatan komunis di negeri Trengganu ialah dengan rancangan pengumpulan dan penempatan semula dan penubuhan Kampung-kampung baharu.

Dengan pengisytiharan ini, bererti seluruh negeri Trengganu berada di dalam kawasan bersih atau kawasan putih.



BAB 3

RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA DAN KAMPUNG-KAMPUNG BAHARU

Rancangan Penempatan Semula

Anggapan bahawa sebilangan besar penduduk setinggan di pinggir hutan yang hampir kesemuanya terdiri dari orang Cina itu merupakan agen komunis dan anggota *Min Yuen* memang tidak dapat dinafikan.¹ Mereka bukan sahaja merupakan sumber utama bagi komunis mendapatkan makanan, bahkan merupakan sumber utama bagi komunis mendapat bantuan kewangan dan rekrut-rekrut baru.²

Percubaan awal Kerajaan untuk menghalang kerjasama di antara penduduk setinggan itu dengan pihak komunis di peringkat awal darurat, khususnya sebelum tahun 1951, tidak memberi kesan untuk melemahkan dan menghapuskan kerjasama tersebut. Dasar Kerajaan menahan agen komunis dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan komunis ke dalam khemah tahanan atau diantar balik ke negeri Cina mempunyai beberapa kelemahan yang akhirnya menggagalkan tindakan untuk menghalang kerjasama tersebut secara berkesan.³ Akibat dasar dan tindakan Kerajaan agen komu-

¹Kenyataan ini berdasarkan kepada fakta iaitu terdapat 80 peratus daripada penduduk yang dipindahkan ke kawasan penempatan semula adalah kaum Cina. Hakikat bahawa pergerakan komunis di Tanah Melayu dikuasai oleh kaum Cina tidak dapat dinafikan. Dalam hal ini lebih dari 90 peratus kaum Cina adalah anggota PKM atau mereka yang bersimpati dan menyokong perjuangan komunis itu. Lihat, Kernal Singh Sandhu, "Emergency Resettlement in Malaya", *Journal of Tropical Geography*, Vol. 18, Aug., 1964, h. 165.

²H. Miller, *Menace in Malaya*, George G. Harrap & Co. Ltd., 1954, h. 142-143.

³Richard Stubbs, "Counter-Insurgency and the Economic Factor, The Impact of the Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency", dalam *Occasional Paper No. 19*, Institute of Southeast Asian Studies, February, 1974, h. 26.

nis dan mereka yang bersimpati menyokong perjuangan komunis yang ditangkap dan ditahan di tahanan itu terdiri dari kanak-kanak dan perempuan Cina, manakala sebahagian besar kaum lelaki itu sempat mlarikan diri.⁴ Selain dari itu, penutupan beberapa buah pelabuhan besar di negeri China juga menyebabkan rancangan menghantar balik orang Cina yang terlibat itu terhalang.⁵

Dalam bulan September, 1948, sebuah badan yang dinamakan '*Squatter Committee*' telah dibentuk oleh Kerajaan Pusat, di mana Menteri Besar dari tiap-tiap buah negeri dan Pegawai-pejawai Tinggi Kerajaan Pusat berbincang untuk mengkaji, cara-cara untuk mengatasi masalah penduduk setinggan di pinggir hutan yang terdedah kepada pengaruh komunis itu.⁶ Dalam bulan Jun 1949, jawatankuasa tersebut telah mengeluarkan satu laporan tentang cara penyelesaian dan tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut.⁷ Penyelesaian yang dicapai ialah dengan menempatkan semula penduduk setinggan di kawasan penempatan semula yang membolehkan pihak berkuasa mengawal mereka sepenuhnya. Kerajaan-kerajaan negeri telah diminta meninjau dan menyediakan kawasan yang sesuai untuk rancangan penempatan semula itu.

Tindakan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melancarkan dan menyelaraskan rancangan penempatan semula itu tidak dapat dijalankan secara berkesan sebagaimana yang diharapkan. Sehingga bulan April 1950, hanya 18,500 orang penduduk setinggan tersebut adalah dalam proses untuk ditempatkan semula.⁸ Sebahagian besar usaha penempatan tahun 1950 itu gagal mencapai tujuannya kerana usaha yang kurang bersungguh-sungguh dan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk membayai rancangan tersebut.⁹

Sementara itu, pada awal tahun 1950 hingga menjelang pertengahan tahun tersebut, ramai anggota pasukan keselamatan dan

⁴ _____, *Ibid.*

⁵ _____, *Ibid.*

⁶ *Report of the Committee to Investigate the Squatter Problem, Federation of Malaya, 10th. January, 1949.* Government Printer, Kuala Lumpur, 1950.

⁷ *Ibid.*

⁸ "The Squatter Problems in the Federation of Malaya in 1950", *Papers laid before the Legislative Council, 3rd. Session, 1950.* Government Printer, Kuala Lumpur, 1951, h. 89-109.

⁹ Richard Stubbs. *Occasional Paper No. 19*, h. 26.

orang awam yang terkorban akibat keganasan komunis. Dalam jangka masa itu, pengganas komunis telah berjaya membunuh lebih dari dua ratus orang anggota pasukan keselamatan dan orang awam tiap-tiap bulan.¹⁰ Dari jumlah tersebut, lebih daripada seratus orang yang terbunuh itu ialah anggota polis.¹¹ Hampir kesemua anggota polis yang terbunuh itu pula berkhidmat di kawasan luar bandar. Sekiranya keadaan ini berterusan, maka dikhawatiri moral anggota pasukan keselamatan dan orang awam, terutamanya mereka yang berkhidmat atau tinggal di kawasan luar bandar akan merosot dan mungkin menghilangkan pula keyakinan mereka terhadap Kerajaan yang memerintah ketika itu.¹²

Faktor utama yang menggalak dan memberi kejayaan kepada kegiatan komunis berpunca dari adanya sokongan dan bantuan seperti makanan, pakaian, maklumat dan rekrut-rekrut baru yang diperlukan dari penduduk setinggan Cina di kawasan pinggir hutan itu.¹³ Sebahagian besar penduduk setinggan itu masih lagi tinggal di pinggir hutan dan di kawasan yang terpencil lagi terasing. Sehingga pertengahan tahun 1950 keadaan seperti ini telah memberi peluang yang besar kepada komunis untuk menyebarkan pengaruh mereka kepada penduduk setinggan tersebut.¹⁴

Dalam keadaan inilah pihak berkuasa, khususnya Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu menyedari perlunya semula rancangan penempatan semula dijalankan secara teratur, kerana, sebagaimana dinyatakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Tanah Melayu, Sir Henry Gurney pada awal tahun 1950,..... “*it is our most pressing problem..... There can be no question that upon its solution (Resettlements) depends the end of the Emergency*”.¹⁵

Dalam bulan April 1950, Sir Harold Briggs telah dilantik menjadi Ketua Pengarah Gerakan untuk memerangi komunis di

¹⁰R.L. Clutterbuck, *The Long Long War*, Frederick A. Praeger, New York, 1966, h. 55-56. Dalam jangka masa itu juga pasukan keselamatan telah berjaya membunuh di antara 50-60 orang pengganas komunis tiap-tiap bulan, sementara bilangan mereka yang menyerah diri adalah di antara 20-30 orang. Walaupun begitu, komunis telah berjaya melatih, jauh lebih ramai anggota baru dibandingkan dengan anggotanya yang dibunuh atau menyerah diri itu. *Ibid.*

¹¹*Ibid.*

¹²*Ibid.*

¹³*Ibid.*

¹⁴*Ibid.*

¹⁵*Legislative Council Proceedings*, 3rd. Session, 1950. h. 8.

Tanah Melayu.¹⁶ Dengan perlantikan beliau langkah-langkah yang lebih tegas telah diambil untuk memerangi ancaman komunis. Langkah itu dikenali sebagai Rancangan Briggs. Beliau dianggap sebagai 'master plan' dalam usaha memerangi gerakan dan ancaman komunis di Tanah Melayu ketika waktu itu.¹⁷ Dalam Rancangan Briggs terdapat empat langkah penting yang dirancangkan. Langkah tersebut adalah seperti berikut:¹⁸

- (a) Untuk mengawal penduduk luar bandar dengan memberi mereka perlindungan keselamatan supaya dengan ini akan menghasilkan kerajaan dari masyarakat untuk memberi maklumat tentang pergerakan komunis.
- (b) Untuk mencegah organisasi komunis di kalangan masyarakat yang telah dipengaruhi oleh komunis.
- (c) Untuk menyekat pengganas komunis dari mendapat bahan makanan dan bantuan lain dari kalangan masyarakat, terutama dari penduduk setinggan Cina di pingir hutan.
- (d) Untuk menghapuskan gerakan pengganas komunis dengan memaksa mereka menyerang kekuatan angkatan tentera Kerajaan di tepi hutan supaya komunis tidak dapat melakukan serangan hendap mereka ke atas pasukan keselamatan di dalam hutan.

Untuk menjayakan langkah tersebut, mulai bulan Jun 1950, perhatian utama telah diberikan bagi rancangan penempatan semula penduduk setinggan.¹⁹ Dengan ini juga Kerajaan Pusat telah

¹⁶R.L. Clutterbuck, *The Long Long War*, h. 55.

¹⁷Noel Barber, *The War of the Running Dogs*, Colling Press, London, 1972, h. 88. Dalam rancangan dan seterusnya peperangan menentang gerakan komunis di Tanah Melayu, Briggs telah diberi kuasa yang luas ke atas pasukan keselamatan dan juga kuasa untuk menyalas tindakan dari Jabatan Awam yang juga terlibat dengan langkah untuk memerangi komunis itu. Dalam Rancangan Briggs ini langkah yang paling terkenal ialah Rancangan Penempatan Semula, khususnya pembinaan Kampung-kampung Baharu. Untuk keterangan lanjut berkenaan Briggs dan Rancangannya itu sila lihat R.L. Clutterbuck, *The Long Long War*, h. 55-78. Lihat juga, H. Miller, *Menace in Malaya*, h. 138-144.

¹⁸Noel Barber, *The War of the Running Dogs*, h. 88.

¹⁹Selain dari melancarkan dan menggiatkan rancangan 'penempatan semula', Briggs juga telah mengambil tindakan lain untuk menjayakan langkah tersebut. Tindakan tersebut ialah; menubuhkan pasukan pertahanan tempatan, khususnya

mengambil-alih tanggungjawab rancangan penempatan semula dari Kerajaan-kerajaan Negeri.²⁰ Rancangan penempatan semula ini telah membawa kepada penubuhan dan pembinaan Kampung Baharu (New Villages)²¹ di Tanah Melayu sebagai salah satu usaha penting untuk memerangi komunis. Dengan pelancaran rancangan ini lebih dari 500,000 orang penduduk setinggan yang hampir semuanya terdiri dari orang Cina telah dipindah dan ditempatkan semula di kampung-kampung baharu.²²

Kampung-Kampung Baharu di Trengganu

Dengan daya usaha Kerajaan Pusat dan kerjasama dari Kerajaan Negeri Trengganu, maka rancangan penempatan semula khususnya pembinaan kampung-kampung baharu, telah juga diluaskan ke seluruh negeri itu pada penghujung tahun 1950.²³ Pada akhir tahun 1954, terdapat tiga buah kampung baharu yang telah dibuka di Trengganu di bawah rancangan penempatan semula itu. Kampung baharu yang dibuka itu ialah Kampung Baharu Batu Lima, Dungun, Kampung Pulai Baharu, Kuala Nerus, Kampung Baharu Jabor Valley, Ulu Jabor, Kemaman.²⁴

'Home Guards', menubuahkan 'War Executive Committee' di peringkat Pusat (FWEC), Negeri (SWEC) dan Daerah (DWEC) untuk menyelaraskan kegiatan pentadbiran awam dengan operasi ketenteraan, memperbesar dan memperkuatkan lagi pasukan keselamatan, mengenakan peraturan ketat pergerakan bahan-bahan makanan dan memberi peluang yang lebih luas kepada pemimpin tempatan untuk menyertai Majlis Kerja (Executive Council). Lihat, *Federation of Malaya Year Book, 1961*, Government Printer Kuala Lumpur, h. 352-353.

²⁰R. Stubbs, *Occasional Paper*, No. 19, h. 27.

²¹Kampung-kampung baharu ini dimaksudkan bagi 400 buah kawasan penempatan semula di seuruh Tanah Melayu yang ditubuhkan dalam masa darurat. Tiap-tiap sebuah dari kampung lebih tersebut mempunyai penduduk di antara lebih kurang 100 orang hingga melebihi 1,000 orang. Sebahagian besar dari Kampung Baharu ini sememangnya dibina di kawasan-kawasan baharu. Kampung ini pula dipagar dengan pagar kawat berduri dan dikawal oleh anggota-anggota pasukan keselamatan. Di samping itu kemudahan sosial yang asas disediakan dan penubuhan Jawatankuasa Kampung (Village Committee) digalakkan. Lihat A. Short, "Emergency in Malaya," dalam Wang Gangwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, Frederick A. Praeger, New York, 1965, h. 157.

²²G.Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, h. 141.

²³"Resettlements" dalam fail *State Treasurer Trengganu (STT)*, No. Fail, 297/50, simpanan Arkib Negara Malaysia.

²⁴"Establishment of Kampung Pulau Baharu" dalam fail *Land Office Trengganu (LOT)*, No. Fail, 673/52, simpanan Pejabat Daerah Kuala Trengganu. Lihat juga

Dalam bulan Ogos 1950, Kerajaan Trengganu, atas arahan Kerajaan Pusat, telah menjalankan penyiasatan untuk menyediakan kawasan yang sesuai bagi pembinaan enam buah kawasan penempatan semula, khususnya Kampung-kampung Baharu di negeri Trengganu.²⁵ Tetapi rancangan untuk mengadakan tiga buah lagi kampung baharu iaitu di kawasan perpindahan di Air Putih, Kerteh dan Air Jernih dalam daerah Kemaman telah dibatalkan.

Penyiasatan yang dijalankan ke atas kawasan perpindahan di Air Putih dan Kerteh dalam tahun 1951 menunjukkan sebahagian besar penduduk yang dipindahkan ke kawasan tersebut adalah orang Melayu. Mereka ini bukan merupakan penduduk setinggan yang tinggal di pinggir hutan. Mereka memang mempunyai tanah dan kampung halaman mereka sendiri. Oleh kerana tempat tinggal atau kampung mereka itu terpencil dan untuk memudahkan pasukan keselamatan mengawal kegiatan komunis, mereka telah diarahkan untuk berpindah ke dua buah kawasan tadi.²⁶ Di samping itu, sebilangan besar daripada orang Cina yang dipindahkan ke Air Putih dan Kerteh itu terdiri dari pekerja balak yang tinggal di kongsi. Mereka ini bukan merupakan setinggan Cina yang menetap di pinggir hutan di kawasan tersebut. Dengan itu kedua kawasan tersebut, iaitu Air Putih dan Kerteh telah dijadikan sebagai kawasan pengumpulan semula.²⁷

Pembatalan membuka kampung baharu di Air Jernih dirasakan perlu oleh pihak Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan. Di samping itu pasukan keselamatan perlu menggunakan tenaga anggota mereka dengan lebih berkesan, terutama untuk mengawal beberapa buah kawasan penempatan semula. Dengan ini Kerajaan merasakan lebih wajar memindahkan semua penduduk Cina di Air Jernih itu ke Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.²⁸ Perpindahan yang

"Resettlements" dalam fail *STT*, dan "New Village Schools" dalam fail *Commissioner of Land and Mines (CLM), Trengganu*, No. Fail, 47/1950, Arkib Negara Malaysia.

²⁵"Resettlements", dalam fail *STT*.

²⁶Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan En. Amir Lisut (bekas Penghulu Air Putih) pada 28.7.77 dan Hj. Busu bin Nyak Raja (bekas Penghulu Kerteh) pada 15.8.77.

²⁷Kenyataan ini diterima dari bekas OCPD, Hj. Abdul Ghani bin Dato Dagang Jati pada 19.7.1977.

²⁸Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Hussein pada 26.7.1977 dan En. Lim Tau Yoon juga pada 26.7.1977. Menurut Syed Mohd, bukan semua penduduk Cina di Air Jernih, yang

melibatkan lebih dari 200 keluarga Cina itu akhirnya telah dilakukan dalam pertengahan tahun 1952.²⁹

Dari tiga buah kampung baharu yang bukan di negeri Trengganu itu, dua daripadanya dibuka di Selatan Trengganu iaitu, di daerah Kemaman dan Dungun.

Untuk mengetahui organisasi sosial dan kegiatan ekonomi yang wujud di setiap buah kampung baharu itu, maka perlulah juga terlebih dahulu disusuli rancangan awal penubuhan dan pembinaan tiap-tiap buah kampung baharu itu. Dari sini dapat pula dilihat dan diketahui tentang masalah yang dihadapi dan faedah, sebenar yang diperolehi oleh penduduk yang terlibat dalam rancangan penempatan semula, khususnya mereka yang berpindah ke kampung baharu itu. Di samping itu dapat dilihat tentang kesan dan implikasi sosial yang timbul hasil dari pembinaan kampung-kampung baharu itu.

Kampung Baharu Batu Lima, Dungun

Dalam bulan Ogos 1950, satu rancangan penempatan semula kampung baharu di daerah Dungun telah mula dirancang oleh Kerajaan Trengganu, dengan bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat.³⁰ Kerja pembinaan kampung baharu itu telah bermula pada awal tahun 1951. Kampung baharu itu dinamakan Kampung Baharu Batu Lima, Dungun. Seluas kira-kira 330 ekar tanah telah disediakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan yang terletak kira-kira lima batu dari Kuala Dungun, iaitu di Batu 54, jalan Kuala Trengganu ke Kemaman.³¹ Kampung tersebut merupakan Kampung baharu yang pertama dibina di negeri Trengganu di bawah rancangan menempatkan semula setinggan dalam masa darurat.³²

Sehingga awal tahun 1952, sejumlah 170 keluarga, semuanya dari kaum Cina, telah ditempatkan di Kampung Baharu Batu Lima itu.³³ 150 daripadanya adalah setinggan dari Ayer Hitam, Santong,

berjumlah kira-kira 2,000 orang di peringkat awal darurat itu yang berpindah ke Kampung Baharu Batu Lima Dungun. Sebahagian dari mereka itu telah berhijrah dan tinggal bersama keluarga mereka yang berada di bandar Chukai, Kuantan dan di bandar-bandar lain di Pantai Barat.

²⁹"Resettlements", dalam fail STT.

³⁰Ibid.

³¹Ibid.

³²Ibid.

³³Ibid.

- + — Sempadan Negeri
- - - Sempadan Daerah
- - - Sempadan Mukim
- — Jalan Raya
- [Solid Black Box] Kawasan Perlombongan



DAERAH KEMAMAN

(sumber: Trengganu Tengah Regional Planning and Development Study, 1974 (diubahsuaikan)).

Padang Lalang, Ringgit dan Bukit Besi.³⁴ Semua kawasan tersebut terletak di daerah Dungun. Sementara itu dua puluh keluarga lagi itu adalah keluarga Cina yang sememangnya telah tinggal di sekitar kawasan Kampung baharu itu.³⁵

Untuk menjayakan rancangan kampung baharu itu, maka pada bulan Ogos 1950, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan berjumlah \$44,900.00,³⁶ bagi perbelanjaan untuk rancangan itu sehingga awal tahun 1951.³⁷

(a)	Menanda dan membersihkan kawasan untuk tapak rumah dan kawasan pertanian —	\$ 2,000.00
(b)	Pengambilan balik tanah —	\$ 500.00
(c)	Pembinaan empat buah pondok sementara untuk menempatkan penduduk setinggan yang mula berpindah —	\$ 6,600.00
(d)	Bantuan perumahan kepada 170 buah keluarga — \$70.00 bagi tiap-tiap buah keluarga —	\$11,900.00
(e)	Elaun sara diri untuk 150 buah keluarga dengan kadar \$40.00 untuk satu keluarga untuk sebulan, dibayar selama 4 bulan —	\$24,000.00
(f)	Kos Pengangkutan dalam memindahkan keluarga yang terlibat —	\$ 500.00
Jumlah Perbelanjaan —		\$44,900.00

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid. Sejumlah \$8,500.00 dari perbelanjaan tersebut adalah diberi di bawah "Peruntukan 41, Perbelanjaan Khidmat Rampai, Penempatan Semula Setinggan" (a, b dan c) dan sejumlah \$36,400.00 lagi itu merupakan pendahuluan untuk perbelanjaan yang meliputi (d), (e) dan (f).

Di bawah perbelanjaan memberi bantuan elauan sara diri, dua puluh dari 170 keluarga yang ditempatkan di kampung itu tidak diberi elauan tersebut. Ini disebabkan keluarga itu masih lagi dapat menikmati hasil tanaman dan ternakan yang mereka diusahakan sejak dahulu di sekitar kawasan Kampung Baharu itu, walaupun mereka telah ditempatkan di dalam kawasan Kampung Baharu itu.

Dari 330 ekar tanah yang disediakan untuk rancangan pemilihan sebuah semula terutama pembinaan Kampung Baharu itu, sejumlah tiga puluh dari kawasan tersebut disediakan untuk membina tapak rumah, sekolah, sebuah dewan komuniti kampung, sebuah balai polis dan sebuah pondok kawalan polis. Di sekeliling kawasan tiga puluh ekar ini dipagar dengan kawat berduri. Sementara itu, sejumlah 300 ekar lagi disediakan untuk kawasan pertanian. Tiap-tiap keluarga diberikan satu ekar tanah di bawah Lesen Pemilikan Sementara (TOL) untuk bercucuk tanam.³⁸

Pada peringkat awal pembinaan kampung tersebut, empat buah pondok panjang berukuran 120 kaki panjang 20 kaki lebar telah dibina untuk menempatkan empat puluh keluarga setinggan yang mula-mula berpindah serentak ke kampung itu sementara menanti kan pembinaan rumah mereka siap.³⁹ Bagi setinggan lain, pemindahan mereka ke kampung tersebut adalah dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Untuk pembinaan rumah sahaja, Kerajaan telah menaksirkan setiap rumah yang didirikan memakan belanja \$100.00. Dalam hal ini Kerajaan Pusat telah menyediakan dan memberi bantuan sebanyak \$70.00 bagi setiap keluarga, sementara \$30.00 lagi dianggarkan bagi perbelanjaan mendirikan rumah itu ditanggung oleh keluarga yang terlibat.⁴⁰ Pada pertengahan tahun 1952 lebih dari dua ratus keluarga dari Kampung Air Jernih, Kemaman telah dipindahkan ke Kampung Baharu Batu Lima.⁴¹ Dan menjelang akhir tahun 1954, lebih dari 1,000 orang penduduk telah menetap di Kampung Baharu itu.⁴²

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Kenyataan ini diberi oleh Encik Lim Tau Yoon pada 26.7.1977. En. Lim yang dilahirkan di Kampung Air Jernih juga terlibat sama dalam perpindahan ke Kampung Baharu Batu Lima itu.

⁴² Ibid.

Pada penghujung tahun 1950, sebuah Sekolah Rendah Sin Chone telah dibina oleh Kerajaan di kawasan perumahan Kampung tersebut.⁴³ Sekolah itu dibina di atas tanah Kerajaan yang meliputi kawasan seluas 2.3 ekar yang mengandungi sebuah padang permainan.⁴⁴ Pada akhir tahun 1954, lebih dari dua ratus orang murid telah belajar di sekolah itu.⁴⁵ Guru-guru yang mengajar di sekolah itu terdiri dari guru-guru Cina. Mereka dibayar gaji oleh Pejabat Pelajaran Negeri Trengganu.⁴⁶ Sebuah Jawatankuasa sekolah juga ditubuhkan untuk mengelolakan perjalanan sekolah tersebut. Ahli-ahli dalam badan tersebut terdiri dari beberapa orang penduduk kampung yang berpengaruh. Badan itu juga sentiasa bekerjasama dengan Pegawai Hal Ehwal Orang Cina Negeri Trengganu dan juga dengan pihak Pejabat Pelajaran Negeri. Segala bantuan pelajaran dari Pejabat Pelajaran Trengganu adalah disalurkan melalui badan tersebut.⁴⁷

Tentang kemudahan perkhidmatan kesihatan pula, tidak ada sebuah pusat kesihatan atau klinik pun di kampung itu. Ini disebabkan kampung itu terletak lebih kurang lima batu sahaja dari hospital Kuala Dungun. Di samping itu, perkhidmatan kesihatan bergerak melalui *van* Kementerian Kesihatan juga diadakan untuk memberi kemudahan rawatan untuk penduduk di kampung tersebut. Untuk menyelaraskan kegiatan sosial di kampung itu sebuah dewan masyarakat telah juga dibina. Di peringkat kampung pula, sebuah badan Jawatankuasa Kampung telah ditubuhkan. Badan ini mengandungi beberapa orang yang berpengaruh dari kalangan penduduk kampung itu. Biasanya ahli-ahli Jawatankuasa Kampung itu juga merupakan ahli-ahli bagi Jawatankuasa Sekolah.⁴⁸ Tugas utama Jawatankuasa Kampung itu ialah untuk merancang, melicinkan dan menyelaraskan semua perkhidmatan masyarakat,

⁴³"New Village School", dalam fail *CLMTr*.

⁴⁴*Ibid.*

⁴⁵Kenyataan ini diberi oleh En. Lim Tau Yoon pada 26.7.1977. En. Lim adalah juga bekas guru di Sekolah Rendah Sin Chone mulai pertengahan tahun 1952 hingga ke tahun 1954. Menurut beliau, lebih separuh dari murid-murid di Sekolah Sin Chone terdiri dari murid-murid yang dipindahkan dari Sekolah Lok Khoon Air Jerneh Kemaman.

⁴⁶*Ibid.*

⁴⁷*Ibid.*

⁴⁸*Ibid.*

sama ada bagi kepentingan ekonomi ataupun sosial penduduk kampung tersebut. Semua masalah yang berbangkit dalam usaha badan itu untuk mendapatkan kemudahan dan bantuan pertanian disalurkan kepada Pegawai Hal Ehwal Orang Cina bahagian Negeri dan juga kepada DWEC. Tegasnya dalam menjalankan tanggungjawab mereka, ahli-ahli Jawatankuasa Kampung itu sentiasa bekerjasama dengan kedua pihak tadi. Wujudnya kerjasama sedemikian itu telah membolehkan pihak DWEC mengatur dan mengadakan kursus sivik dan kempen kesedaran yang biasanya diadakan di dewan masyarakat kampung tersebut, sebagai salah satu usaha penting untuk menentang propaganda komunis.⁴⁹

Untuk pengelolaan dan penyelarasian yang lebih berkesan, kampung tersebut telah dibahagikan kepada sembilan bahagian atau blok. Tiap-tiap blok mempunyai ketua mereka masing-masing. Ketua yang dilantik oleh badan Jawatankuasa Kampung atas persetujuan DWEC itu, bertanggungjawab menjaga hal ehwal penduduk terutama tentang pergerakan mereka dalam tiap-tiap blok itu. Pada akhir tahun 1952, satu unit pasukan HG juga telah ditubuhkan di kampung itu.

Kampung Pulai Baharu, Kuala Nerus

Dalam bulan Jun 1951, kira-kira 350 orang Cina yang terdiri dari lebih tujuh puluh keluarga telah dipindahkan dari Kampung Pulai,⁵⁰ Gua Musang Kelantan ke Batu Rakit, dalam daerah Kuala Trengganu.⁵¹ Penempatan penduduk Cina di Batu Rakit itu hanyalah untuk sementara sahaja. Pada akhir tahun 1952, Kerajaan Trengganu telah memilih sebuah kawasan yang dianggap sesuai untuk pembinaan Kampung Baharu bagi penduduk Cina di Batu

⁴⁹Maklumat yang didapati hasil temuramah dengan En. Lim Tau Yoon, pada 26.7.1977.

⁵⁰Di peringkat awal Darurat, Kampung Pulai yang terletak di kawasan pedalaman Gua Musang itu pernah dikuasai oleh komunis untuk beberapa hari. Lihat, A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 103. Disebabkan perhubungan kampung tersebut dengan dunia luar, hanya melalui sungai, maka kampung tersebut adalah terasing dari lingkungan pemerintahan Kerajaan. Keadaan ini memberi peluang kepada pihak komunis yang bermarkas di Ulu Kelantan itu, untuk mempengaruhi penduduk kampung tersebut.

⁵¹"Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail *LOT*. Lihat juga "Resettlements", dalam fail *STT*.

Rakit.⁵² Kawasan yang disediakan itu terletak di antara Bukit Gajah Mati dan Bukit Berangan, iaitu lebih kurang satu setengah batu dari Kampung Tepoh, mukim Kuala Nerus dalam daerah Kuala Trengganu. Tanah yang diperuntukkan bagi kawasan tersebut ialah seluas 120 ekar. Dari jumlah kawasan tersebut, seluas seratus ekar tanah disediakan untuk kegiatan pertanian, manakala seluas dua puluh ekar lagi itu dikhaskan untuk tapak rumah, sekolah, padang permainan, dewan masyarakat dan rumah tokong bagi penduduk Cina itu.⁵³ Kawasan seluas 105 ekar itu telah dibahagikan kepada 105 lot, iaitu 98 lot untuk tapak rumah dan 7 lot lagi dikhaskan untuk pembinaan sebuah sekolah, padang permainan, dewan masyarakat dan rumah tokong.⁵⁴

Berhampiran dengan kawasan tanah yang disediakan itu terdapat pula sebuah kawasan paya seluas 2,000 ekar. Sebahagian dari paya ini diletakkan di bawah rancangan pembinaan tali air untuk dijadikan kawasan sawah bagi membolehkan penduduk yang dipindahkan ke kawasan itu menanam padi.⁵⁵

Dalam masa perpindahan penduduk Cina dari Kampung Pulai, Gua Musang ke kawasan Batu Rakit itu dilakukan, tiap-tiap keluarga yang berpindah hanya dibenarkan membawa barang-barang keperluan yang mustahak dengan kadar yang paling minima. Dengan itu, sebahagian besar daripada harta kepunyaan mereka itu terpaksa ditinggalkan.⁵⁶ Di samping itu mereka juga terpaksa meninggalkan hasil tanaman dan ternakan mereka. Setelah penduduk tersebut dipindahkan ke Kampung Pulai Baharu maka Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan \$78,267.15 sebagai bayaran ganti rugi atas sebahagian daripada harta hasil ternakan dan tanaman yang terpaksa ditinggalkan oleh penduduk di kampung asal mereka. Dari jumlah peruntukan tersebut, orang dewasa yang berpindah ke Kampung Baharu tersebut, mendapat bahagian mere-

⁵²"Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail *LOT*.

⁵³*Ibid.*

⁵⁴*Ibid.*

⁵⁵*Ibid.*

⁵⁶Harta yang ditinggalkan oleh penduduk Cina di Kampung Pulai, Gua Musang itu telah diambil dan disimpan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Pusat bercadang untuk membayar balik jumlah harta tersebut kepada penduduk itu setelah harta tersebut dinilai oleh Pegawai Daerah Kuala Krai, Kelantan. Lihat "Resettlement", dalam fail *STT*.

ka masing-masing sebanyak lebih kurang \$200.00 tiap-tiap seorang.⁵⁷

Di samping itu, penduduk tersebut juga diberi bantuan sara diri oleh Kerajaan Pusat. Tiap-tiap seorang dewasa menerima \$15.00 manakala kanak-kanak pula menerima bantuan tersebut sebanyak \$7.80 setiap bulan. Bantuan ini diberikan selama enam bulan, iaitu dalam masa sementara menantikan hasil tanaman pagi mereka masak.⁵⁸ Pihak MCA negeri Trengganu turut memberi bantuan kepada penduduk Kampung Pulai Baharu pada peringkat awal mereka berpindah ke kawasan itu. Pihak MCA telah membahagikan tiga gantang beras bagi setiap orang dewasa, manakala setiap orang kanak-kanak pula menerima setengah gantang beras dari bantuan tersebut.⁵⁹

Dalam tahun 1954 sebuah sekolah telah dibina di Kampung Pulai Baharu. Sekolah itu dikenali sebagai Pulau Baharu Village Standard Type Primary Chinese School. Sekolah tersebut terletak di kawasan seluas setengah ekar. Perbelanjaan membina sekolah itu ditanggung bersama oleh Kerajaan dan MCA negeri Trengganu. Dalam hal ini Kerajaan Pusat telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$1,400.00 bagi membina tiap-tiap bilik darjah dan \$1,500.00 lagi bagi membina rumah guru. Pihak MCA pula menghulurkan bantuan sebanyak \$1,200.00 dan \$300.00, untuk tujuan yang sama.⁶⁰ Di samping itu, sebuah padang permainan dan sebuah gelanggang bola keranjang juga telah dibina berhampiran dengan sekolah tersebut. Pengelolaan dan pentadbiran sekolah itu dijalankan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Sekolah. Badan ini bekerja rapat dengan Pegawai Hal Ehwal Orang Cina Negeri dan pihak Pejabat Pelajaran Trengganu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka itu. Sementara itu gaji guru-guru yang bertugas di sekolah itu dibayar oleh Pejabat Pelajaran Negeri. Bantuan juga diberi oleh Pejabat Pelajaran tersebut kepada murid-murid yang bapanya menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Bantuan tersebut sebanyak \$2.50 bagi tiap-tiap orang murid dibayar pada tiap-tiap bulan sebagai potongan dari yuran bulanan persekolahan.⁶¹

⁵⁷⁺"Establishment of Kg. Pulai Baharu", dalam fail *LOT*.

⁵⁸*Ibid.*

⁵⁹*Ibid.*

⁶⁰*Ibid.*

⁶¹*Ibid.*

Semasa rumah penduduk kampung tersebut dibina, MCA negeri Trengganu telah juga menghulurkan bantuan yang merupakan papan dinding seberat 14 tons yang bernilai lebih kurang \$2,000.00.⁶² Dalam tahun 1954, sebuah rumah tokong iaitu tempat sembahyang bagi orang Cina telah juga dibina. Tokong itu dikenali dengan nama Tokong Yong Yong.⁶³

Sebagaimana di Kampung Baharu Batu Lima Dungun, di Kampung Pulai Baharu juga ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Kampung yang mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kampung tersebut. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka ahli-ahli dari Jawatankuasa Kampung ini sentiasa bekerja rapat dengan Pegawai Hal Ehwal Orang Cina dan pihak DWEC. Di samping sebuah dewan masyarakat, sebuah Kelab Kampung (Kampung Club) juga dibina di kampung itu. Sebahagian besar dari bantuan membina Kelab Kampung itu adalah sumbangan pihak MCA Negeri.⁶⁴ Sebagaimana dengan Kampung-kampung Baharu yang lain yang ditubuhkan di bawah rancangan penempatan semula, kemudahan yang sama juga diadakan di Kampung Pulai Baharu itu.

Kampung Baharu Jabor Valley

Rancangan penempatan semula juga diluaskan hingga kawasan meliputi estet. Dalam tahun 1951, sebuah kawasan penempatan semula penduduk Cina yang tinggal di kawasan Jabor Valley Estate dan kawasan sekitarnya di Ulu Jabor Kemaman telah dibina. Berbeza dengan pembinaan Kampung Baharu Batu Lima Dungun dan Kampung Pulai Baharu di Kuala Nerus, segala perbelanjaan membuka kampung baharu Jabor Valley ini adalah ditanggung oleh pihak estet.⁶⁵ Pada akhir tahun 1951, sejumlah lebih kurang dua ratus orang penduduk Cina yang terdiri daripada lebih dari tiga puluh keluarga yang tinggal di sekitar kawasan Jabor Valley Estate telah dipindahkan ke kawasan penempatan semula yang dibuka dalam kawasan Jabor Valley Estate. Kawasan penempatan ini

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Maklumat yang diterima, hasil temuramah dengan bekas Penghulu Ulu Jabor, Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977 dan En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977.

dikenali sebagai Jabor Valley New Village atau Kampung Baharu Jabor Valley.⁶⁶

Kampung Baharu Jabor Valley ini meliputi kawasan seluas lima ekar dan sebahagian besar tanah kawasan itu adalah kepunyaan estet. Lebih kurang setengah ekar, dari kawasan tanah itu di mana didirikan sebuah sekolah dan pondok polis adalah dalam kawasan tanah kepunyaan seorang saudagar Cina bernama Phua Tin Kee.⁶⁷ Sekolah yang didirikan di kampung itu dikenali sebagai Ulu Jabor New Village Chinese School. Di sekeliling Kampung Baharu itu dipagar dengan kawat berduri dan dikawal oleh anggota pasukan keselamatan. Berbeza dengan keadaan di kedua buah Kampung Baharu yang telah dibincangkan sebelum ini, didapati tidak ada kawasan pertanian disediakan oleh pihak estet untuk penduduknya bercucuk tanam di Kampung Baharu Jabor Valley itu. Ini disebabkan hampir semua penduduk Cina yang dipindahkan ke Kampung itu bekerja sebagai buruh dan penoreh getah dengan pihak Jabor Valley Estate.⁶⁸

Dalam menyediakan kemudahan sosial pula, selain dari membina sebuah sekolah, sebuah gelanggang bola keranjang juga dibina oleh pihak estet berhampiran dengan sekolah itu.⁶⁹ Kemudahan sosial yang lain seperti membina dewan masyarakat, kelab kampung, padang permainan sebagaimana yang terdapat di kedua buah Kampung Baharu yang telah dibincangkan, tidak terdapat di Kampung Baharu Jabor Valley ini. Dalam hal pengurusan kampung itu pula, tidak ada badan khusus seperti Jawatankuasa Kampung atau Jawatankuasa Sekolah yang ditubuhkan di kampung ini. Semua pengurusan kampung adalah di bawah pentadbiran pihak estet.⁷⁰ Dengan keadaan ini dapatlah dikatakan iaitu Kampung Baharu Jabor Valley sebenarnya merupakan kampung baharu dari segi namanya sahaja, tetapi dari segi kemudahan yang terdapat di kampung itu sendiri, ia dapat dikategorikan sebagai sebuah kawasan pengumpulan semula sahaja.

⁶⁶*Ibid.*

⁶⁷"New Village Schools" dalam fail *CLMTR*.

⁶⁸Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977 dan En. Tawang Yunus pada 16.8.1977.

⁶⁹"New Village Schools" dalam fail *CLMTR*.

⁷⁰Kenyataan ini diberi oleh bekas Penghulu Ulu Jabor, En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977.

Dari apa yang telah disebutkan tentang penubuhan kampung-kampung baharu di negeri Trengganu setakat ini, jelaslah penduduk yang terlibat dalam rancangan ini, terutama penduduk yang dipindahkan ke kampung-kampung baharu terdiri dari satu kaum sahaja iaitu kaum Cina.⁷¹ Mereka yang terlibat dalam perpindahan ketiga buah kampung baharu itu berjumlah hampir 2,000 orang.⁷² Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, orang Cina yang tinggal di kawasan setinggan di pinggir hutan dan di kawasan yang terpencil di estet-estet itu memang terdedah kepada pengaruh komunis dan mudah pula menerima pengaruh itu dan menyokong perjuangan komunis.

Pembukaan Kampung-kampung baharu di negeri Trengganu yang melibatkan ¾ dari jumlah penduduk Cina itu bukan melibatkan orang Cina yang berasal atau tinggal di negeri Trengganu sendiri. Seramai 350 orang Cina itu berasal dari kawasan pedalaman di Kelantan, terutamanya dari Kampung Pulai, Gua Musang yang dipindahkan ke Kampung Pulai Baharu. Di negeri Trengganu sendiri, hanya orang Cina yang tinggal di selatan Trengganu, khususnya yang tinggal di daerah Kemaman dan Dungun sahaja yang terlibat dalam perpindahan ke Kampung-kampung baharu itu. Ini disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan yang paling hebat menghadapi ancaman keganasan komunis jika dibandingkan dengan kawasan lain di negeri Trengganu.

Faedah Dan Masalah Penduduk Di Kampung-Kampung Baharu

Dalam menghadapi ancaman komunis, terutama pada peringkat awal darurat, Kerajaan Pusat khususnya Kerajaan British di

⁷¹Bagi seluruh Tanah Melayu terdapat 80 peratus di kalangan penduduk yang terlibat dalam rancangan penempatan semula itu terdiri dari kaum Cina. Lihat K.S. Sandhu, "Emergency, Resettlement in Malaya", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol. 18, August, 1964, h. 165.

⁷²Bilangan mereka yang terlibat di tiap-tiap buah kampung itu adalah seperti berikut: (a) Kampung Baharu Batu Lima Dungun — melebihi 1,000 orang, (b) Kampung Pulau Baharu — 350 orang, (c) Kampung Baharu Jabor Valley — lebih kurang 200 orang. Sumber-sumber dari "Resettlements" dalam fail *STT*; "Establishment of Kampung Pulai Baharu" dalam fail *LOT* dan maklumat hasil temuramah dengan Syed Mohd bin Husin pada 26.7.1977 dan En. Tawang bin Yunus pada 16.8.1977. Bilangan yang paling besar di mana berlakunya penduduk setinggan Cina yang tinggal di pinggir hutan itu berpindah ke Kampung Baharu terdapat di kawasan selatan Trengganu, khususnya di daerah Kemaman dan Dungun.

Tanah Melayu sedar bahawa pengganas komunis di Tanah Melayu tidak akan tewas atau dapat dihapuskan dengan tenaga tentera semata-mata. Apa yang penting untuk memerangi pengganas komunis itu ialah mengadakan usaha untuk memikat hati, fikiran dan pendirian penduduk di Tanah Melayu, terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang mudah terdedah kepada pengaruh komunis, supaya menyokong dan memihak kepada perjuangan Kerajaan. Pendapat seperti ini ditegaskan sendiri oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu iaitu Sir Gerald Templer:

"You cannot win this sort of war with bullets. You can only win the people, in my opinion to use that nauseating phrase I think I invented by capturing their hearts and minds. The strategy is to win it by getting people on your side, by getting prosperity, a higher standard of living among the people and so providing that what we call the Western way of life is better than the communist way of life."⁷³

Berdasarkan kenyataan ini, maka salah satu usaha besar yang dijalankan oleh Kerajaan ialah menumpukan perhatian yang lebih dengan menyediakan kemudahan sosial dan ekonomi kepada penduduk di kampung-kampung baharu yang ditubuhkan pada masa darurat itu. Dengan ini dalam merancang pembukaan kampung-kampung baharu itu, Templer sendiri telah menggalurkan kriteria yang perlu diambil perhatian. Kriteria-kriteria itu ialah seperti berikut:⁷⁴

- (1) Peruntukan kawasan yang sesuai luasnya untuk pertanian. Kawasan tersebut seboleh-bolehnya hendaklah disediakan berhampiran dengan kawasan perumahan yang berpagar itu.
- (2) Menyediakan bekalan air yang cukup.
- (3) Pembentukan sebuah Jawatankuasa Kampung atau Majlis Kampus yang bersfungsi dan berjalan dengan baik.
- (4) Perlu diwujudkan perasaan berbaik-baik dan tolongan menolong di kalangan penduduk dan juga perasaan yang sama di pihak penduduk itu terhadap pihak Kerajaan.
- (5) Membina sebuah sekolah dan rumah guru yang boleh

⁷³ Straits Times, 27 Mac 1968.

⁷⁴ A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, h. 404.

- menampung persekolahan anak-anak dan guru-guru yang mengajar di sekolah atau kampung tersebut.
- (6) Membina sebuah Pusat Dewan Masyarakat.
 - (7) Menubuhkan pasukan 'Home Guards' dengan rancangan pertahanan tempatan atau kampung yang sempurna.
 - (8) Keterangan milik tanah ke atas tapak rumah dan kawasan pertanian dalam keadaan jangka panjang.
 - (9) Membina pagar di sekeliling kawasan perumahan. Di kampung yang besar diadakan kemudahan elektrik dengan pembayaran penggunaannya dengan kadar yang sesuai dan ditetapkan.
 - (10) Menubuhkan pertubuhan sosial seperti Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah dan sebagainya.
 - (11) Perlu diwujudkan hubungan yang baik di antara penduduk dengan anggota polis.
 - (12) Membina bangunan tempat sembahyang bagi penduduk kampung tersebut.
 - (13) Pokok-pokok perlu ditanam di tepi jalan, di sekeliling sekolah dan di sekeliling padang permainan.
 - (14) Membina jalan raya dengan sistem parit atau longkang yang baik.
 - (15) Perlu diwujudkan kemudahan kesihatan yang baik.

Dari kriteria yang digalurkan di atas, jelaslah sebahagian besar daripada kriteria itu telah pun diadakan dan dipenuhi semasa pembukaan Kampung Baharu Batu Lima Dungun dan Kampung Pulai Baharu, Kuala Nerus. Tetapi bagi Kampung Baharu Jabor Valley pula, keadaan yang wujud di situ, terutama dalam penyediaan kemudahan sosial dan ekonomi adalah jauh berbeza dari kriteria yang digalurkan itu.

Di samping merupakan satu cara atau rancangan yang penting dalam usaha Kerajaan memerangi komunis, penubuhan Kampung baharu itu juga telah memberi banyak faedah kepada penduduk yang terlibat dalam rancangan itu. Dalam pada itu tidak dapat dinafikan bahawa penduduk tersebut ke Kampung Baharu yang dibubuhkan itu juga telah menimbulkan masalah tertentu di kalangan penduduk di situ.

Rancangan membina rumah, sekolah, dewan masyarakat, tempat bersembahyang, kelab kampung, padang permainan serta kawasan menternak dan untuk pertanian itu, telah diatur begitu rupa untuk memberi faedah sebaik-baiknya, terutamanya dari segi keselamatan, keselesaan dan kesihatan kampung tersebut. Perancangan Kampung Baharu yang begitu teratur dapat dilihat dengan jelas dalam peraturan yang digalurkan untuk membina Kampung Pulai Baharu dalam tahun 1952 itu. Peraturan itu adalah seperti berikut:⁷⁵

- (1) Rumah-rumah yang dibina hendaklah menurut pelan yang diluluskan dan hendaklah ada sekurang-kurangnya satu tingkap pada tiap-tiap sebelah dinding dan dapur pula hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu tingkap dan satu lubang asap.
- (2) Bahagian hadapan tiap-tiap buah rumah itu hendaklah diatur selari dengan jalan, sejauh 10 kaki dari 'reserve' jalan.
- (3) Rumah-rumah hendaklah ditempatkan seberapa dekat yang boleh dengan hadapan jalan lot-lot tempat tinggal itu.
- (4) Jamban tidak boleh kurang dari 30 kaki letaknya dari tiap-tiap buah rumah dan dapur pula hendaklah ditempatkan dekat dengan sempadan belakang lot itu. Semua jamban hendaklah jenis bertadah (bucket type) dan didirikan menurut pelan yang diluluskan.
- (6) Telaga tidak boleh ditempatkan dalam kawasan 60 kaki dari jamban atau reban ayam atau kandang babi.
- (7) Babi tidak boleh dipelihara dan tidak lebih dari 10 ekor ayam boleh dipelihara di setiap kawasan tempat tinggal. Ayam mestilah dipelihara dalam reban yang letaknya tidak kurang dari 30 kaki jauhnya daripada rumah atau dapur.
- (8) Kawasan seluas setengah ekar adalah disediakan bagi kegunaan memelihara ayam.
- (9) Bahagian tertentu dari kawasan tanah Kerajaan akan diketepikan untuk kegunaan 'am iaitu untuk 'reserve'.

⁷⁵"Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail LOT.

telaga, jalan, sekolah, padang bola, rumah berhala dan kelab kampung.

Pada akhir tahun 1950, peraturan tersebut telah pun dilaksanakan semasa membuka Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.⁷⁶ Pada akhir tahun 1954, peraturan itu telah dilaksanakan bagi pembinaan Kampung Pulai Baharu di mukim Kuala Nerus.

Walaupun Kerajaan tidak mendirikan rumah sakit ataupun klinik di dua buah Kampung Baharu itu, namun penduduk di situ tidaklah menghadapi kesukaran besar untuk mendapatkan perkhidmatan dan rawatan kesihatan, kerana perkhidmatan kesihatan bergerak melalui *van* diadakan bagi penduduk kampung itu. Di samping itu, penduduk Kampung Baharu Batu Lima, Dungun pula berpeluang juga untuk mendapatkan rawatan kesihatan dari Hospital Besar di Kuala Dungun yang terletak lebih kurang lima batu sahaja dari kampung mereka.⁷⁷

Di samping itu rancangan memajukan ekonomi di kampung-kampung baharu telah dijalankan oleh Kerajaan dengan kerjasama ahli-ahli jawatankuasa kampung di kedua buah kampung itu. Kawasan menternak ayam seluas setengah ekar disediakan bagi tiap-tiap buah kampung. Ahli-ahli jawatankuasa kampung tersebut juga digalakkan untuk mengambil inisiatif menubuhkan rancangan kerjasama untuk memelihara ayam. Dalam rancangan ini, penduduk di kedua buah kampung tersebut diberi kemudahan untuk mendapatkan modal melalui pinjaman dari agensi Kerajaan atau RIDA.⁷⁸

Kegiatan memelihara babi yang memang telah menjadi kegiatan utama di kalangan sebahagian besar setinggan Cina sebelum mereka dipindahkan ke Kampung-kampung Baharu terus dipergiatkan, terutama di Kampung Baharu Batu Lima Dungun. Sehingga akhir tahun 1953 terdapat lapan buah kandang babi di kawasan yang disediakan khas seluas satu ekar berhampiran dengan Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.⁷⁹ Sepanjang tahun 1953 kampung tersebut dikatakan menjadi kawasan penting atau pusat kegiatan

⁷⁶Ibid.

⁷⁷Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan En. Lim Tau Yoon pada 26.7.1977.

⁷⁸"Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail LOT.

⁷⁹Ibid.

menternak babi di negeri Trengganu.⁸⁰ Pada tahun 1954, Kerajaan membenarkan penduduk Kampung Baharu Batu Lima Dungun menjual daging babi di pasar Kuala Dungun dan Bukit Besi.⁸¹ Penduduk Kampung Pulai Baharu tidak dibenarkan oleh Kerajaan untuk menternak babi memandangkan tidak ada kawasan yang sesuai di luar kawasan perumahan itu untuk rancangan menternak babi.⁸²

Pembinaan sekolah di Kampung Baharu Batu Lima, Dungun dan di Kampung Pulai Baharu dengan usaha sama Kerjaan, MCA dan jawatankuasa tiap-tiap buah kampung telah memberi faedah yang besar kepada anak-anak di kampung tersebut. Sebelum Kampung-kampung Baharu itu dibuka, sebahagian besar penduduk di kampung itu yang dahulunya tinggal di kawasan setinggan di pinggir hutan tidak mempunyai peluang untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Pembinaan sekolah di kampung itu telah membawa kepada kesedaran baru di kalangan sebahagian besar penduduk kampung itu tentang perlunya pelajaran untuk masa depan anak-anak mereka. Dalam tahun 1954, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah \$13,200.00 untuk memajukan sekolah di kedua buah kampung itu.⁸³ Sementara itu sejumlah \$1,500.00 lagi disediakan bagi melatih guru-guru yang bertugas di kampung tersebut.⁸⁴

Pembinaan pagar kawat berduri di sekeliling kawasan perumahan, kawalan dan peraturan tertentu yang dikenakan oleh anggota pasukan keselamatan ke atas penduduk di Kampung-kampung Baharu itu dalam masa yang sama telah menimbulkan perasaan tidak senang dan ketidakselesaan penduduk untuk bergerak. Sebahagian besar penduduk di situ merasakan diri mereka berada di dalam kawasan tahanan. Keadaan ini jelas dari laporan oleh Setiausaha Hal Ehwal Orang Cina, Mr. N.J.A. Hooker dalam lawatan beliau ke Kampung Baharu Batu Lima Dungun dan Kampung Pulai Baharu dari 15 Disember hingga 17 Disember 1953,

⁸⁰ Annual Report, Department of Agriculture Trengganu (ARDATr), 1953-1960, laporan tahunan yang bertaip, simpanan Pejabat Pertanian, Kuala Trengganu.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² "Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail LOT.

⁸³ Financial Statements, 1953 of the Federation of Malaya, including States and Settlements, Printed by Government Printer, Kuala Lumpur.

⁸⁴ *Ibid.*

"many of the villagers dislike the prison atmosphere of the two villages".⁸⁵

Sehingga penghujung tahun 1953, penduduk di kedua buah kampung itu tidak dibenarkan keluar dari kawasan kampung mereka pada waktu mereka bekerja di ladang khususnya di antara pukul 7 pagi hingga 5 petang, melainkan telah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu dari OCS atau OCPD di kawasan tersebut.⁸⁶ Setiap penduduk di kedua buah kampung itu dikehendaki membawa kad yang bernombor. Kad tersebut hendaklah diserahkan kepada pegawai keselamatan, sama ada OCS atau OCPD di kawasan masing-masing sebelum mereka dibenarkan keluar untuk bermalam di luar kawasan kampung itu.⁸⁷ Peraturan seperti ini telah menghadkan kebebasan penduduk di kampung-kampung itu untuk bergerak. Kegelisahan seperti ini sangat dirasai, terutamanya oleh penduduk di Kampung Baharu Batu Lima, Dungun di mana Pegawai OCPD di situ yang terkenal dengan sikap 'anti-Batu Lima', sangat sukar untuk memberi kebenaran kepada penduduk kampung keluar bermalam di luar dari kampung mereka.⁸⁸

Walau bagaimanapun, masalah ini merupakan masalah semestara sahaja bagi penduduk Kampung Baharu itu. Pada awal tahun 1954, Kerajaan Negeri, di bawah The Emergency (Tenants Registration) Regulations, 1951, telah memperkenalkan satu peraturan yang dikenali sebagai Batu Lima New Village (Tenants Registration) (Administration Order, 1953) ke atas penduduk Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.⁸⁹ Peraturan ini telah mengurangkan halangan untuk bergerak bagi penduduk di kampung itu. Menurut peraturan ini Kampung Baharu Batu Lima yang dibahagi-bahagikan kepada sembilan blok itu dikehendaki melantik ketua blok masing-masing dari salah seorang penduduk di dalam blok di kampung itu sendiri. Setiap penduduk atau keluarga perlu memberitahu atau melaporkan dengan segera, dalam masa yang tidak melebihi enam jam, tentang sesiapa sahaja di antara penghuni rumahnya itu yang keluar

⁸⁵ "Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam fail *LOT*.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ *Government Gazette for the State of Trengganu (GGST), 1954, Vol. VII, 24 January 1954.*

dari kampung tersebut ataupun orang-orang luar yang datang untuk bermalam ke rumahnya kepada ketua blok masing-masing. Mereka yang hendak keluar dari kampung itu lebih dari 24 jam mestilah memberitahu atau melaporkan hal itu kepada ketua blok masing-masing. Ketua blok pula akan memberitahu atau melaporkan hal itu kepada orang yang ditugaskan dan bertanggungjawab mendaftarkan nama mereka yang keluar dan masuk ke kampung tersebut. Di samping itu seorang pegawai dilantik untuk menentukan dan menjamin peraturan tersebut dipatuhi dan dijalankan dengan baik.⁹⁰ Pada akhir tahun 1953, peraturan tersebut juga telah diluaskan ke Kampung Pulai Baharu.

Satu lagi masalah utama yang dihadapi oleh penduduk yang baru berpindah ke Kampung-kampung Baharu, terutama di peringkat awal perpindahan tersebut ialah kesulitan untuk mengadakan perbelanjaan yang cukup untuk membina rumah mereka di kampung-kampung itu. Walaupun Kerajaan telah memberi bantuan sebanyak \$70.00 bagi tiap-tiap keluarga bagi belanja membina rumah-rumah mereka, tetapi bantuan yang diberikan itu tidak cukup untuk membina sebuah rumah seperti yang dirancang oleh Kerajaan. Di Kampung Pulai Baharu, jawatankuasa kampung telah membuat anggaran perbelanjaan untuk membina sebuah rumah sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Anggaran itu menyebut untuk membina sebuah rumah memakan belanja sekurang-kurangnya \$200.00. Oleh yang demikian maka dalam tahun 1953 ahli jawatankuasa kampung dengan disokong oleh Pegawai Daerah Kuala Trengganu telah merayu kepada pihak SWEC supaya dapat disampaikan kepada Kerajaan Pusat, meminta pinjaman maksima sebanyak \$250.00 bagi tiap-tiap keluarga untuk belanja membina rumah.⁹¹ Pinjaman ini akan dibayar balik dengan kadar bunganya 25 peratus. Bayaran balik pinjaman tersebut dicadangkan di antara \$10.00 hingga \$20.00 tiap-tiap bulan dan dilakukan selepas musim menuai iaitu selepas bulan April.⁹²

⁹⁰ *Ibid.* Untuk keterangan yang lebih jelas lagi tentang blok pendaftaran penduduk Kampung Baharu Batu Lima Dungun, di bawah Peraturan 'Batu Lima New Village (Tenants Registration) (Administration) Order 1953, sila rujuk kepada Jadual III (a).

⁹¹ "Establishment of Kampung Pulai Baharu" dalam *LOT*.

⁹² *Ibid.*

Walau bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan pinjaman itu tidak mendapat perhatian pihak SWEC. Tetapi, masalah itu telah dapat dikurangkan apabila pihak SWEC mengarahkan Pegawai Hutan Negeri mengeluarkan lesen membenarkan penduduk di situ mengambil kayu-kayu bulat di kawasan hutan berhampiran dengan kampung mereka untuk membina rumah.⁹³ Selain dari itu

JADUAL III (a)

**Blok Kawasan Pendaftaran Penduduk Kampung Baharu
Batu Lima, Dungun di Bawah Peraturan
'Batu Lima New Village (Tenants Registration)
(Administration) Order 1953***

Kawasan	Ketua	Orang Yang Bertanggungjawab Untuk tugas Pendaftaran	Pegawai Yang Bertanggungjawab ke atas segala kegiatan Pendaftaran
Blok A	Lim Hje Sang LC.TR. 161100	Liun Hin Hai LC.TR. 161111	Lim Yew Kit 'Sector Warden'
Blok B	Wang Yok Lim I.C.TR. 161060	- sama -	- sama -
Blok C	Ngain Tee Kiu LC.TR. 161615	- sama -	- sama -
Blok D	Foo Jong Thong	Bu Wi Pang I.C.TR. 000568	- sama -
Blok E	Lim Ju Puan I.C.TR. 161143	- sama -	- sama -
Blok F	Wang Chen Teng I.C.TR. 153728	Yong Men Sui LC.TR. 147392	- sama -
Blok G	Lau Yee Khang I.C.TR. 147450	Wang Chua Tin I.C.TR. 142254	- sama -
Blok H	Poo Hon Tin I.C.TR. 151832	- sama -	- sama -
Blok I	Tan Jee Chik I.C.TR. 142008	Yong Men Sui LC.TR. 147392	- sama -

*GGST, 1954, 25 Januari 1954.

⁹³Ibid.

pihak kilang papan tempatan iaitu Yeng Yoke Kee dan Eastern Sawmills juga menawarkan bantuan untuk memberi dan menghantar sebahagian dari kayu dan papan bagi membina rumah-rumah di kampung tersebut.⁹⁴

Penduduk Kampung Baharu Batu Lima Dungun dan Kampung Pulai Baharu juga menghadapi masalah dalam kegiatan pertanian dan penternakan kerana tanah yang diperuntukkan bagi kegiatan itu tidak mencukupi untuk menyara hidup mereka. Sebahagian besar daripada penduduk yang dipindahkan ke kampung-kampung tersebut, sebelum itu bergantung sepenuhnya kepada kegiatan pertanian dan penternakan untuk sara hidup mereka. Bagi penduduk yang hidup mereka bergantung sepenuhnya kepada pertanian dan penternakan, luas kawasan tanah yang dianggarkan sesuai bagi tiap-tiap keluarga sebaik-baiknya ialah tiga ekar atau lebih.⁹⁵ Tetapi tanah yang luas untuk tiap-tiap keluarga yang terlibat dalam perpindahan itu tidak dapat diadakan di kebanyakan Kampung-kampung Baharu yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada waktu itu.⁹⁶ Masalah seperti ini juga telah dihadapi oleh penduduk di Kampung-kampung di Trengganu, khususnya penduduk Kampung Baharu Batu Lima Dungun dan Kampung Pulai Baharu.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, tiap-tiap keluarga yang berpindah ke dua Kampung Baharu itu disediakan tanah untuk kegiatan pertanian seluas di antara setengah ekar hingga satu ekar. Dengan kawasan yang kecil itu, maka kegiatan pertanian juga semakin terhad. Ini menyulitkan penduduk di Kampung Pulai Baharu kerana mereka juga tidak dibenarkan menternak babi di kawasan yang disediakan untuk kegiatan pertanian itu. Kawasan tapak rumah yang disediakan seluas di antara $\frac{1}{2}$ hingga $\frac{1}{6}$ ekar bagi tiap-tiap satu lot tapak rumah adalah jauh dari mencukupi untuk menampung kegiatan pertanian dan penternakan yang berkesan di kawasan itu. Bagi penduduk di Kampung Baharu Batu Lima Dungun pula, walaupun mereka disediakan seluas satu ekar tanah untuk menternak babi, tetapi kegiatan tersebut tidak dapat dimaju-

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Federation of Malaya — Report of the Department of Agriculture, 1950 to 1951*, Government Printer, Kuala Lumpur, h. 3.

⁹⁶ *Ibid.*

kan kerana kawasan yang diperuntukkan bagi kegiatan tersebut itu adalah terhad.

Di Kampung Pulai Baharu, rancangan Kerajaan untuk memajukan sebahagian dari 2,000 ekar kawasan paya berhampiran dengan kawasan itu gagal, walaupun perbelanjaan yang besar telah dikeluarkan untuk membina tali air yang mengurangkan air yang berlebihan di paya terutama pada musim tengkujuh. Sehingga akhir tahun 1952 Kerajaan Pusat telah memperbelanjakan S\$35,000.00 untuk kerja-kerja mengeringkan paya tersebut.⁹⁷

Tanah yang terhad dan tidak sesuai untuk tanaman padi dan ketiadaan peluang bagi penduduk kampung Pulai Baharu untuk menternak babi menyebabkan sebahagian besar penduduk di kampung tersebut keluar dari kampung mereka untuk bekerja sebagai buruh terutama sebagai buruh kontrak dengan DID dan PWD.⁹⁸ Dalam tahun 1957 apabila seluruh negeri Trengganu diisytiharkan sebagai kawasan aman, sebahagian besar dari penduduk di Kampung Pulai Baharu telah pulang ke kampung asal mereka di Gua Musang, Kelantan. Sehingga tahun 1960 hanya lapan belas keluarga sahaja yang tinggal menetap di Kampung Pulai Baharu.⁹⁹ Sebahagian besar daripada mereka yang masih menetap itu bekerja di bandar Kuala Trengganu. Perpindahan kembali sebahagian besar penduduk dari Kampung Pulai Baharu ke Kampung Pulai, Gua Musang Kelantan telah juga mengakibatkan kemerosotan bilangan murid-murid yang belajar di sekolah Kampung Pulai Baharu itu. Pada awal tahun 1960-an sekolah tersebut terpaksa ditutup. Murid-murid yang masih bersekolah di sekolah itu terpaksa dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Bukit Nenas yang terletak lebih kurang dua batu jauhnya dari sekolah Kampung Pulai Baharu.¹⁰⁰

⁹⁷"Resettlements" dalam Fail STT, No. Fail 297/50, ANM.

⁹⁸"Establishment of Kampung Pulai Baharu", dalam LOT, No. Fail, 673/52, PTKT.

⁹⁹Ibid.

¹⁰⁰"Rancangan Penempatan Orang Cina Air Jernih" dalam Fail Pejabat Tanah Kemaman (PTK), No. Fail, 123/65, Pejabat Daerah Kemaman.



BAB 4

PERLOMBONGAN DI TRENGGANU 1948 - 1960

Latar Belakang Perusahaan Perlombongan Sebelum 1948

Sebelum dilihat sejauh manakah keganasan komunis di Trengganu dan memberi kesan ke atas perusahaan perlombongan terutama di peringkat awal darurat dan perkembangannya sehingga tahun 1960, perlulah disentuh sepintas lalu tentang kegiatan awal perlombongan di negeri Trengganu hingga ke tahun 1948. Dengan ini kita akan dapat melihat sejauh mana pentingnya perusahaan perlombongan itu kepada ekonomi negeri Trengganu selepas tahun 1948 hingga ke tahun 1960.

Trengganu dikatakan menjadi negeri yang awal mengusahakan lombong galian.¹ Galian utama yang terdapat di Trengganu ialah bijih besi dan bijih timah. Perusahaan melombong bijih timah yang dimulakan sejak awal abad kesembilan belas dan melombong bijih besi yang bermula sejak awal abad kedua puluh itu, masih lagi diusahakan hingga ke tahun 1960.² Selain dari itu bahan galian yang lain seperti emas, wolfram dan mengganum juga terdapat di negeri Trengganu dan kegiatan melombong bahan tersebut pernah diusahakan sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Selepas perang tersebut, kegiatan untuk melombong emas dan mengganum telah tidak diusahakan lagi disebabkan kehabisan simpanannya.

¹ Annual Report, Commissioner of Land and Mines Trengganu (ARCLMTr.), No. Fail, Inspector of Mines, (I.M.), 225/48, Arkib Negara Malaysia.

² Kegiatan melombong bijih besi telah dihentikan akibat penutupan lombong bijih besi di Bukit Besi dalam tahun 1970. Lihat, Mohd Hairon Yassar 'Sejarah Perlombongan di Bukit Besi, 1929-1970', Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975, h. 152. Sementara itu kegiatan melombong bijih timah masih lagi diusahakan hingga sekarang.

Pada pertengahan abad kesembilan belas, sebahagian daripada pengeluaran emas yang berjumlah 19,000 ounce di Tanah Melayu datangnya dari negeri Trengganu.³ Satu laporan lain pula menyatakan pada pertengahan abad kesembilan belas, emas adalah merupakan salah satu eksport Trengganu selain dari bijih timah, binatang ternakan dan ikan kering.⁴ Sebelum Perang Dunia Kedua, ada dua buah lombong di negeri Trengganu yang mengeluarkan galian wolfram. Lombong tersebut terletak di kawasan konsesi Chenderong dalam daerah Kemaman dan di Bukit Lendor dalam daerah Dungun.⁵ Menjelang Perang Dunia Pertama dalam tahun 1914, Trengganu dilaporkan menjadi pengeluar utama galian ini bagi seluruh Tanah Melayu.⁶ Selepas Perang Dunia Kedua, lombong wolfram di Bukit Lendor terpaksa ditutup kerana kehabisan simpanannya, tetapi kegiatan melombong wolfram di Chenderong tetap diteruskan walaupun kadar pengeluarannya semakin rendah.⁷ Sementara itu kegiatan melombong mangganum giat diusahakan di kawasan Machang Setahun dalam daerah Kemaman mulai tahun 1923,⁸ tetapi menjelang tahun 1938, kegiatan di kawasan tersebut terpaksa dihentikan disebabkan kehabisan simpanannya.⁹

Sebelum akhir abad kesembilan belas, adalah menjadi kebiasaan di negeri Trengganu, sebagaimana juga yang berlaku di kebanyakan Negeri-negeri Melayu waktu itu, Sultan dan Pembesar-pembesar

³R.O. Winstedt, *The Malaysia Cultural History*, London, 1961, h. 129.

⁴J. Bastin & R.W. Winks, *Selected History Readings of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, h. 148.

⁵ARCLMTR. No. Fail, I.M., 225/48. Kegiatan melombong wolfram di kawasan Bukit Lendor Dungun telah mula diusahakan dalam tahun 1911 oleh Dungun-River (Trengganu) Development Syndicate Ltd. Dalam tahun 1914, hak untuk melombong di kawasan itu telah dijual oleh syarikat tersebut kepada Lim Chee Chian. Kegiatan melombong wolfram di kawasan konsesi Chenderong pula telah bermula dalam tahun 1917, diusahakan oleh Syarikat Chenderong Wolfram Mines Ltd. Dalam tahun 1919 kedua-dua buah lombong itu terpaksa ditutup buat sementara disebabkan harga bahan tersebut jatuh terlalu rendah. Dalam tahun 1920, kegiatan melombong di kedua-dua buah lombong itu diteruskan semula sehingga salah Perang Dunia Kedua meletus. Lihat, *Ibid.*

⁶*Ibid.*

⁷*Ibid.*

⁸Kegiatan melombong mangganum telah mula diusahakan di kawasan Machang Setahun dalam tahun 1923 oleh sebuah Syarikat Jepun iaitu Syarikat Ishihara Sangyo Koshi Ltd. Lihat, *Ibid.*

⁹*Ibid.*

turut terlibat dalam perusahaan perlombongan, terutama dari segi pemberian modal.¹⁰ Di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin III mulai tahun 1881, baginda sentiasa memberi galakan dan kemudahan kepada pengusaha lombong bukan sahaja dari negeri Trengganu, malah juga dari Negeri-negeri Selat untuk membuka lombong di negeri Trengganu.¹¹ Dalam tahun 1890-an baginda telah menganugerahkan beberapa kawasan perlombongan, terutamanya di kawasan Kemaman dan Dungun kepada beberapa orang pengusaha lombong dan juga syarikat-syarikat perlombongan dalam bentuk konsesi.¹²

Semenjak pertengahan abad kesembilan belas lagi, kegiatan melombong bijih timah giat diusahakan dengan pesatnya di kawasan selatan Trengganu, terutamanya di daerah Kemaman. Ini disebabkan kawasan longgokan (deposit) bijih timah yang terdapat di kawasan tersebut termasuk dalam lingkungan yang dikenali sebagai "*Eastern Tin Belt*".¹³ Dalam pertengahan abad kesembilan belas negeri Trengganu telah pun menghasilkan bijih timah dan jumlah pengeluarannya yang dieksport adalah yang terbesar dibandingkan dengan pengeluaran di kawasan lain di Pantai Timur pada waktu itu. Pengeluarannya hampir menyamai jumlah pengeluaran bijih timah di negeri Perak. Dalam tahun 1835 jumlah pengeluaran bijih timah di negeri Trengganu, dibandingkan dengan pengeluaran di negeri-negeri lain di Pantai Timur dan di Pantai Barat adalah seperti dalam Jadual IV(a):

¹⁰Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1974, h. 174. Salah seorang dari Pembesar-pembesar Sultan Ahmad Shah Trengganu di awal abad kesembilan belas, jaitu En. Buruk Khatib Ismail yang diperintah untuk mentadbir bahagian kawasan tepi Sg. Kemaman telah berjumput bijih timah di kawasan Bandi dan Sg. Ayam. Dengan bantuan Tan Ah Pak, En. Buruk telah membuka lombong bijih timah di kawasan tersebut dengan sebahagian besar modal diberi oleh Sultan Trengganu. *Ibid.*

¹¹J. Allen, "Sultan Zainal Abidin III", *Malaya in History*, Vol. 12 No. 1, The Malayan History Society, Kuala Lumpur, Oct. 1968, h. 15.

¹²*Ibid.*

¹³Kawasan "*Eastern Tin Belt*" ini tidaklah begitu luas berbanding dengan kawasan bijih timah di Pantai Barat. Ianya meliputi kawasan timur negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor. Kawasan yang terkaya dengan simpanan bijih timah adalah terletak di bahagian Timur Pahang yang mana berlanjutan ke utara sejauh kira-kira 50 batu, meliputi bahagian selatan negeri Trengganu. Lihat Ooi Jin Bee, *Bumi Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*, DBP, Kuala Lumpur, 1968, h. 319.

Jadual IV(a)
Pengeluaran Bijih Timah di Tanah Melayu
Dalam Tahun 1835.¹⁴

Pantai Barat		Pantai Timur	
Kawasan	Pengeluaran (Pikul)	Kawasan	Pengeluaran (Pikul)
Perak	7,500	Trengganu	7,000
Sg. Ujung	7,000	Kelantan	3,000
Ujung Salang	1,500	Pahang	3,000
Kedah	600		
Selangor	3,600	Patani	1,000

Empat buah lombong bijih timah yang terbesar terletak di kawasan selatan negeri Trengganu, khususnya di daerah Kemaman. Kawasan tersebut ialah Bukit Bandi, Sungai Ayam, Kajang dan Tebak. Hampir 90 peratus daripada kegiatan melombong bijih timah di negeri Trengganu diusahakan di kawasan tersebut.¹⁵ Konsesi atau hak untuk melombong atau yang dimiliki oleh syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha di kawasan perlombongan itu sentiasa bertukar tangan. Mulai tahun 1941 hak untuk melombong bagi kawasan Bukit Bandi, setelah beberapa kali bertukar milik, akhirnya jatuh ke tangan Teck Leong Mining Company.¹⁶ Dalam tahun 1936, konsesi melombong di kawasan perlombongan Sungai Ayam pula dimiliki oleh seorang pengusaha Cina bernama Lui Ah Hon, setelah dijual

¹⁴Wong Kim Lon, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tusson, 1965, h. 20.

¹⁵ARCLMTr., No. Fail, I.M., 225/48, Arkib Negara Malaysia.

¹⁶Kawasan perlombongan Bukit Bandi diperlakukan sebagai kawasan perlombongan yang tertua di Trengganu, mulai diusahakan dalam tahun 1856 dan dimodal sendiri oleh Sultan Baginda Omar yang memerintah Trengganu di waktu itu. Dalam tahun 1891, iaitu dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin ke-III, konsesi melombong di kawasan tersebut telah diberi kepada Bandi Tin Mining Syndicate. Dalam tahun 1904, syarikat tersebut telah menjual konsesi tersebut kepada Syarikat Guthrie. Kemudian dalam tahun 1921 konsesi di kawasan tersebut telah diambil alih oleh Australian Mining Co. Ltd. Setelah beberapa kali lagi bertukar tangan, akhirnya konsesi melombong di kawasan tersebut jatuh ke tangan Teck Leong Mining Company. Konsesi Bt. Bandi ini mengandungi kawasan kecil seperti Sg. Bandi, Sg. Chenek, Sg. Tikus, Sg. Mengkuang dan Sg. Paluh Jenang. Lihat ARCLMTr. 1937, No. Fail, I.M., 74/38 dan ARCLMTr., 1948, No. Fail, I.M., 225/48.

oleh Freda Tin Mining Company.¹⁷ Mulai tahun 1920 pula, Kajang (Kemaman) Mining Company Ltd. telah menguasai kegiatan perlombongan di kawasan Kajang, Kemaman.¹⁸ Sementara itu mulai tahun 1918 hak untuk melombong di kawasan perlombongan Tebak telah dimiliki oleh Tebak Tin Field Ltd.¹⁹ Selain dari itu terdapat juga kawasan lain yang kurang penting di mana terdapat usaha melombong bijih timah ini. Kawasan tersebut terletak di daerah Dungun, khususnya di mukim Jengai dan Ulu Paka.²⁰

Kebanyakan syarikat perlombongan yang menjalankan usaha melombong bijih timah di Trengganu adalah syarikat kepunyaan orang Cina. Kebanyakan daripada syarikat itu yang mempunyai modal tidak lebih dari \$500,000.00, bukanlah merupakan syarikat yang besar berbanding dengan syarikat perlombongan orang Eropah yang menjalankan perusahaan melombong di kebanyakan negeri di pantai barat Tanah Melayu. Oleh itu kebanyakan syarikat yang menjalankan kegiatan perlombongan di negeri Trengganu tidak menggunakan alat-alat yang mahal seperti kapal korek yang berharga tidak kurang \$10 juta sebuah itu. Cara melombong yang biasa digunakan dalam perusahaan melombong bijih timah di Trengganu ialah dengan menggunakan pam kelikir (gravel pump), lombong terbuka, bomba palong, lombong bawah tanah dan melampan. Cara yang digunakan itu memang sesuai dengan keadaan tanah dan

¹⁷ Perusahaan melombong bijih timah di kawasan ini yang meliputi kawasan seluas 15,000 ekar dimulakan dalam tahun 1876 di bawah tadbiran Freda Tin Mining Company. Dalam tahun 1936, syarikat tersebut telah menjual konsesi melombong bagi kawasan tersebut kepada seorang pengusaha Lui Ah Hon. Kawasan konsesi ini meliputi Sg. Jeram Tujuh, Sg. Gaharu, Sg. Ayam dan Bt. Ayam. Lihat, "Mines Annual Census," 1938, dalam, *CLMTr.* No. Fail, 193/38, Arkib Negara Malaysia.

¹⁸ Kegiatan melombong di kawasan Kajang telah dimulakan dalam tahun 1916 di bawah pengurusan Syndicate of Trengganu-Malaya. Dalam tahun 1920, Sindiket tersebut telah menjualkan lombong bijih timah di kawasan tersebut kepada Kajang (Kemaman) Tin Mining Ltd. Lombong bijih timah Kajang ini merupakan satu-satunya lombong yang diurus dan dimodali oleh orang Melayu dalam daerah Kemaman dan merupakan salah satu lombong bijih yang terbesar di negeri Trengganu, diusahakan hingga sekarang. Lihat *ARCLMTr.*, 1948, No. Fail, I.M., 225/48.

¹⁹ Kegiatan melombong bijih timah di kawasan Tebak ini bermula dalam tahun 1916 di bawah pengurusan Kemaman Mining Company Ltd. Dalam tahun 1918 syarikat tersebut telah menjualkan hak miliknya kepada Tebak Tin Field Ltd. Konsesi kawasan Tebak ini adalah seluas 2,980 ekar. *Ibid.*

²⁰ Fail *CLMTr.*, No., 153/1937, Arkib Negara Malaysia.

kawasan perlombongan di negeri itu di mana kebanyakan kawasan perlombongan itu terletak di kawasan yang berbukit-bukit dan jauh di pedalaman.

Data pengeluaran bijih timah bagi seluruh negeri Trengganu, terutama sebelum Perang Dunia Kedua tidak mempunyai rekod yang lengkap. Walau bagaimanapun sebahagian besar dari data pengeluaran bagi empat kawasan utama iaitu kawasan Tebak, Bandi, Kajang dan Sungai Ayam di negeri Trengganu ini ada direkodkan. Pengeluaran bagi kawasan tersebut dapat dilihat dari jadual IV(b) di bawah ini.

JADUAL IV(b)
Pengeluaran* Bijih Timah Dari Empat Kawasan
Terbesar di Negeri Trengganu, 1916-1941.
(Pengeluaran Dalam Pikul)

Tahun	Kawasan				Jumlah Seluruh Negeri	Nilai (\$)
	Bandi	Tebak	Sg. Ayam	Kajang		
1916	3,015	1,110	700	1,896	7,669	478,500.00
1917	3,151	1,080	617	2,533	6,944	467,440.00
1918	2,879	1,336	1,257	2,177	9,788	905,920.00
1919	2,816	1,115	800	1,600	8,117	828,966.00
1920	2,692	1,308	1,169	2,646	10,580	815,683.00
1921	2,947	692	1,000	615	6,711	346,101.00
1922	4,485	945	700	1,050	7,240	356,167.00
1923	3,425	690	730	1,500	7,955	482,172.00
1924	5,743	1,027	1,017	938	9,701	739,111.00
1927	14,797	568	463	2,820	19,572	2,819,524.00
1937	2,657	756	?	3,754	9,566	863,720.00
1938	1,751	587	?	2,722	7,587	474,135.00
1939	2,494	708	?	3,840	10,470	851,506.00
1940	1,845	493	?	2,253	9,391	846,058.00
1941	4,590	254	?	2,289	10,655	1,014,362.00

(*) Hanya pengeluaran yang ada direkodkan pada satu-satu tahun dari sebahagian besar daripada kesemua empat kawasan tersebut sahaja dinyatakan dalam jadual.

(?) Ruangan yang menunjukkan tiada rekod rercatat tentang pengeluarannya.

Perusahaan melombong bijih besi adalah merupakan perusahaan yang kedua pentingnya selepas bijih timah, khususnya sebelum tahun 1930. Tetapi selepas tahun tersebut kegiatan melombong bijih besi menjadi semakin penting dan akhirnya dalam tahun-tahun 1950-an dan awal 1960-an ia telah menyumbang hasil pendapatan yang besar dalam ekonomi negeri Trengganu. Dua buah kawasan perlombongan bijih besi yang utama di Trengganu ialah kawasan Bukit Besi di daerah Dungun dan kawasan Machang Setahun di daerah Kemaman.

Kawasan perlombongan bijih besi seluas 408 ekar di Machang Setahun mula diusahakan dalam tahun 1923 oleh Syarikat Ishihara Sangyo Koshi Ltd.²¹ Kawasan perlombongan tersebut meliputi lima buah bukit yang tiap-tiap satu diberi nama dalam bahasa Jepun, iaitu Mishi Yama, Kita Yama, Haruma Yama dan Moto Yama.²² Semasa penduduk Jepun di Tanah Melayu, kegiatan melombong besi di kawasan Machang Setahun ini terus diusahakan hingga ke tahun 1944. Kegiatan tersebut terpaksa dihentikan apabila perhubungan di antara Jepun dan Tanah Melayu semakin sukar. Selepas Perang Dunia Kedua, lombong bijih besi di kawasan itu terpaksa ditutup akibat kehabisan simpanannya.²³

Di daerah Dungun pula usaha pertama dalam mencari gali untuk menentukan kawasan bijih besi telah dijalankan dalam tahun 1916 oleh sebuah syarikat Jepun iaitu Syarikat Kuhara Mining Ltd. atau lebih dikenali dengan nama Nippon Mining Company (NMC).²⁴ Dalam tahun 1920, Kerajaan negeri Trengganu dengan rasminya telah mengeluarkan 'Mining Lease' selama lima puluh

²¹"Report on the Japanese Iron and Mangenese Ore Mines" dalam *CLMTr.*, di 1935, ANM, h. 1-2. Syarikat ini merupakan syarikat yang terbesar di Tanah Melayu di masa itu, yang mengkhususkan kegiatan dalam bidang bijih besi dan mangganum di Tanah Melayu.

²²Ibid. Kegiatan perlombongan bijih besi di negeri Trengganu adalah berkait rapat dengan bidang perindustrian, khususnya industri keluli (steel) di negeri Jepun, selepas tamat Perang Dunia Pertama dalam tahun 1918. Lihat Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, h. 328.

²³"Report on the Japanese Iron and Mangenese Ore Mines" dalam Fail *CLMTr.*, 1935, ANM, h. 1-2.

²⁴ARCLMTr., dalam No. Fail, I.M., 225/48, PTGTr., Kuala Trengganu. NMC ditubuhkan di negeri Jepun dalam tahun 1910-an. Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada orang Jepun sendiri. Ibid.

tahun kepada pihak NMC. Kerajaan Trengganu juga bersetuju untuk memajakkan tanah seluas 1,080 ekar di Bukit Besi kepada NMC untuk tujuan perlombongan. Sementara itu perjanjian juga telah dibuat oleh pihak NMC Bukit Besi dengan Syarikat Yahata Smelting Works di negeri Jepun, di mana NMC bersetuju mengeksport lima juta tan (tons) bijih besi dalam masa dua puluh tahun kepada syarikat tersebut.²⁵

Dalam tahun 1930, pengeluaran pertama bijih besi sebanyak 28,898 tan dari lombong Bukit Besi telah dihasilkan. Semenjak itu, pengeluaran bijih besi dari lombong tersebut bertambah pesat. Dalam masa empat belas tahun, iaitu dari tahun pertama pengeluaran hingga Perang Dunia Kedua meletus, kira-kira 7,187,702 tan bijih besi telah dihasilkan dari lombong tersebut.²⁶ Sehingga Perang Dunia Kedua lebih separuh dari jumlah import bijih besi Jepun datangnya dari lombong di Bukit Besi.²⁷ Pengeluaran bijih besi dari lombong Bukit Besi dan juga Machang Setahun di Kemaman dalam jangka waktu empat belas tahun itu adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual IV(c) di bawah ini.

Dalam masa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, NMC telah diarahkan untuk meneruskan kegiatan melombong bijih besi di Bukit Besi. Ini disebabkan adanya permintaan bagi bahan galian tersebut dari negeri Jepun sendiri terhadap bahan tersebut untuk membuat senjata.²⁸ Selepas Perang Dunia Kedua, khususnya di antara tahun 1945 hingga 1947, lombong bijih tersebut yang dikategorikan oleh pihak berkuasa British sebagai harta musuh telah diambil-alih oleh Kerajaan British dan ditadbir di bawah kawalan sebuah badan pentadbir iaitu Penjaga Harta Musuh (Custodian of Enemy Property). Dalam jangka masa tersebut usaha melombong tidak dapat dijalankan disebabkan tidak ada permintaan bijih besi, terutama dari negeri Jepun, kerana Jepun baru sahaja mengalami kekalahan teruk dalam Perang Dunia Kedua.²⁹

²⁵ *Ibid.*

²⁶ ARCLMTr., 1948, h. 14, PTGTr., Kuala Trengganu.

²⁷ G.C. Ellen, *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*, George Allen & Unwin Ltd., London, 1962, h. 165.

²⁸ ARCLMTr., 1948, h. 14, PTGTr., Kuala Trengganu.

²⁹ *Ibid.*

JADUAL IV(c)
Pengeluaran Bijih Besi Dari Lombok
Bukit Besi dan Machang Setahun, 1930-1942
(Dalam Kiraan tan)

Tahun	Kawasan	
	Bukit Besi	Machang Setahun
1928	—	25,938
1929	—	55,692
1930	28,898	65,722
1931	189,568	58,557
1932	205,908	43,417
1933	364,928	69,533
1934	434,678	152,836
1935	693,149	125,554
1936	910,936	153,525
1937	886,770	101,052
1938	985,850	98,546
1939	954,680	161,052
1940	521,043	151,115
1941	90,660	159,252
1942	30,718	—

Sumber: *ARCLMTr.*, 1948, h. 14.

Dari perbincangan setakat ini, nyatakan iaitu sebelum tercetusnya darurat di negeri Trengganu pada tahun 1948, Trengganu merupakan sebuah negeri yang paling produktif dalam perusahaan dan kegiatan perlombongan berbanding dengan Negeri-negeri lain di Pantai Timur Tanah Melayu. Trengganu juga adalah pengeluar utama galian bijih besi dan wolfram bagi Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Kegiatan Perlombongan Pada Peringkat Awal Darurat

Sehingga awal tahun 1948, bahan galian yang masih lagi dihasilkan ialah bijih timah. Perusahaan melombong bijih timah itu hampir keseluruhannya diusahakan di daerah Kemaman. Sementara itu kegiatan melombong bijih besi hanya dimulakan kembali dalam tahun 1950. Mulai tahun 1950, pengeluaran bijih besi dan bijih timah



MALAYSIA BARAT: TABURAN KAWASAN LOMBONG BIJIH BESI PADA TAHUN 1959

merupakan hasil galian yang utama di negeri Trengganu. Keseluruhan pengeluaran bijih besi itu datang dari lombong Bukit Besi. Di samping itu wolfram juga dihasilkan tetapi kadar pengeluarannya yang sangat rendah. Sejak tahun 1948, hampir keseluruhan pengeluaran wolfram di negeri Trengganu adalah diusahakan di lombong Machang Setahun di daerah Kemaman.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab I, salah satu daripada strategi penting komunis untuk mencapai matlamat perjuangannya ialah dengan melancarkan gerakan untuk melemahkan ekonomi Tanah Melayu. Salah satu kegiatan penting komunis dalam strategi mereka itu ialah mengancam dan menyerang kawasan perlombongan.

Pada keseluruhannya, kekacauan dan serangan yang dilakukan oleh pengganas komunis ke atas kawasan perlombongan di Tanah Melayu tidak memberi kesan yang hebat sehingga menjas penyaluan bahan galian, sebagaimana yang dilaporkan:

"Subsequent to June 1948, a number of attacks have been made on mines and some damages has been done, but little effect has been made on production."³⁰

Di negeri Trengganu sendiri, serangan ke atas kawasan perlombongan, terutama di peringkat awal darurat tidaklah begitu ketara dan berkesan ke atas pengeluaran galian bijih timah dan bijih besi. Serangan dan kekacauan pengganas komunis ke atas kawasan perlombongan hanya berlaku di kawasan selatan Trengganu, terutamanya di kawasan perlombongan di Ulu Kemaman. Serangan yang dilakukan oleh pengganas komunis itu lebih banyak ditumpukan ke atas '*mining personnel*', terutama terhadap pegawai pentadbir lombong atau pengurus dan juga ke atas jentera atau mesin yang digunakan dalam kegiatan melombong.

Pada akhir tahun 1948, pengganas komunis telah melancarkan beberapa serangan ke atas kawasan perlombongan Kajang dan Bandi di Ulu Kemaman. Dalam serangan tersebut pengganas komunis telah berjaya membunuh seorang Pengurus Melayu dari Kajang (Kemaman) Tin Mining Ltd. Di samping itu mereka juga telah merosakkan sebuah engin disel yang mempunyai kuasa 15

³⁰ Annual Report on the Mining Industry (ARMI), for the Year 1948, Mines Department, Federation of Malaya, h. 1.

H.P.³¹ Serangan pengganas komunis ke atas kawasan perlombongan Bukit Bandi telah mengakibatkan beberapa batang pam kelikir (gravel pump) musnah. Serangan itu telah menimbulkan ketakutan di kalangan beberapa orang pegawai pengawas (supervisors). Mereka takut untuk mengawasi alat-alat perlombongan, sehingga pada satu ketika berlaku banjir yang menenggelamkan beberapa batang pam kelikir tanpa usaha untuk menyelamatkannya. Pada akhir tahun 1949, pengganas komunis sekali lagi membuat percubaan untuk memusnahkan alat-alat perlombongan di Bukit Besi. Dalam percubaan kali ini mereka tidak berjaya, kerana pihak syarikat yang menguasai perlombongan di Bukit Besi di waktu itu, iaitu Eastern Mining and Metal Company Ltd. (EMMCO), telah pun mengambil langkah keselamatan dengan memasang lampu-lampu yang terang pada waktu malam dan membina pagar-pagar elektrik di sekitar kawasan penting seperti bilik generator elektrik, dan stor menyimpan jentera dan mesin perlombongan.³²

Dengan serangan pengganas komunis ke atas kawasan perlombongan Kajang, maka bilangan anggota keselamatan, terutama dari pasukan SC yang ditempatkan di kawasan itu terpaksa ditambah.³³ Pagar kawat duri juga telah dibuat di sekeliling kawasan dan bangunan penting seperti stor alat-alat dan mesin perlombongan, tempat tinggal pekerja dan tempat simpanan bijih timah. Bilangan anggota SC yang mengawal kawasan perlombongan Bandi dan Bukit Besi juga ditambah.

Walaupun bilangan anggota SC itu kecil, tetapi semangat perjuangan yang diperlihatkan oleh mereka untuk mempertahankan kawasan perlombongan itu dari ancaman komunis, membolehkan usaha melombong di kawasan itu diteruskan dengan giatnya:

"Consequently at the end of the year (1948) the only mines that would be said in active operations were Bukit Besi (Eastern Mining Metal Company Ltd.), Kajang (Kajang Kemaman (1925) Mining Ltd.) and Bundi, all of which had protection."³⁴

³¹"Short Statistical Summary-Monthly Report, January to December, 1949", dalam *CLMTr*, No. Fail. 50/1948, Pejabat PTGTr., Kuala Trengganu.

³²*Ibid.*

³³Penambahan bilangan anggota SC untuk berkawal di kawasan perlombongan ini dapat diadakan berikutkan dengan pengambilan lebih ramai lagi anggota SC pada akhir tahun 1948. Lihat Bab 2.

³⁴*ARST*, 1948, h. 18.

Di kawasan perlombongan yang lebih kecil, khususnya di Sungai Ayam dan Chenderong, kegiatan melombong berjalan dengan perlahan.³⁵ Pernah untuk beberapa hari dalam satu minggu itu, pengurus-pengurus lombong di kawasan itu menghentikan kerja melombong, disebabkan ancaman komunis dan keadaan yang tidak selamat bagi pekerja-pekerjanya, khususnya pada akhir tahun 1948, apabila anggota-anggota keselamatan belum lagi ditempatkan untuk mengawal kawasan itu. Keadaan seperti ini dan ketiadaan anggota pasukan keselamatan yang mengawal di kawasan perlombongan itu menyusahkan pihak pengurus syarikat perlombongan di kedua kawasan tersebut. Dalam bulan Oktober, 1950, Pengurus Sungai Ayam Tin Mining Ltd. telah meminta bantuan mendapatkan beberapa orang anggota SC. Alasan yang dinyatakan dalam suratnya kepada Pejabat Galian Kemaman adalah seperti berikut:

"Owing to security reasons, I find it hard to get labourers to stay up in the mines unless I have SC stationed up at the mines.... Some labourers left us recently because of no security protection".³⁶

Dengan ini pada akhir tahun 1950, anggota SC telah ditempatkan di kawasan perlombongan Sungai Ayam. Pada masa yang sama kawalan keselamatan juga diperluaskan ke kawasan perlombongan Chenderong.

Walau bagaimanapun di kawasan yang lebih kecil lagi di Ulu Dungun, terutama di Sg. Damar, Sg. Selising, Jengal, Chemuak, Sg. Merpoh dan Ulu Paka, kerja melombong di kawasan tersebut terpaksa dihentikan untuk beberapa bulan sejak awal tahun 1949.³⁷ Ini disebabkan kawasan tersebut hanya menjalankan kerja melombong secara kecil-kecilan dan melibatkan beberapa orang pekerja sahaja. Tambahan pula kawasan itu letaknya berselerak di kawasan pedalaman Ulu Dungun. Dengan ini tidaklah wajar untuk dihantar bantuan keselamatan khususnya anggota SC yang terhad bilangannya untuk mengawal keselamatan di situ.

Penempatan anggota SC untuk mengawal sebahagian besar kawasan perlombongan itu dan tentangan yang diberi oleh mereka terhadap serangan dan gangguan dari pengganas komunis itu, telah

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *CLMTr.*, No. Fail, 50/1948.

³⁷ *Ibid.*

melemahkan semangat komunis untuk membuat serangan lanjut ke atas kawasan perlombongan itu. Keadaan ini membolehkan usaha melombong di kawasan itu diteruskan. Dalam bulan Februari, 1949, alat-alat dan jentera lombong yang telah dirosakkan oleh penganas komunis di kawasan perlombongan Kajang dan Bandi telah dibaiki.³⁸ Selepas pertengahan tahun 1949, kegiatan melombong di kawasan itu telah dapat diteruskan tanpa apa-apa gangguan yang ketara oleh penganas komunis. Penubuhan unit pasukan 'Home Guard' dalam tahun 1952 dengan tugas dan peranan yang dimainkan oleh anggota-anggotanya membolehkan kerja melombong diteruskan tanpa sebarang gangguan dan ancaman dari penganas komunis.

Walaupun begitu, usaha mencari gali dan menentukan kawasan perlombongan di negeri Trengganu di peringkat awal darurat terutama dari tahun 1948 hingga 1952, selalu terhalang. Mulai bulan Oktober, 1948, pendaftaran bagi pengusaha atau syarikat-syarikat perlombongan untuk memohon surat kebenaran bagi menjalankan usaha cari gali bijih di negeri Trengganu telah ditutup oleh Pesuruhjaya Tanah dan Galian Trengganu.³⁹ Kerajaan tidak lagi menggalakkan usaha tersebut dijalankan memandangkan kawasan hutan pedalaman di mana usaha tersebut hendak dijalankan sangat terdedah kepada ancaman penganas komunis. Pihak PTG hanya dapat menimbangkan 46 permohonan yang diterima sebelum tarikh penutupan pendaftaran tersebut pada bulan Oktober, 1948 itu. Dari jumlah tersebut hanya 18 permohonan sahaja yang diluluskan untuk menjalankan usaha cari gali bijih.⁴⁰ Permohonan yang diluluskan itu adalah permohonan yang diminta untuk mencari gali bijih di kawasan yang berhampiran dengan kawasan perlombongan yang telah sedia wujud. Pihak PTG merasakan permohonan tersebut perlu diluluskan untuk menyelaraskan kegiatan perlombongan kemajuan dalam usaha melombong di kawasan perlombongan yang terlibat itu terjamin.⁴¹ Walau bagaimanapun sekatan ke atas usaha cari gali bijih yang dikenakan untuk beberapa tahun itu, tidak menghalang kerja-kerja melombong dan tidak memberi kesan yang

³⁸ *Ibid.*

³⁹ ARST, 1948, h. 18.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

ketara ke atas pengeluaran bijih timah di Trengganu dalam masa darurat itu.

Perlombongan Bijih Timah 1948-1960

Sebagaimana yang telah disebutkan, keganasan komunis di beberapa kawasan perlombongan, terutama di daerah Kemaman memang tidak memberi kesan ketara ke atas kegiatan melombong di kawasan itu. Tiga buah kawasan lombong bijih timah yang terbesar di Trengganu masih meneruskan kegiatan melombong sehingga tercetusnya darurat pada tahun 1948. Kawasan itu ialah kawasan perlombongan Bukit Bandi yang diusahakan oleh Teck Leong Mining Co. Ltd., Kawasan perlombongan Kajang di bawah pengurusan Kajang (Kemaman) Mining Ltd. dan kawasan perlombongan Sungai Ayam yang telah dibahagi kepada beberapa buah kawasan di bawah pengurusan beberapa buah syarikat perlombongan. Di antara syarikat tersebut, hanya sebuah sahaja syarikat iaitu Sungai Ayam Tin Mining Co. Ltd. yang mengusahakan sebahagian besar kawasan perlombongan Sungai Ayam. Di samping itu terdapat pengusaha kecil di kawasan itu, iaitu Merpoh Tin Mining Ltd. yang menguasai kawasan perlombongan kecil Merpoh dan pengusaha Lim Chiap Boon yang menguasai kawasan perlombongan kecil Jeram Tujuh.⁴²

Dalam bulan September, 1951 usaha melombong bijih timah di kawasan Sungai Ayam telah dihentikan berikutan dengan penutupan lombong tersebut kerana kehabisan simpanannya.⁴³ Dalam tahun 1956 pula, lombong bijih timah di kawasan Bukit Bandi yang diusahakan oleh Teck Leong Mining Co. Ltd. itu juga terpaksa ditutup atas sebab yang sama.

Selepas tahun 1952 beberapa buah lombong bijih timah yang baharu telah dibuka dan diusahakan di beberapa kawasan di Ulu Kemaman. Dalam tahun 1953, kerja melombong bijih timah telah dimulakan di kawasan Machang Setahun oleh Southern Mining Co. Ltd. Dalam tahun 1955 pula seorang saudagar Cina tempatan iaitu Tan Teck Siew telah membuka dan mengusahakan lombong bijih timah di kawasan Pelantoh di Ulu Kemaman.⁴⁴ Dalam tahun 1957,

⁴² CLMTr., No. Fail, 50/1948.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ibid.

pengurus lombong bijih timah di kawasan Machang Setahun telah diambil alih oleh Chong Yong Mining Co. Ltd. Di kawasan perlombongan bijih timah Pelantoh pula Syarikat Tong Meng Kongsi telah mengambil-alih pengurusan perlombongan dari pengusahaanya, Tan Teck Siew.

Selain dari itu, beberapa kawasan perlombongan yang lebih kecil juga terdapat di daerah Dungun, Ulu Trengganu dan Ulu Besut. Kegiatan melombong di kawasan itu diusahakan oleh syarikat-syarikat kecil dan pengusaha individu. Di daerah Dungun, kawasan yang terlibat ialah Jengal, Sg. Darong, Sg. Selising, Chemuak, Jenai, Sg. Damar dan Ulu Paka. Di Ulu Trengganu pula kawasannya ialah di Tersat manakala di Ulu Besut pula ialah di Pasir Akar. Walau bagaimanapun kerja melombong bijih timah yang dijalankan di kawasan itu dijalankan secara kecil-kecilan dan pengeluarannya tidaklah tetap. Pengeluaran purata dari kesemua kawasan perlombongan di atas tidak melebihi dari 100 pikul setahun.⁴⁵

Cara melombong bijih timah banyak menggunakan pam kelikir dan melampan. Di kawasan perlombongan yang besar, khususnya kawasan perlombongan Kajang, Bukit Bandi, Sungai Ayam dan Machang Setahun, pam kelikir ada digunakan. Bagi kawasan perlombongan yang kecil di Ulu Dungun, Ulu Trengganu dan Ulu Besut, cara melampan telah digunakan dalam usaha melombong bijih timah.⁴⁶

Lebih 90 peratus daripada jumlah pengeluaran bijih timah di Trengganu dalam jangka masa 1948-1958 dihasilkan dari kawasan perlombongan di daerah Kemaman. Data pengeluaran ini dapat dilihat dalam Jadual IV(d) di bawah ini.

Sebelum tahun 1953, tiga buah kawasan penting bijih timah yang mengeluarkan hasil yang besar ialah kawasan perlombongan Kajang, Bandi dan Sungai Ayam. Tetapi selepas tahun 1955 iaitu selepas penutupan lombong bijih timah di Sungai Ayam dan Bukit Bandi, didapati selain daripada lombong bijih timah di Kajang, lombong bijih timah yang baharu di Machang Setahun dan Pelantoh adalah merupakan kawasan utama yang menghasilkan bijih timah yang terbesar di negeri Trengganu hingga ke tahun 1958.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.* Lihat juga *ARST*, 1948, h. 18.

JADUAL IV (d)
Pengeluaran Bijih Timah Dari Negeri Trengganu
Perbandingan Pengeluaran Dari Daerah
Kemaman Dengan Lain-lain Daerah.*
(Dalam Kiraan Pikul)

Tahun	Daerah Kemaman			Lain-lain Daerah	Jumlah Pengeluaran
	Kajang	Bandi	Sg. Ayam		
1949	2,572.7	4,758.6	117.5	92.6	7,541.4
1950	2,672.0	4,020.9	980.0	28.5	7,701.4
1951	2,085.9	2,485.6	51.6	36.2	4,659.3
1952	T.P.	432.2	L.T.	11.6	443.8

Tahun	Daerah Kemaman			Lain-lain Daerah	Jumlah Pengeluaran
	Kajang	Bandi	Machang Setahun		
1953	T.P.	T.P.	278.17	T.P.	278.17
1954	T.P.	T.P.	1,024.68	1.5	1,025.2
1955	709.1	98.7	358.53	T.P.	1,166.3

Tahun	Daerah Kemaman				Lain-lain Daerah	Jumlah Pengeluaran
	Kajang	Bandi	Machang Setahun	Pelantoh		
1956	3,712.3	22.5	161.8	230.5	T.P.	4,127.0
1957	2,089.3	L.T.	63.8	190.0	477.4	2,760.5
1958	1,680.0	L.T.	50.7	T.P.	13.2	1,744.0

T.P. = Tiada Pengeluaran.

L.T. = Lombong Ditutup.

*Sumber: "Statistical Summary". CLMTr., No. Fail, 50/1948, Pejabat PTGTr., Kuala Trengganu.

Merujuk kepada jadual IV(d) itu, nyatalah pengeluaran bijih timah semakin merosot dari tahun ke tahun. Dengan penutupan lombong bijih di kawasan Sungai Ayam dalam tahun 1952 itu, pengeluaran bijih timah bagi tahun tersebut dan tahun berikutnya semakin merosot. Keadaan ini semakin ketara apabila dalam tahun 1952 hingga ke tahun 1954, lombong bijih timah di Kajang tidak mengeluarkan hasil dan terpaksa ditutup buat sementara, sehingga kerja-kerja cari gali di kawasan itu dapat membuka lombong bijih timah yang baharu dalam tahun 1955.⁴⁷ Walau bagaimanapun dengan bermulanya usaha melombong bijih timah di Machang Setahun dalam tahun 1953 dan di Pelantoh dalam tahun 1955, maka pengeluaran bijih timah mulai meningkat. Walaupun begitu pengeluaran bijih timah bagi seluruh negeri Trengganu terutama selepas tahun 1953 tidak dapat menandingi pengeluarannya sebelum tahun 1952 dan juga sebelum Perang Dunia Kedua dahulu.⁴⁸

Kemerosotan pengeluaran bijih timah bagi negeri Trengganu mulai tahun 1951 itu membuktikan perusahaan melombong bijih timah di Trengganu telah mengalami zaman kemerosotannya. Ini tidaklah menghairankan kerana bijih timah, sebagaimana bahan galian lain yang terdapat di dalam perut bumi adalah merupakan bahan galian yang bercorak *wasted asset*. Penutupan lombong bijih timah di Pelantoh dan Machang Setahun dalam tahun 1960⁴⁹ dan gagalnya usaha cari gali bijih timah dalam tahun tersebut telah membawa kepada kemalapan perusahaan bijih timah di Trengganu selepas tahun 1960.

Walaupun begitu pengeluaran bijih timah di negeri Trengganu terutama pada masa harga pasaran bijih timah itu tinggi, tidak dapat diperkecikkan. Perang Korea yang meletus pada Jun 1950⁵⁰ itu telah membawa kepada permintaan yang tinggi terhadap getah dan bijih timah. Negara-negara seperti Amerika dan Russia berlumba-lumba untuk membeli bahan tersebut untuk kegunaan membuat alatan

⁴⁷ CLMTr., No. Fail, 50/1948.

⁴⁸ Untuk bandingan pengeluaran bijih timah sebelum Perang itu dan pengeluaran selepas tahun 1953, sila rujuk kepada Jadual IV(b) dan Jadual IV(d).

⁴⁹ CLMTr., No. Fail, 50/1948.

⁵⁰ R. Stubbs, "Counter-Insurgency and the Economic Factor, The Impact of the Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency", *Occasional Paper 19*, Institute of Southeast Asian Studies, h. 3.

perang dan sebagai bekalan simpanan (stockpile).⁵¹ Dalam Jadual IV(e) berikut ditunjukkan harga pasaran dunia bagi tiap-tiap pikul bijih timah dari tahun 1950 hingga 1956.

JADUAL IV(e)
Harga Bijih Timah Di Pasaran Dunia
1950-1956⁵²

Tahun	Pengeluaran Bijih Timah Untuk Setiap Pikul (M\$)
1950	365·42
1951	526·58
1952	480·08
1953	363·92
1954	353·59
1955	365·50
1956	387·09

Jadual di atas menunjukkan di antara tahun 1951 hingga tahun 1952, iaitu semasa Perang Korea berlaku, adalah merupakan tahun di mana harga bijih timah di pasaran dunia mencapai harga yang paling tinggi.⁵³ Meningkatnya harga bijih timah pada tahun itu juga telah membawa kepada peningkatan jumlah cukai eksport bagi pengeluaran bijih timah. Jadual IV(f) pula menunjukkan jumlah cukai eksport yang diperolehi dari jumlah pengeluaran bijih timah negeri Trengganu di antara tahun 1950 hingga 1956. Dari jadual tersebut didapati pungutan cukai eksport yang paling tinggi ialah di antara tahun 1950 dan 1951. Dalam tahun 1952, walaupun pengeluaran hanya berjumlah 443.8 pikul, tetapi pungutan cukai eksport berjumlah \$21,305.95. Dibandingkan dengan pengeluaran bijih timah dalam tahun 1954 yang berjumlah 1,026, iaitu hampir tiga kali ganda dari jumlah pengeluaran pada tahun 1952 itu, cukai eksport

⁵¹ *Ibid.*, h. 3-4.

⁵² *International Tin Study Group Statistical Year Book*, 1956, The Hague; Lihat juga Yit Yap Hong, *The Development of the Tin Industry of Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, h. 396.

⁵³ Menurut R. Stubbs, *Occasional Paper No. 19*, h. 9, 'harga melombong' di masa Perang Korea hanya berlaku dalam masa 3 tahun iaitu dari tahun 1950 hingga tahun 1952.

JADUAL IV(f)
Cukai Eksport Ke Atas Pengeluaran Bijih Timah
Dari Negeri Trengganu, 1950-1956.⁵⁴

Tahun	Pengeluaran Bijih Timah, (Pikul)	Cukai Eksport, (M\$)
1950	7,701.4	281,867.30
1951	4,659.9	245,349.40
1952	443.8	21,905.95
1953	278.2	10,123.15
1954	1,026.0	36,281.85
1955	1,166.3	42,628.25
1956	4,127.0	159,731.15

yang dapat dipungut dalam tahun 1954 itu hanya sebanyak \$36,281.85 itu. Dengan itu nyatakan sumbangan yang diberikan hasil dari pengeluaran bijih timah terutama pada masa harga bijih timah di pasaran dunia meningkat adalah besar ertiannya bagi pendapatan negara. Malah peningkatan harga bijih timah dan juga getah di pasaran dunia akibat Perang Korea itu dianggap sebagai salah satu faktor penting yang membawa kepada kekalahan PKM dalam perang gerilanya menentang Kerajaan British di Tanah Melayu pada masa darurat itu.⁵⁵ Ini disebabkan harga bijih timah dan getah yang melambung di pasaran dunia itu telah membawa kepada pertambahan jumlah pendapatan Negara. Keadaan ini membolehkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan yang lebih berkesan dalam usaha menentang komunis dan juga mengadakan perkhidmatan sosial yang lebih luas untuk rakyat.

Melombong Bijih Timah 1948-1960

Di antara tahun 1950 hingga tahun 1960, kawasan utama lombong bijih besi dibuka ialah di daerah Dungun, iaitu di Bukit Besi. Semenjak lombong bijih besi dibuka di Bukit Besi dalam tahun 1929 sehingga Perang Dunia Kedua tamat pada tahun 1945, pengurusan lombong bijih besi di situ dikelolakan oleh pihak NMC.

⁵⁴Sumber: *International Tin Study Group Statistical Year Book, 1956, The Hague; CLMTr. No. Fail, 50/1948.*

⁵⁵R. Stubbs, *Occasional Paper No. 19*, h. 2.

Setelah beberapa tahun, terutama di antara tahun 1946-1949 dalam pentadbiran 'Penjaga Harta Musuh', maka dalam tahun 1949, Kerajaan British telah mengambil keputusan menjualkan lombong Bukit Besi itu kepada sebuah kompeni Inggeris iaitu Eastern Mining and Metal Co. (EMMCO).⁵⁶

Kemajuan perusahaan melombong bijih besi di Tanah Melayu, khususnya di Bukit Besi mempunyai perkaitan rapat dengan kemajuan industri besi dan keluli di negeri Jepun.⁵⁷ Sejak awal tahun 1950, Jepun mulai pulih semula dari kesan Perang Dunia. Dengan itu industri-industrinya mulai berkembang semula. Ini membawa kepada pembukaan kilang keluli yang menambah permintaan terhadap bijih besi. Keadaan ini juga menjadi faktor pendorong bagi EMMCO untuk membuka dan mengusahakan lombong di Bukit Besi secara besar-besaran mulai awal tahun 1950.⁵⁸

Kegiatan melombong bijih besi di Bukit Besi oleh pihak EMMCO dijalankan secara lombong terbuka (open cast mining). Berbanding dengan kaedah melombong yang digunakan di tempat lain dalam negeri Trengganu ketika itu, maka kaedah melombong yang terdapat di Bukit Besi adalah yang termoden. Ini disebabkan pihak EMMCO telah memperkenalkan alatan yang serba moden seperti jentolak, jentera penceduk, jentera penggorek, jentera *tournerockers* dan sebagainya yang diimport dari Amerika dan Great Britain.⁵⁹ EMMCO dilaporkan menjadi sebuah syarikat yang terbesar pada waktu itu yang menjalankan usaha melombong bijih besi, di mana ia mempunyai harta tetap tidak kurang dari \$2.67 juta

⁵⁶EMMCO adalah sebuah syarikat perlombongan yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada awal tahun 1948. Hampir kesemua ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat ini adalah terdiri daripada orang-orang Inggeris yang tinggal di Britain. Dalam tahun 1963, ibu pejabat syarikat tersebut yang terletak di Kuala Lumpur itu telah dipindahkan ke Sura Kompleks, Dungun. Syarikat ini juga adalah pemilik kepada dua buah lagi lombong bijih besi Ulu Rompin Mining Co. di Pahang dan Tambun Mining Co. Ltd. di negeri Perak. Lihat Hairon Yassar, "Sejarah Perlombongan di Bukit Besi", Latihan Ilmiah Sarjana Muda UKM, Kuala Lumpur, 1975, h. 79-80.

⁵⁷Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, h. 328.

⁵⁸G.C. Allen, *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*, h. 166.

⁵⁹Di antara jenis-jenis alat moden yang terdapat dan digunakan dalam kegiatan melombong bijih besi di Bukit Besi itu adalah untuk alat jentolak terdapat 22 buah bulldozer jenis Catterpiller. Untuk unit penarik pula terdapat 60 buah jentera jenis Le Tourneau-Westinghouse dan untuk letusan lubang penggorek pula terdapat 5 buah jentera jenis Gardner-Denver dan 3 buah jenis Ingger Drill Master. Lihat Hairon Yassar, "Sejarah Perlombongan Bukit Besi, 1929-1970", h. 80-88.

dan peralatan melombong yang bernilai tidak kurang dari \$400,000.00.⁶⁰

Peralatan serba moden yang digunakan oleh EMMCO itu telah menambah hasil pengeluaran yang meningkat dalam kegiatan melombong bijih besi itu. Keadaan ini lebih jelas lagi jika dilihat dari segi pengeluaran tahunan bijih besi di antara tahun 1950 hingga ke tahun 1960 sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual IV(g).

Pengeluaran pertama bijih besi dari lombong Bukit Besi pada tahun 1950 berjumlah 498,530 tan. Jumlah pengeluaran ini memberi petanda yang baik dan potensi yang besar untuk lombong tersebut terus maju. Pengeluaran bijih besi terus meningkat dari tahun ke setahun (Lihat Jadual IV(g)). Jadual tersebut menunjukkan bahawa perusahaan melombong bijih besi di Bukit Besi telah mengalami perkembangan yang pesat selepas beberapa tahun ianya dibuka. Hasil pengeluaran tahunan di sepanjang tahun 1950 hingga tahun 1960 dapat dikatakan sebagai zaman keemasan dalam perusahaan melombong bijih besi di Bukit Besi itu. Pada akhir tahun 1950-an lombong tersebut merupakan pengeluar bijih besi yang utama di seluruh Tanah Melayu. Keadaan ini jelas dilihat dari pengeluaran bijih besi dari lombong-lombong yang terdapat di seluruh Tanah Melayu pada akhir tahun 1959. (Lihat Jadual IV(h)). Jadual tersebut menunjukkan hampir $\frac{3}{4}$ dari jumlah pengeluaran bijih besi di Tanah Melayu pada akhir tahun 1959 itu dikeluarkan oleh lombong bijih besi di Bukit Besi, Trengganu.

Memandangkan pesatnya kegiatan melombong bijih besi di Bukit Besi dalam jangka masa sepuluh tahun itu dengan jumlah pengeluaran yang begitu besar pada tiap-tiap tahun, maka tidaklah dapat dinafikan sumbangan bijih besi di Bukit Besi itu terhadap ekonomi negeri Trengganu sendiri. Hal ini lebih jelas lagi jika dilihat jumlah royalti yang dipungut oleh Kerajaan Trengganu pada tiap-tiap tahun dalam tahun 1950 hingga tahun 1960 itu. (Lihat Jadual IV(i)). Dari jadual tersebut, pada tiap-tiap tahun dalam jangka masa tahun 1950 hingga 1960 itu, pendapatan dari pengeluaran bijih besi yang berupa bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Trengganu adalah merupakan $\frac{1}{3}$ daripada jumlah pendapatan Negeri Trengga-

⁶⁰ Banci Perusahaan Perlombongan Malaysia 1969, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970, h. 76.

JADUAL IV(g)
**Pengeluaran Bijih Besi Dari Lombong Di Bukit Besi,
 1950-1960 (Dalam Kiraan Tan)⁶²**

Tahun	Pengeluaran
1950	498,530
1951	650,000
1952	820,000
1953	1,020,311
1954	1,016,936
1955	1,470,000
1956	1,935,888
1957	2,262,030
1958	1,637,966
1959	1,945,888
1960	2,610,362

nu tanpa mengira peruntukan dari Kerajaan Pusat itu. Malah dalam tahun 1956 umpamanya, lebih $\frac{1}{2}$ daripada jumlah pendapatan Negeri itu datangnya dari bayaran royalti yang diterima hasil dari pengeluaran bijih besi di Bukit Besi bagi tahun tersebut.

Dari kemajuan yang dicapai dalam perusahaan perlombongan di negeri Trengganu sebagaimana yang telah diperlihatkan, nyatalah kegiatan komunis untuk melemahkan kegiatan ekonomi perlombongan di negeri itu terutamanya di peringkat awal darurat itu telah gagal. Di sepanjang masa darurat kegiatan perlombongan berjalan terus walaupun adanya gangguan komunis yang tidak memberi kesan yang ketara.

Di sepanjang tahun 1948 hingga tahun 1960 itu, bahan-bahan galian bijih timah dan kemudiannya mulai tahun 1950 pula, bijih besi adalah merupakan bahan galian utama yang dihasilkan oleh negeri Trengganu. Walaupun begitu, jika dianalisa dari segi pengeluarannya, kegiatan melombong bijih timah dalam jangka masa tersebut nampaknya telah mengalami zaman kemerosotannya. Keadaan ini lebih nyata lagi sekiranya dibandingkan dengan pengeluaran bijih timah sebelum Perang Dunia Kedua. Sebaliknya perkembangan dan

⁶² CLMTr., No. Fail, 50/1948.

JADUAL IV(h)
PENGELUARAN BIJIH BESI DARI LOMBONG-LOMBONG
BIJIH BESI DI TANAH MELAYU - AKHIR
TAHUN 1959*

NEGERI	NAMA SYARIKAT DAN TEMPAT	PENGELUARAN (TONS)
Trengganu	EMMCO, Bukit Besi, Dungun	2,116,200
Perak	1. Malayan Mining Co., Ltd., Gunung Panjang, Ipoh.	25,108
	2. Malayan Mining Co. Ltd., Gunung Rapat, Ipoh.	49,820
	3. Malayan Mining Co. Ltd., Sulva Land, Ipoh.	108,132
	4. Ipoh Mining Co. Ltd., Ipoh.	130,363
	5. Tambun Mining Co. Ltd., Ipoh.	199,225
	6. Kinta Mining Co. Ltd., Gunung Bercham, Ipoh.	14,830
Johor	1. Malayan Miners Co. Ltd., Seri Medan, Batu Pahat.	335,446
	2. Kepong Mines Ltd., Bukit Kepong, Muar.	122,969
Kedah	1. Malayan Mineral Development, Corporation Ltd., Tupah.	42,493
	2. South Island Mining Kongsi, Semiling.	56,615
	3. Warren Mining Ltd., Semiling.	68,972
Kelantan	1. Oriental Mining Co., Temangan.	405,751
	Jumlah	3,763,704

*Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, DBP, Kuala Lumpur, 1968, h. 331.

kemajuan yang telah dicapai dalam kegiatan melombong bijih besi dalam jangka masa tersebut adalah jauh mengatasi perkembangan dan pengeluaran bijih besi di tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua.

Pada keseluruhannya sumbangan hasil perlombongan di negeri Trengganu terhadap ekonomi negeri itu di sepanjang tahun 1948 hingga tahun 1960 itu memang tidak dapat diperkecilkkan. Keadaan ini dapat dinilai dari sumbangan dari hasil perlombongan di negeri Trengganu terhadap jumlah Pendapatan Negeri Trengganu sendiri seperti ditunjukkan dalam Jadual IV(j) di bawah:

JADUAL IV(i)
Royalti Yang Dipungut Oleh Kerajaan Negeri Trengganu,
Hasil Dari Pengeluaran Bijih Besi
(1950-1960)*

Tahun	Royalti Dari Hasil Pengeluaran Bijih Besi. (M\$)	Jumlah Hasil Pendapatan Negeri-Tidak Termasuk Peruntukan Dari Kerajaan Pusat. (M\$)	Jumlah Hasil Pendapatan Negeri-Termasuk Peruntukan Dari Kerajaan Pusat. (M\$)
1950	348,798.00	1,493,281.00	4,238,274.00
1951	797,071.00	2,864,478.00	5,599,555.00
1952	1,952,846.00	3,849,096.00	7,428,942.00
1953	1,246,484.00	3,411,708.00	8,603,075.00
1954	1,699,143.00	3,978,912.00	8,908,529.00
1955	2,744,300.00	5,451,823.00	8,844,769.00
1956	3,134,336.00	6,090,006.00	12,407,926.00
1957	4,034,356.00	7,011,476.00	13,638,086.00
1958	3,656,893.00	6,685,807.00	10,334,707.00
1959	4,144,684.00	7,237,848.00	10,780,823.00
1960	2,300,000.00	8,181,509.00	11,774,731.00

*Sumber: *State of Trengganu, Estimates of the Revenue and Expenditure for the Year, 1950, 1951, 1952, 1953, 1954, 1955, 1956, 1957, 1958, 1959, 1960*, Printed at the Government Press, Kuala Trengganu.

JADUAL IV(j)

**Sumbangan Hasil Pendapatan Dari Kegiatan Perlombongan
Di Negeri Trengganu Kepada Jumlah Hasil
Pendapatan Negeri Trengganu, 1950-1960.***

Tahun	(A) Sewaan Kawasan Perlombongan & Premia Bagi Lease Mclombong. (M\$)	(B) Royalti Dari Hasil Pengeluaran Bijih Besi. (M\$)	(C) Hasil Pendapatan Dari Kegiatan Per- lombongan, (A) + (B). (.1\$)	(D) Jumlah Hasil Pendapatan Negeri. (M\$)
1950	45,471.65	348,798.00	394,269.65	1,493,281.00
1951	10,083.00	797,071.00	1,073,154.40	2,864,478.00
1952	7,778.00	1,952,846.00	1,960,624.00	3,849,096.00
1953	39,605.00	1,246,484.00	1,286,089.00	3,411,709.00
1954	11,802.50	1,699,143.00	1,710,946.00	3,978,912.00
1955	15,505.00	2,744,300.00	2,769,805.00	5,451,823.00
1956	8,430.00	3,134,336.00	3,142,766.00	6,090,006.00
1957	22,193.00	4,034,356.00	4,056,543.00	7,011,476.00
1958	24,377.00	3,656,893.00	3,681,270.00	6,685,807.00
1959	24,655.00	4,144,684.00	4,169,339.00	7,237,848.00
1960	14,449.00	2,300,000.00	2,314,449.00	8,181,509.00

*Sumber: *State of Trengganu, Estimates of the Revenue and Expenditure for the Year, 1950, 1951, 1952, 1953, 1954, 1955, 1956, 1957, 1958, 1959, 1960.* Printed at the Government Press, Kuala Trengganu. Ruangan (D) dalam jadual di atas adalah Jumlah Hasil Pendapatan Negeri dari semua sumber, tidak termasuk Peruntukan Kerajaan Pusat.

BAB 5

PENANAMAN PADI DAN PEKEBUN KECIL GETAH 1948 - 1960

Keganasan komunis di negeri Trengganu, terutama pada permauan darurat juga merupakan ancaman terhadap kegiatan dalam beberapa bidang pertanian yang utama, terutamanya penanaman sawah padi dan padi huma serta penanaman getah di kalangan pekebun kecil. Bab ini akan membincangkan tentang kegiatan pertanian tersebut, untuk melihat apakah ancaman komunis itu mempengaruhi dan memberi kesan ke atas bidang tersebut.

Penanaman Padi

Di Trengganu, kegiatan penanaman padi adalah merupakan salah satu daripada kegiatan pertanian yang utama, selain daripada penanaman getah dan kelapa.¹ Di sepanjang tahun 1948 hingga tahun 1960, penanaman padi di Trengganu masih merupakan kegiatan pertanian yang utama di negeri tersebut. Ada dua jenis padi yang giat ditanam oleh penduduk di Trengganu, iaitu pada sawah dan padi huma. Dalam masa darurat, kegiatan komunis di negeri Trengganu tidaklah memberi sebarang kesan ke atas kegiatan penanaman padi sawah. Ini adalah kerana hampir kesemua kawasan utama tanaman padi sawah itu terletak di kawasan yang bebas dari serangan ganas komunis. Bagi kegiatan padi huma, adanya keganasan komunis di beberapa kawasan utama tanaman padi itu, telah memberi kesan ke atas pengeluaran padi terutama pada peringkat awal darurat.

¹ Annual Report for the State of Trengganu (ARST), 1948, Printed at the Trengganu Government Press, Kuala Trengganu, h. 11.

Padi Huma

Ada tiga jenis padi huma yang umumnya diusahakan oleh penduduk di Trengganu iaitu padi huma yang diusahakan secara pindah-randah di kawasan tanah tinggi seperti di lereng-lereng bukit; keduanya ialah padi tugal dan yang ketiganya ialah padi taburan.

Kawasan utama tanaman padi huma ialah di daerah Kemaman, khususnya di Air Putih, Pasir Semut, Binjai, Ulu Chukai dan Pasir Gajah.² Kawasan ini adalah merupakan lingkungan kawasan yang menjadi sasaran komunis dalam melancarkan serangan ganas mereka. Selain dari itu beberapa kawasan di daerah Besut dan Ulu Trengganu juga merupakan kawasan utama tanaman padi huma.³

Darurat di Trengganu telah membawa kepada kemerosotan dalam kegiatan penanaman padi huma di negeri tersebut. Keadaan ini dapat dilihat dari keluaran tanaman padi huma pada tahun 1948-49 yang terus merosot (lihat Jadual V(a)). Dari analisa data yang diperturunkan dalam Jadual tersebut; didapati mulai tahun 1948-49, keluasan kawasan yang ditanam dengan padi huma telah merosot hampir $\frac{1}{2}$ berbanding dengan jumlah keluasan kawasan yang ditanam dengan tanaman padi tersebut dalam tahun 1947-48. Tahun-tahun berikutnya juga memperlihatkan kemerosotan (kecuali bagi tahun 1954-55) hingga ke tahun 1955-56. Faktor utama yang membawa kepada kemerosotan itu adalah seperti berikut:

(a) Sebahagian besar daripada penduduk yang mengusahakan penanaman padi huma, terutamanya di beberapa kawasan di daerah Kemaman, di Ulu Chukai, Pasir Gajah, Air Putih, Binjai dan di Ulu Dungun dan Ulu Trengganu tidak lagi bebas menanam padi huma di kawasan hutan yang terpencil dan di pinggiran bukit. Ini disebabkan adanya gerombolan pengganas komunis yang sering dilihat oleh penduduk di kawasan tersebut. Malah di beberapa kawasan yang tersebut itu sering juga berlaku di mana padi yang telah dituai diambil oleh pengganas komunis itu dengan cara paksa.⁴

² Annual Report — Department of Agriculture Trengganu. (ARDATr.), 1953-1960, Laporan bertaip, simpanan Pejabat Pertanian, Kuala Trengganu.

³Ibid.

⁴Maklumat ini diterima hasil dari temuramah yang diadakan dengan bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Husin, pada 26.7.77., bekas Penghulu Air Putih, En. Amir bin Lisut pada, 28.7.77 dan bekas penghulu Kuala Brang, En. Abd. Rahman bin Kassim pada, 2.8.77.

JADUAL V(a)

Trengganu - Keluasan Kawasan Yang Ditanam Dengan
 Padi Sawah Dan Padi Huma Serta Penghasilan-
 penghasilannya Pada Tiap-tiap Tahun,
 1948-1960*

Tahun Penanaman	Keluasan (ekar)		Penghasilan (Gantang)	
	Padi Huma	Padi Sawah	Padi Huma	Padi Sawah
1947/48	15,410	37,700	1,527,000	6,477,000
1948/49	10,360	44,000	1,370,000	11,471,000
1949/50	11,180	47,830	1,891,000	13,017,000
1950/51	9,840	48,000	1,500,000	12,368,000
1951/52	8,150	46,500	1,229,000	9,423,000
1952/53	8,530	46,780	1,262,440	12,022,460
1953/54	8,637	40,000	873,626	5,346,240
1954/55	9,470	46,534	1,159,600	8,974,500
1955/56	8,953	41,342	1,075,840	7,044,095
1956/57	10,874	42,604	1,307,390	9,227,790
1957/58	12,192	44,624	1,926,607	11,292,525
1958/59	12,790	48,798	1,964,145	11,047,975
1959/60	13,799	49,805	2,213,368	13,610,307

*Sumber: *The Malayan Agricultural Journal Oct. 1950*, Vol. xxxiii, Department of Agriculture, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, h., 243-244; *Fe deration of Malaya-Report of the Rice Production Committee*, Vol. I, h., 6; *ARST*, 1948, 1949, Trengganu Government Press, K. Trengganu; *Monthly Statistical Bulletin of the Federation of Malaya*, Dec. 1961, Department of Statistic, Federation of Malaya, h. 29; *Annual Report — Department of Agriculture Trengganu*, 1953-1960, Laporan bertaip, simpanan Pejabat Pertanian, Kuala Trengganu.

(b) Mulai awal tahun 1951, sebahagian besar daripada kawasan utama tanaman padi huma, terutama di daerah Kemaman diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai Kawasan Kawalan (Controlled Areas) untuk melindungi penduduk di kawasan itu dari sebarang kegiatan ganas komunis.⁵ Dengan itu segala peraturan darurat, terutamanya peraturan seperti perintah berkurung dan syarat-syarat kawalan yang rapi yang dikenakan oleh anggota pasukan keselamatan ke atas penduduk di kawasan tersebut telah membataskan

⁵*Government Gazette for the State of Trengganu, (GGST)*, 1951, Printed at the Trengganu Government Press, K. Trengganu, April, Jun 1951.

kebebasan penduduk di situ untuk meneruskan usaha menanam padi huma itu.

(c) Mulai tahun 1952, sebahagian besar penduduk yang tinggal di kawasan terpencil di kawasan utama penanaman padi huma telah dipindahkan ke kawasan pengumpulan semula (Regrouping Areas), di Air Putih, Tebak-Bandi dan Kerteh. Walaupun penduduk yang dipindahkan ke kawasan itu dibenarkan untuk mengerjakan tanaman padi mereka dalam masa yang dibenarkan oleh Kerajaan dari pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang, tetapi jarak perjalanan di antara lima hingga lapan batu yang terpaksa dilakukan oleh penduduk di situ untuk pergi ke kawasan tanaman padi huma mereka, telah membantutkan kegiatan mereka dalam bidang tersebut.⁶

(d) Perang Korea mulai tahun 1950 itu telah mengakibatkan melambungnya harga getah di pasaran dunia.⁷ Ini menyebabkan sebilangan besar penduduk di kawasan utama penanaman padi huma yang bebas dari ancaman komunis, terutama di beberapa kawasan di daerah Besut itu meninggalkan kegiatan menanam padi huma dan menumpukan tenaga mereka dalam pekerjaan menoreh getah.⁸

Apabila harga getah di pasaran dunia mulai jatuh pada tahun 1952, penanaman padi huma mula meningkat kembali. Keadaan ini dapat dilihat daripada keluasan kawasan yang ditanam dengan padi huma dalam tahun 1951-52, yang berjumlah 8,150 ekar telah meningkat kepada 8,530 ekar dalam tahun 1952-53. Walaupun begitu, peningkatan ini sebenarnya adalah dalam kadar yang rendah. Pertambahan yang sebenarnya yang hampir berjumlah 1000 ekar dalam tahun 1952-53 itu hanya berlaku di kawasan padi huma di daerah Besut, Marang dan Kuala Trengganu.⁹ Tetapi sebaliknya bagi daerah Kemaman, hampir 500 ekar daripada kawasan utama

⁶Maklumat ini diterima, hasil dari temuramah yang diadakan dengan bekas Penghulu Ulu Chukai, Syed Mohd bin Husin pada 26.7.77 dan bekas Penghulu Air Putih, En. Amir bin Lisut pada 28.7.77.

⁷Harga getah di pasaran dunia di antara tahun 1949 hingga 1952 adalah seperti berikut: (dalam kiraan sen) 1949-38.2, 1950-108.2, 1951-169.5 dan 1952-96.1. Lihat, *Rubber Statistical Handbook*, 1956, Federation of Malaya, h., 53.

⁸ARDATr. 1954. Lihat juga, *Federation of Malaya - Report of the Rice Production Committee*, Vol. I, h., 6.

⁹ARDATr., 1953.

penanaman padi huma dalam tahun tersebut terpaksa dihentikan.¹⁰ Ini adalah kerana lebih ramai lagi penduduk di kawasan tersebut terpaksa dipindahkan ke kawasan pengumpulan semula di Air Putih, Kerteh, dan di Tabak-Bandi.

Penanaman padi huma pada tahun 1954-1955, menunjukkan satu peningkatan dari 8,637 ekar pada tahun 1953-54 kepada 9,470 ekar dalam tahun 1954-55. Sebagaimana yang diperlihatkan dalam Jadual V(b) di bawah ini, pertambahan dalam tahun 1954-55 itu hampir kesemuanya berlaku di kawasan penanaman di Ulu Trengganu. Tetapi bagi daerah Kemaman, kegiatan penanaman padi huma terus merosot lagi sebanyak 244 ekar.

JADUAL V(b)

Peningkatan/Kemerosotan Kawasan Yang Ditanam Dengan Padi Huma, Mengikut Daerah di Trengganu - 1955.¹¹

Daerah	Pertambahan (ekar)	Kemerosotan (ekar)
Besut	-	-
K. Trengganu & Marang	480	-
Kuala Brang	640	-
Kemaman	-	244
Dungun	58	-

Mulai bulan April 1955, sebahagian besar kawasan di daerah Kemaman, kecuali Ulu Chukai, Kerteh, Kemasek dan Kijal, telah diisyiharkan sebagai kawasan Putih atau kawasan aman.¹² Pengisyiharan ini telah menamatkan semula sekatan ke atas pergerakan penduduk di bawah peraturan darurat itu. Dengan itu sebahagian besar daripada penduduk yang berada di kawasan pengumpulan semula telah dibenarkan pulang ke kampung asal tempat tinggal mereka sebelum perisyiharan darurat dahulu. Keadaan ini telah membolehkan dan menggalakkan sebahagian besar penduduk yang

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ ARDATr., 1955.

¹² GGST, 1955, 6th. December, 1955.

berada di kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan aman di Air Putih, Pasir Semut, Pasir Gajah dan Binjai untuk bergiat kembali menanam padi huma di kawasan itu.

Dengan itu mulai tahun 1956-57, keluasan kawasan yang diusahakan dengan tanaman padi huma di negeri Trengganu semakin luas. Dalam tahun 1956, sebahagian besar daripada peningkatan tersebut, iaitu lebih kurang $\frac{1}{3}$ daripada jumlah pertambahan keluasan kawasan yang ditanam padi huma (lihat Jadual V(c) adalah berlaku di daerah Kemaman.

Dalam bulan Julai 1957, seluruh negeri Trengganu telah diisyiharkan sebagai Kawasan Putih atau kawasan aman.¹³ Ini bererti, keadaan darurat di negeri Trengganu telah berakhir. Keadaan ini telah menggalakkan kawasan baru di sekitar kawasan utama padi huma itu diteroka untuk diluaskan lagi dengan penanaman padi. Dengan itu, mulai tahun 1956-57, keluasan kawasan padi huma terus meningkat.

JADUAL V(c)
Peningkatan/Kemerosotan Kawasan Yang
Ditanam Dengan Padi Huma, Mengikut
Daerah Di Negeri Trengganu, - 1957¹⁴

Daerah	Pertambahan (ekar)	Kemerosotan (ekar)
Besut	80	-
K. Trengganu & Marang	209	-
Kuala Brang	563	-
Dungun	-	-
Kemaman	450	-

Dari apa yang telah dibincangkan, didapati kemerosotan penanaman padi huma di Trengganu semasa sebahagian besarnya di daerah Kemaman. Ini disebabkan adanya ancaman keganasan

¹³GGST, 1957, 12th. December, 1957.

¹⁴GGST, 1957, 12th. December, 1957.

komunis yang tertumpu di daerah tersebut, sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab Pertama.

(b) Padi Sawah

Padi 'cedongan' adalah padi sawah yang diusahakan oleh kebanyakan penduduk di Trengganu. Terdapat dua jenis padi cedongan yang biasa diusahakan, iaitu 'padi menghulu' atau dikenali juga sebagai 'padi ringan' dan keduanya ialah 'padi berat'.¹⁵ Kawasan utama padi sawah ini tertumpu di daerah Kuala Trengganu, Marang, Besut dan di sekitar Kuala Brang.¹⁶ Hampir semua kawasan utama padi sawah ini merupakan kawasan yang bebas dari sebarang ancaman ganas komunis di negeri Trengganu, khususnya dalam masa darurat itu.

Dari analisa data yang diperlihatkan dalam Jadual V(a), di sepanjang tahun 1948-1960 didapati keluasan kawasan padi sawah itu pada umumnya tidak meningkat atau merosot dengan kadar yang besar atau mengejut. Tetapi, dilihat dari segi pengeluaran atau penghasilan dalam jangka masa itu terdapat peningkatan atau kemerosotan yang agak ketara di antara satu-satu tahun penanaman itu dengan tahun yang lain. Dalam hal ini penanaman padi sawah dalam tahun 1951-52 di kawasan seluas 46,500 ekar itu, hanya menghasilkan 9,423,000 gantang padi sahaja, sedangkan dalam tahun 1957-58, kawasan seluas 44,642 ekar itu telah berjaya menghasilkan 11,295,000 gantang padi.

Sebagaimana yang dilaporkan, penanaman padi sawah dalam tahun 1954-55, di kawasan seluas 2,360 ekar dijangka dapat menghasilkan 364,400 gantang padi telah musnah akibat banjir yang berlaku pada akhir tahun 1954.¹⁷ Dalam penanaman padi tahun 1951-52 pula, sebahagian dari penduduk di kawasan Besut dan Kuala Trengganu agak lewat memulakan kerja bersawah. Dengan itu sebahagian besar padi yang ditanam itu telah dimakan oleh burung-burung.¹⁸ Selain dari itu, padi yang ditanam terutamanya di

¹⁵ ARDATr., 1957.

¹⁶ ARDATr., 1953-60.

¹⁷ ARDATr., 1955.

¹⁸ ARDATr., 1952.

Kuala Brang telah diserang oleh ulat dan berbagai jenis serangga perosak.¹⁹

Mulai tahun 1957-58, Jabatan Pertanian Negeri telah memperkenalkan satu rancangan 'Skim Subsidi Baja Padi' (Padi Fertilizer Subsidy Scheme).²⁰ Di bawah skim ini Pejabat Pertanian Negeri telah memperkenalkan jenis baja baru untuk digunakan bagi padi sawah supaya dapat meninggikan pengeluaran atau penghasilan padi itu. Hampir separuh dari harga baja itu dibiayai oleh Kerajaan. Di bawah skim ini, harga baja padi yang dijual kepada penanam padi adalah jauh lebih murah dari harganya yang sebenar.²¹ Dalam tahun 1957-58 seluas 4,160 ekar yang diusahakan dengan tanaman padi sawah itu telah menggunakan baja baru yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian itu.²² Kawasan tanaman padi yang paling banyak menggunakan baja tersebut ialah di daerah Besut dan Kuala Trengganu.²³

Penggunaan baja baru yang diperkenalkan oleh Pejabat Pertanian Negeri itu terutama untuk padi sawah, terus meningkat. Dalam tahun 1958-59, hampir 5,000 ekar kawasan sawah padi yang meliputi hampir 10 peratus daripada jumlah kluasan kawasan yang ditanam dengan padi sawah di negeri Trengganu telah menggunakan baja baru.²⁴ Penggunaan baja itu telah meningkatkan lagi penghasilan padi dalam tahun tersebut.

Analisa data yang diperturunkan dalam Jadual V(d) menunjukkan kawasan penanaman padi sawah di daerah Besut telah menghasilkan purata pengeluaran yang paling tinggi bagi tiap-tiap ekar. Di antara faktor yang paling penting yang menyebabkan berlakunya keadaan tersebut ialah penanam padi di Besut mengambil kesempatan dari pelaksanaan Skim baja padi.²⁵ Pejabat Pertanian Negeri juga, mulai tahun 1958-59, telah memperkenalkan tanaman padi

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *ARDATr., 1957.*

²¹ Harga baja yang dijual oleh Pejabat Pertanian Trengganu dengan harga yang terus menurun, seperti berikut: 1957-58-\$6.65 sen untuk setiap bungkus seberat 100 lbs dan \$3.35 sen untuk setiap bungkus seberat 50 lbs, 1958-60-\$2.00 untuk bungkus seberat 100 lbs dan \$1.00 untuk bungkus seberat 50 lbs, 1959-60-\$1.00 untuk 100 lbs dan 50 sen untuk bungkus seberat 50 lbs. (*ARDATr., 1957-1960*).

²² *Ibid.*

²³ *ARDATr., 1959.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

JADUAL V(d)
Keluasan Kawasan Yang Ditanam Dengan Padi Sawah
Dan Penghasilannya, Menurut Daerah Di
Negeri Trengganu, 1958.²⁶

Daerah	Keluasan Kawasan (ekar)	Jumlah Penghasilan (gantang)	Purata Pengeluaran bagi tiap-tiap ekar, (gantang)
Kemaman	318	57,940	183.0
Dungun	205	41,500	204.0
Ulu			
Trengganu	4,305	926,900	215.0
Besut	15,249	4,383,000	291.3
Kuala			
Trengganu-Marang	24,547	5,883,185	239.6

sawah dua kali semusim (double cropping). Dalam tahun itu, seluas 150 ekar sawah di daerah Besut dijadikan kawasan percubaan menanam padi dua kali semusim itu. Dalam tahun 1959-60, seluas 413 ekar lagi kawasan padi di daerah Besut dan Kuala Trengganu telah ditanam dengan padi sawah dua kali semusim.²⁷ Di samping itu, sejak dari tahun 1956 lagi Pejabat Pertanian juga telah menyediakan dan membahagikan benih padi jenis yang baik, terutama jenis yang dinamakan Siam 29, dengan percuma kepada pesawah.²⁸ Oleh kerana penanaman padi sawah mendatangkan hasil yang lebih besar jika dibandingkan dengan pengeluaran padi huma, maka Pejabat Pertanian juga cuba menggalakkan penanam padi huma supaya menanam padi sawah. Dalam tahun 1956, seluas 500 ekar kawasan padi huma di Paya Kemat, Besut, telah dimajukan oleh Kerajaan untuk dijadikan kawasan penanaman padi cedongan atau padi sawah.²⁹ Pejabat Pertanian Daerah juga telah membahagikan ubat semburan jenis Dieldrex 15 dan Agrocide 3 untuk digunakan ke atas pokok padi untuk menghapuskan sebarang

²⁶ ARDATr., 1960.

²⁷ ARDATr., 1956.

²⁸ Ibid.

²⁹ ARDATr., 1956.

serangga atau ulat yang menyerang pokok padi itu.³⁰ Dalam tahun 1960 sahaja, 780 gelen ubat-ubat semburan itu telah dibahagikan kepada penanaman padi sawah di semua daerah dalam negeri Trengganu.

Keadaan di atas menunjukkan bahawa Pejabat Pertanian Negeri lebih galakan kepada penanaman padi sawah daripada penanaman padi huma. Ini adalah kerana, di samping padi huma itu tidak mendatangkan hasil purata yang begitu besar bagi tiap-tiap ekar padi itu juga yang luas diusahakan di kawasan tinggi di lereng-lereng bukit secara berpindah-randah itu telah mengancam kesuburan tanah dan mengakibatkan berlakunya hakisan dan kerosakan sungai-sungai serta tanaman yang diusahakan di kawasan dataran yang rendah.³¹

JADUAL V(e)
Purata Penghasilan Bagi tiap-tiap Ekar
Tanaman Padi Huma Dan Padi Sawah Di
Sepanjang Tahun 1949-1960,
Di Negeri Trengganu.*

Tahun	Purata Penghasilan Bagi Tiap-tiap Ekar (gantang)	
	Padi Huma	Padi Sawah
1949-50	169	275
1950-51	150	258
1951-52	151	207
1952-53	149	260
1953-54	97	137
1954-55	134	193
1955-56	127	170
1956-57	147	221
1957-58	170	254
1958-59	172	225
1959-60	161	276

*Sumber: *Monthly Statistical Bulletin of the Federation of Malaya, December 1961*, Department of Statistic, Federation of Malaya, h. 23.

³⁰ ARSEPP Tr., 1947.

³¹ ARSTr., 1948, h. 12.

Menjelang tahun 1948, getah merupakan salah satu daripada tanaman utama, selain daripada padi dan kelapa di negeri Trengganu.³² Ini adalah kerana pada masa pendudukan Jepun di Trengganu (1942-1945), sebahagian besar daripada getah tidak dirosakkan atau ditebang oleh tentera Jepun, sebagaimana dilaporkan:

"Rubber cultivation in Trengganu did not suffer as it did in certain States on the West Coast from the felling of large areas during the period of the Japanese Occupation, to make way for food-crops and to provide firewood."³³

Pada akhir tahun 1949, seluas 42,068 ekar telah ditanam dengan pokok getah di seluruh negeri Trengganu. Dari jumlah tersebut, lebih dari 50 peratus atau 21,452 ekar adalah merupakan kebun getah yang dipunyai oleh pekebun kecil, yang tiap-tiap satu daripada kebun itu mempunyai keluasan yang tidak melebihi dari 25 ekar.³⁴ Jadual V(f) menunjukkan lebih jelas lagi tentang bilangan dan

JADUAL V(f)
Bilangan Hakmilik dan Keluasan Kebun-kebun
Getah Kepunyaan Pekebun-pekebun Kecil
Menurut Daerah di Trengganu - 1949.³⁵

Daerah	Kebun-kebun Kecil Di bawah 25 Ekar	
	Jumlah Bil. Hakmilik	Keluasan (ekar)
Besut	4,176	9,288
Kemaman	1,839	6,639
Dungun	843	3,209
Ulu Trengganu	725	1,354
K. Trengganu	3,601	5,827
Marang	292	1,135

³² ARSEPPTr., 1947.

³³ Rubber Statistical Handbook, 1950, Department of Statistic, Federation of Malaya, h. 49.

³⁴Ibid, Table 25, h. 49.

³⁵Fail Land Office Kemaman (LOK), No. Fail, 265/1949, Arkib Negara Malaysia.

keluasan kebun-kebun getah menurut daerah yang terdapat di negeri Trengganu dalam tahun 1949.

Data yang terdapat dalam Jadual V(f) juga, menunjukkan bahawa kawasan utama penanaman getah bagi pekebun-pekebun kecil ialah di daerah Kemaman yang mempunyai keluasan melebihi 1/4 daripada jumlah keseluruhan tanaman getah di negeri Trengganu. Sehingga akhir tahun 1950, terdapat 6,933 ekar ladang getah kepunyaan pekebun-pekebun kecil di Kemaman. Kawasan utama tanaman getah adalah terletak di kawasan Kemasek, terutamanya di Air Jernih dan di Ulu Jabor, Pasir Semut dan Ulu Chukai.³⁶

Semenjak tahun 1948 lagi, Kerajaan telah membenarkan pembukaan kawasan baru untuk tanaman getah baru, terutama di kalangan pekebun-pekebun kecil, dengan syarat tanah yang dibuka itu bersesuaian untuk ditanam dengan pokok getah. Kerajaan Trengganu berbuat kerana:

"Oleh sebab Trengganu, berlainan keadaannya dengan kebanyakan negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu, mempunyai keluasan yang kecil sahaja tanah-tanah yang bertanam dengan getah, maka pada masa sekarang Kerajaan tidak ada halangan atas penanaman getah baharu."³⁷

Ini tidak bermakna Kerajaan telah menggalakkan pembukaan tanah atau kawasan baru untuk ditanam dengan pokok getah sewenang-wenangnya tanpa memikirkan kepentingan tanaman lain. Dalam hal ini kawalan juga telah dikenakan, di mana pihak-pihak Pemungut Hasil Tanah dan Ketua Jabatan Tanaman di tiap-tiap daerah dikehendaki memeriksa dan menentukan supaya tanah atau kawasan baru yang diminta oleh pekebun-pekebun kecil itu adalah benar-benar sesuai untuk ditanam dengan pokok getah. Sekiranya tanah yang diminta itu lebih sesuai untuk tanaman-tanaman lain yang lebih berharga, umpamanya koko, maka tanah sedemikian tidaklah dibenarkan untuk ditanam dengan pokok-pokok getah.³⁸ Kawalan seperti ini mustahak diadakan untuk menentukan:³⁹

³⁶Surat Pekeling Commissioner, Bil. 1/55, dlm. fail *Commissioner of Land and Mine Trengganu (CLMT), No. Fail, 218/1952.*

³⁷"Small Holders Replanting" dlm. *CLHTr., No. Fail, 218/1952.*

³⁸Ibid.

³⁹Ibid.

- (a) Supaya pokok getah itu tidak ditanam di atas tanah yang sesuai dan harus dikehendaki bagi tanaman-tanaman lain yang berharga pada segi iktisad.
- (b) Supaya hanya jenis-jenis yang diluluskan sahaja digunakan bagi penanaman getah baharu itu.
- (c) Supaya keluasan yang berlebihan tidak ditanam dengan getah itu melebihi dari tanaman-tanaman lain dan mengakibatkan Trengganu semata-mata bergantung kepada getah sebagai punca mata pencariannya.

Dengan itu, di antara tahun 1948 hingga 1952, seluas 2,082 ekar kawasan baru telah diluluskan oleh Kerajaan untuk tanaman getah.⁴⁰ Walau bagaimanapun, mulai tahun 1953, Kerajaan telah menghadkan bilangan permohonan pekebun-pekebun kecil yang diluluskan untuk mendapatkan tanah bagi penanaman getah baru. Dalam tahun itu dari jumlah permohonan yang meliputi kawasan seluas 21,791 ekar yang diminta oleh pekebun kecil untuk tanaman getah baru, Kerajaan hanya meluluskan seluas 500 ekar sahaja bagi permohonan yang dibuat itu.⁴¹ Ini adalah kerana, mulai 1 September 1952, satu skim yang dikenali sebagai Skim Tanaman Getah Semula (Rubber Industry Replanting Scheme), untuk pekebun kecil telah diperkenalkan. Skim ini adalah di bawah kelolaan Badan Tanaman Getah Semula (Rubber Industry Replanting Board) yang telah ditubuhkan di peringkat Pusat dan Negeri. Skim ini mula diberi penekanan oleh pihak Kerajaan Negeri, khususnya selepas tahun 1953, memandangkan sebahagian besar pokok getah yang terdapat di negeri Trengganu terdiri dari pokok getah yang telah tua, di mana hasil pengeluaran susu getahnya sangat rendah, sebagaimana dilaporkan:

"Many of the rubber trees in small holdings are now old and worn out with little or no bark left to tap. Such rubber is only yielding about 15-20 katties per acre per month at best."⁴²

Sehingga tahun 1952, hampir 80 peratus daripada pokok getah di negeri Trengganu terdiri dari pokok-pokok getah yang sudah

⁴⁰Ibid.

⁴¹Ibid.

⁴²ARDATr., 1954.

tua.⁴³ Jadi dalam keadaan ini sudah pasti prospek pekebun-pekebun kecil yang purata tiap-tiap mereka itu memiliki di antara empat hingga lima ekar kebun akan bertambah gelap apabila harga getah di pasaran dunia yang biasanya tidak stabil, terus merosot. Untuk mengatasi masalah ini maka Kerajaan telah membenarkan kawasan baru yang sesuai dengan tanaman getah itu dibuka dan ditanam dengan getah, di samping menggalakkan pekebun-pekebun kecil melibatkan diri dalam rancangan tanaman semula getah bagi menggantikan getah yang telah tua itu. Dalam melaksanakan rancangan ini, Kerajaan lebih menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah supaya menyertai Skim Tanaman Getah Semula.

Matlamat Skim Tanaman Getah Senula ini, di antara tahun 1953 hingga 1959 ialah untuk menanam semula getah di kawasan seluas 14,000 ekar.⁴⁴ Untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil supaya melibatkan diri mereka dalam Skim Tanaman Semula itu, Kerajaan telah menyediakan *grants* atau bantuan wang untuk membantu tanaman semula getah. Kerajaan juga menyediakan bantuan berjumlah \$400.00 bagi tiap-tiap seekor, selama enam tahun bagi mereka yang terlibat dalam kerja menanam semula itu. Bantuan ini meliputi perbelanjaan menebang pokok-pokok getah yang telah tua, membersihkan kawasan membaja dan membantu perbelanjaan lain sebelum pokok getah itu boleh ditoreh.⁴⁵ Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan dan membahagi-bahagikan dengan percuma anak-anak getah yang diperlukan untuk rancangan tanaman semula itu.

Sebagai langkah permulaan dalam tahun 1953, permohonan yang meliputi 947 ekar kawasan getah lama, Kerajaan telah meluluskan 205 permohonan yang meliputi kawasan seluas 850 ekar untuk diberi bantuan dan kelulusan menanam getah baru di bawah Skim Tanaman Getah Semula itu. Sejumlah tujuh belas permohonan dari pekebun-pekebun kecil di daerah Kemaman, tidak diluluskan.⁴⁶ Salah satu alasan penting bagi menolak permohonan tersebut ialah sebahagian besar daripada kawasan tanaman getah di Kemaman itu terletak di kawasan Kawalan di mana kegiatan tanaman semula

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ ARDATr., 1953.

⁴⁶ "Small Holders Replanting", dlm. CLMTR.

sukar untuk dilakukan secara berkesan. Di samping itu, beberapa kawasan getah itu terletak di kawasan Kawalan di mana kegiatan tanaman semula sukar untuk dilakukan secara berkesan. Di samping itu, beberapa kawasan getah itu terletak di kawasan yang terpencil khususnya kawasan penanaman getah di Air Putih dan Ulu Jabor yang menjadi kawasan tumpuan dan sasaran pengganas komunis.⁴⁷ Jadi dalam keadaan ini adalah sukar untuk dijalankan rancangan tanaman semula di kawasan tersebut itu secara berkesan.

Selain dari itu, Kerajaan juga terpaksa menolak permohonan untuk mendapatkan bantuan tanaman semula bagi kawasan pedalamian Kemasek, khususnya bagi kawasan Air Jernih, kerana pemohonnya yang ketika itu tinggal di Kampung Baharu Batu Lima Dungun masih tidak dibenarkan pulang ke Air Jernih untuk mengerjakan tanah mereka.⁴⁸

Pada peringkat awal pelancaran Skim Tanaman Semula itu, sambutan dari pekebun-pekebun kecil tidaklah begitu menggalakkan. Dari jumlah tanah getah yang diusahakan oleh pekebun kecil seluas 36,623 ekar dalam tahun 1953,⁴⁹ yang memohon untuk menyertai rancangan ini hanya meliputi kawasan tanaman getah seluas 947 ekar sahaja.⁵⁰ Sambutan yang tidak menggalakkan itu disebabkan oleh sebahagian besar pekebun-pekebun kecil itu mengharapkan punca pendapatan harian mereka, semata-mata dari hasil pokok getah tua yang sedang mereka toreh pada masa itu. Sekiranya mereka menebang pokok-pokok getah itu untuk ditanam dengan pokok getah baru, maka penghidupan mereka akan bertambah sempit dan terhimpit, kerana terpaksa menantikan masa selama enam hingga tujuh tahun barulah dapat dihasilnya.⁵¹

Selain dari itu, Perang Korea yang berlaku dalam tahun 1950 hingga 1952, yang membawa kepada melambungnya harga getah di pasaran dunia, menyebabkan sebahagian besar daripada pekebun-pekebun kecil masih lagi mengharapkan harga scumpama itu dan keadaan ini menyebabkan mereka itu tidak begitu bersedia untuk

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Daripada 947 ekar itu, Kerajaan telah meluluskan bantuan atau pemberian 'grants' tanaman semula itu ke atas 850 ekar. Bantuan ke atas selebih 97 ekar lagi itu tidak dapat diluluskan oleh pihak Kerajaan atas alasan yang dibincangkan di halaman 173.

⁵¹ ARDATr., 1954.

menebang pokok-pokok getah yang telah tua yang sedang mereka nikmati hasilnya ketika itu.

Dalam kegiatan menoreh getah pula, sehingga akhir tahun 1954 terdapat tanah seluas hampir 10,000 ekar kepunyaan pekebun-pekebun kecil getah yang terletak, terutamanya di kawasan Ulu Kemaman dan di beberapa kawasan di Ulu Dungun dan Ulu Trengganu, telah tidak dapat ditoreh.⁵² Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor:

(1) Keganasan komunis yang berlaku di peringkat awal darurat di beberapa kawasan tanaman getah, khususnya di kawasan Ulu Chukai, Ulu Jabor, Pasir Semut, Binjai dan juga di Ulu Dungun dan Ulu Trengganu telah mengakibatkan penduduk di kawasan itu rasa tidak selamat untuk keluar menoreh getah.⁵³

(2) Kawasan pengumpulan semula yang ditubuhkan di beberapa kawasan, khususnya di Air Putih dan Kerteh adalah terletak jauh dari beberapa kawasan kebun getah. Keadaan ini tidak menggalakkan penduduk yang telah dipindahkan ke kawasan-kawasan pengumpulan semula itu untuk berulang-alik untuk menoreh getah itu. Tambahan pula adanya berbagai peraturan darurat seperti perintah berkurung di antara pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang di kawasan itu dan juga di kawasan kawalan mengakibatkan penduduk di kawasan tersebut tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan kegiatan atau kerja menoreh getah, memproses susu getah untuk dijadikan kepingan getah dan seterusnya menjemur dan mengasap kepingan getah itu.⁵⁴

(3) Lebih dari 2,000 ekar kebun-kebun getah yang terdapat di kawasan Air Jernih, Kemasek telah tidak dapat ditoreh semenjak pertengahan tahun 1952 hingga ke pertengahan tahun 1954. Ini disebabkan kesemua penduduk di kawasan tersebut telah dipindah-

⁵²Maklumat ini diterima hasil dari temuramah dengan bekas Penghulu Air Putih, En. Amir bin Lisut pada 28.7.77, bekas Penghulu Ulu Jabor, En. Tawang bin Yunus pada 16.8.77 dan bekas Penghulu Ulu Chukai Syed Mohd bin Husin pada 26.7.77.

⁵³Maklumat yang diterima hasil dari temuramah dengan bekas Penghulu Kerteh, Hj. Busu bin Nyak Raja pada 15.8.77 dan bekas Penghulu Air Putih, En. Amir Lisut pada 28.7.77. Untuk keterangan lanjut tentang peraturan perintah berkurung di kawasan yang terlibat itu lihat, *GGST. 1951*, 19 April dan 13 Jun, 1951.

⁵⁴Kenyataan yang diberikan oleh En. Lim Tau Yoon, pada 26.7.77.

kan ke sebuah kawasan penempatan semula iaitu ke Kampung Baharu Batu Lima, Dungun.⁵⁵

Sejak tahun 1954, kegiatan menanam semula pokok getah di kalangan pekebun-pekebun kecil telah meningkat. Sejumlah 952 ekar kebun getah kepunyaan pekebun-pekebun kecil telah diluluskan oleh Kerajaan untuk tanaman semula dalam tahun itu. Hampir 2/3 atau seluas 613 ekar daripada tanaman getah yang diluluskan itu adalah tertumpu di daerah Kemaman sebagaimana yang ditunjukkan dari data yang terdapat dalam Jadual V(g) di bawah ini.

JADUAL V(g)

**Keluasan Kawasan Dan Jumlah Permohonan Yang Diluluskan
Dalam Skim Tanaman Getah Semula, Pekebun-pekebun
kecil, Mengikut Daerah, di Trengganu - 1954.⁵⁶**

Daerah	Keluasan Yang Diluluskan (ekar)	Jumlah Permohonan
Marang	8	2
Ulu Trengganu	116	38
Kemaman	613	118
Besut	134	38
K. Trengganu	72	16
Dungun	9	4
Jumlah	952	216

Berlakunya peningkatan yang lebih besar dari tahun-tahun sebelumnya, khususnya dari tahun 1953 dalam kegiatan tanaman semula getah pada taun 1954 itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pada awal tahun 1954 sebahagian besar daripada penduduk Air Jernih yang dipindahkan ke Kampung Baharu Batu Lima telah dibenarkan kembali ke Kampung Air Jernih. Keadaan ini telah membolehkan Kerajaan mempertimbangkan dan meluluskan permohonan untuk bantuan tanaman semula bagi pekebun kecil getah kepunyaan penduduk di Air Jernih itu.

⁵⁵"Small Holders Replanting" dlm., *CLMTr.*

⁵⁶*ARDATr., 1954.*

Selain dari itu mulai dari awal tahun 1954, akibat dari langkah keselamatan yang telah diambil oleh Kerajaan (seperti yang telah diperbincangkan) itu telah melemah dan menghancurkan pergerakan pengganas komunis di sebahagian besar kawasan di daerah Kemaman. Keadaan ini juga telah membolehkan Kerajaan meluluskan lebih banyak lagi kawasan tanaman getah, terutamanya di daerah Kemaman untuk diberi bantuan dalam Skim Tanaman Semula Getah itu. Di samping itu Kerajaan juga memberi perhatian dalam pembukaan kawasan baru untuk tanaman getah. Tetapi dalam hal ini perhatian yang diberi itu tidaklah sepenting sebagaimana yang ditumpukan ke atas Skim Tanaman Semula Getah. Dalam tahun 1954, seluas 152 ekar kawasan baru telah pun ditanam dengan getah.⁵⁷

Di antara tahun 1955 hingga 1959 memperlihatkan kepesatan dalam pelaksanaan Skim Tanaman Semula Getah di kalangan pekebun-pekebun kecil. Sejak tahun 1955 hingga ke tahun 1959, keluasan kawasan tanaman getah lama yang ditanam semula dengan pokok-pokok getah baru terus meningkat dari tahun ke tahun.

JADUAL V(h)
Peningkatan Dalam Tanaman Getah Semula, Pekebun-
Pekebun Kecil Di Negeri Trengganu, 1954-1959⁵⁸

Tahun	Keluasan Tanaman Semula (ekar)
1953	850
1954	952
1955	1,058
1956	2,007
1957	4,368
1958	5,300
1959	6,183
Jumlah	20,698

⁵⁷"Small Holders Replanting" dlm. *CLMTr*.


⁵⁸Mulai April 1955, sebahagian besar kawasan-kawasan di Daerah Kemaman, kecuali Ulu Chukai, Kerteh, Kemasek dan Kijal telah diisytiharkan sebagai kawasan aman. Mulai Julai 1957, seluruh negeri Trengganu diisytiharkan sebagai kawasan aman. Lihat, *GGST, 1951*, 6th. Dec. 1955, *GGST, 1957*, 12th. Dec. 1957.

Dari data yang terdapat dalam jadual V(h) itu, sejumlah 20,698 ekar pokok getah yang telah tua yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil itu telah ditanam semula dengan pokok getah baru.

Kepesatan yang berlaku dalam pelaksanaan Skim Tanaman Getah Semula ini terutama selepas tahun 1955 itu sebahagian besarnya disebabkan pengisytiharan kawasan aman yang telah membebaskan sebahagian besar kawasan-kawasan yang menjadi ancaman akibat dari keganasan komunis, terutama di beberapa kawasan tanaman getah yang utama di daerah Kemaman, mulai April 1955.⁵⁵ Langkah dan kempen yang diusahakan oleh Badan Tanaman Getah Semula juga telah memberi kesan untuk menyedarkan sebahagian besar pekebun-pekebun kecil supaya melibatkan diri dalam Skim tersebut. Cogan kata yang berupakan ungkapan seperti, "Kurang Getah Susah Melarat, Lebih Getah Senang Gembira, Tanamlah Semula" yang dihebahkan oleh Badan tersebut adalah di antara cogan kata yang paling menarik minat pekebun-pekebun kecil itu.

Dari apa yang diperlihat dan diperbincangkan setakat ini, nyatalah bahawa wujudnya darurat dan keganasan komunis, terutamanya di daerah Kemaman itu dalam jangka masa di antara tahun 1948 hingga 1960 itu tidaklah memberi kesan yang ketara ke atas kegiatan penanaman padi dan penanaman getah pekebun kecil di negeri Trengganu. Ini adalah kerana tumpuan dan sasaran keganasan komunis adalah di Selatan Trengganu, terutamanya di daerah Kemaman.

⁵⁵"Small Holders Replanting" dlm. *CLMTr*.



PENUTUP

Hakikat bahawa keganasan komunis yang berlaku di negeri Trengganu tidaklah sehebat keganasan yang berlaku di negeri-negeri lain, seperti di Pahang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor, tidaklah dapat dinafikan. Walaupun begitu, corak dan bentuk keganasan yang dilakukan oleh pengganas komunis di negeri Trengganu itu, pada keseluruhannya adalah menyerupai corak dan bentuk keganasan komunis yang berlaku di negeri-negeri tersebut tadi.¹ Di peringkat awal darurat, khususnya di antara akhir tahun 1948 hingga ke awal tahun 1952, segala langkah dalam strategi perjuangan komunis yang dilancarkan oleh pengganas komunis di negeri Trengganu itu adalah langkah strategi perjuangan yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Pusat PKM.²

Perjuangan bersenjata yang dilancarkan oleh PKM, khususnya oleh pengganas komunis di negeri Trengganu, tidaklah menyeluruh. Ia lebih tertumpu di kawasan Selatan Trengganu, terutamanya di daerah Kemaman. Konsentrasi perjuangan komunis sedemikian itu telah memberi satu gambaran umum bahawa perjuangan komunis di negeri Trengganu itu bukan secara bersungguh-sungguh dalam usaha dan tindak tanduk mereka untuk menegakkan sebuah Kerajaan Komunis di negeri itu dan di seluruh Tanah Melayu amnya. Tetapi kalau dilihat dengan lebih teliti lagi strategi sasaran komunis itu, maka daerah Kemaman, khususnya di Air Putih dan Air Jernih,

¹Bentuk dan corak keganasan komunis di Pahang, Perak, Selangor, N. Sembilan dan Johor ada dibicarakan dalam beberapa buah buku, di antaranya ialah; A. Short, *Communist Insurrection in Malaya*, Frederick Muller Ltd., London, 1957, H. Miller, *The Jungle War in Malaya*, Arthur Barker Ltd., London, 1972, N. Barker, *The War of the Running Dogs*, Colling Press, Ltd., London, 1972.

²Untuk mengetahui strategi perjuangan yang digaris oleh Jawatankuasa PKM, sila rujuk kepada Bab 1.

sebenarnya memang merupakan kawasan yang sesuai dari segi strategi perjuangan komunis di negeri itu, setidak-tidaknya sebagai tapak dalam memulakan perjuangan mereka untuk mewujudkan Kawasan Bebas (Liberated Areas) di kedua buah kawasan tadi. Malah adanya pejuang Melayu yang *extremist* dan berpengaruh di kawasan Air Putih itu telah hampir memberi kejayaan kepada komunis dalam usaha mereka untuk mewujudkan Kawasan Bebas di situ. Di kawasan Air Jernih pula, wujud sebuah penempatan yang bercorak komunal, di mana semua penduduk di kawasan itu terdiri dari kaum Cina sahaja, di mana sebahagian besar daripada penduduk itu terdiri dari bekas anggota-anggota MPAJA, Bintang Tiga dan *Min Yuen*, dan keadaan ini merupakan "iklim" yang sesuai bagi komunis untuk mewujudkan Kawasan Bebas di situ.

Jadi, dari dua buah kawasan yang strategis itu,³ yang sekiranya komunis berjaya dalam rancangannya itu, sekurang-kurangnya kawasan itu akan menjadi tapak yang kukuh dan kuat bagi komunis untuk terus mengaturkan strategi perjuangan mereka untuk menakluk negeri Trengganu. Oleh kerana itu tidaklah dapat dikatakan perjuangan komunis di Trengganu itu tidak bersungguh-sungguh. Malah di sebaliknya, komunis memang mempunyai strategi yang berancangan dan teratur, dan bukanlah hanya menjalankan keganasan yang melulu sahaja. Tambahan pula adanya tanda-tanda bahawa pengganas komunis di selatan Trengganu itu mempunyai konteks dengan Pusat Pengkalan Komunis bagi kawasan Selatan Tanah Melayu yang terletak di Pahang, di mana jarak perjalanan jalan kaki di antara sempadan Pahang dengan kawasan selatan Trengganu itu hanya memakan masa di antara satu hingga dua jam, meyakinkan lagi bahawa memang ada strategi perjuangan yang teratur dan berancangan di pihak komunis.

Tetapi kenapakah dalam keadaan di mana negeri Trengganu sendiri menghadapi kekurangan yang ketara dari segi kekuatan dan dalam persediaan pertahanannya, khususnya pada peringkat awal darurat itu, komunis masih juga tidak berjaya, sekurang-kurangnya

³Kedua buah kawasan itu adalah juga merupakan kawasan yang strategis dari segi ekonomi, kerana kawasan itu letaknya tidak jauh dari kawasan perlombongan utama seperti kawasan perlombongan Bandi, Kajang, Tebak, Chenderong dan Sg. Ayam. Kawasan tersebut juga adalah tidak jauh dari Kertay Estate dan Jabor Valley Estate.

untuk menguasai dua kawasan yang strategis itu. Dalam hal ini, dua langkah penting, khususnya dari strategis sosial yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri, di bawah arahan Kerajaan Pusat, menubuhkan unit pasukan G dan rancangan penempatan semula khususnya membina kampung-kampung Baharu bagi penduduk setinggan yang tinggal terpencil di pinggir hutan itu, adalah merupakan senjata atau langkah yang paling berkesan dalam usaha Kerajaan untuk memerangi dan seterusnya menghapuskan sebarang pergerakan komunis itu.

Penubuhan unit pasukan HG mulai awal tahun 1952 di negeri Trengganu itu adalah merupakan satu langkah yang melibatkan rakyat secara besar-besaran dalam usaha untuk mengatasi kekurangan tenaga anggota pasukan keselamatan dan pertahanan. Sehingga tahun 1953, tiada ada sebarang unit atau rejimen tentera pun yang ditempatkan dan mempunyai pengkalanan yang tetap di negeri Trengganu untuk melancarkan operasi terhadap pergerakan komunis di negeri itu. Dengan itu segala sumbangan yang diberikan dan peranan yang dimainkan oleh anggota pasukan HG dalam memperkemas dan memperkuuhkan pertahanan Trengganu dari ancaman komunis juga segala kegiatan anggotanya dalam membantu anggota-anggota SC dan Polis Biasa dalam melaksanakan dan menguatkuaskan segala peraturan di bawah Undang-undang Darurat itu tidaklah boleh diperkecil-kecilkan. Walaupun mutu latihan yang diterima oleh anggota pasukan HG itu jauh lebih rendah dari mutu latihan yang diterima oleh anggota-anggota Polis Biasa dan SC, namun dalam keadaan di mana bilangan anggota pasukan keselamatan, khususnya bagi negeri Trengganu itu jauh daripada mencukupi untuk menentang sebarang serangan komunis di peringkat awal darurat itu, maka kemunculan pasukan HG sudah tentu merupakan pertolongan yang besar dalam usaha pemerintah memerangi komunis itu. Malah penubuhan unit Operasi dalam pasukan HG itu telah membuka langkah ke arah pelancaran operasi yang berkesan dalam mengikuti jejak langkah komunis di dalam hutan.

Langkah pemerintah untuk mengadakan konsentrasi kawalan ke atas penduduk yang tinggal di kawasan terpencil di pinggir hutan dengan menempatkan mereka itu ke kawasan penempatan semula dengan menyediakan kawasan yang sesuai untuk dijadikan kampung-kampung Baharu sebagai usaha pemerintah untuk memutus-

kan hubungan penduduk-penduduk setinggan tadi dengan komunis supaya segala sumber bantuan moral, fizikal dan wang yang didapati oleh komunis dari penduduk tersebut dapat dicegah secara berkesan, juga adalah merupakan langkah yang telah memberi sumbangan yang besar ke arah menggagalkan cita-cita perjuangan komunis itu.

Keberkesanan langkah yang diambil oleh pihak pemerintah itu sememangnya tidak dapat dinafikan, memandangkan keganasan dan ancaman komunis di negeri Trengganu itu sendiri dengan cepat berkurangan terutamanya selepas tahun 1953. Tetapi, sama ada disedari atau tidak oleh pemerintah, kedua langkah itu telah menimbulkan gejala yang tidak sihat dari segala keharmonian sosial dalam jangka panjang, khususnya perpaduan kaum di negeri tersebut.

Dalam keadaan inilah, maka apabila unit pasukan HG itu ditubuhkan dengan tujuan untuk memerangi pengganas komunis didapati orang Melayu tidaklah ragu-ragu lagi menawarkan diri secara sukarela menganggotai pasukan tersebut. Sikap tidak percaya di kalangan sebahagian besar orang Melayu terhadap kesetiaan orang Cina kepada negeri Trengganu, bertambah ketara apabila terbukti hanya sebilangan kecil sahaja orang Cina di negeri Trengganu yang tinggal di Kampung-kampung Baharu itu, yang secara sukarela telah mendaftarkan diri sebagai anggota HG. Wujudnya keadaan sedemikian rupa di kalangan orang Cina terhadap perubahan unit pasukan HG itu, telah menambah dan menebalkan lagi kepercayaan sebahagian besar orang Melayu bahawa 'komunis' itu adalah 'orang Cina' dan 'orang Cina' itu adalah 'komunis'.

Keadaan ini bertambah buruk lagi, khususnya apabila semua mereka yang dipindahkan dan ditempatkan ke Kampung-kampung Baharu untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh pemerintah itu hanya dinikmati oleh satu kaum sahaja, iaitu kaum Cina. Segala kemudahan yang jauh lebih istimewa daripada perhatian yang diberikan oleh pemerintah kepada orang Melayu yang dipindahkan ke kawasan-kawasan pengumpulan semula dan orang-orang Melayu yang tinggal di luar-luar bandar pada waktu itu, telah meruncingkan lagi hubungan di antara kaum, khususnya hubungan di antara orang Melayu dengan orang Cina. Layanan yang telah ditunjukkan oleh pemerintah juga menimbulkan sangkaan buruk di kalangan sebilangan besar orang Melayu sendiri terhadap pemerintah.

Langkah pertama dalam strategi perjuangan komunis ialah untuk melemah dan seterusnya menghancurkan keutuhan ekonomi di seluruh Tanah Melayu. Dalam hal ini, komunis telah gagal untuk mencapai matlamat perjuangan mereka itu. Walaupun begitu, keganasan komunis yang berlaku di beberapa kawasan di negeri Trengganu, terutama di bahagian selatan negeri tersebut, di peringkat awal darurat telah untuk beberapa ketika mengganggu kegiatan penduduk dalam beberapa bidang kegiatan ekonomi yang utama, khususnya dalam kegiatan perlombongan, penanaman padi huma dan getah di kalangan pekebun kecil di kawasan itu. Walau bagaimanapun segala ancaman dan keganasan komunis di kawasan tersebut pada keseluruhannya tidak memberi kesan yang ketara sehingga menjexas pula kegiatan penduduk seluruhnya dalam ketiga bidang ekonomi itu, khususnya dalam masa darurat.

Sebahagian besar kawasan utama perlombongan di kawasan selatan Trengganu, terutamanya di daerah Kemaman adalah merupakan di antara salah satu faktor yang penting yang menjelaskan tentang berlakunya keganasan komunis di kawasan tersebut. Dalam kegiatan atau perusahaan perlombongan, di daerah Kemaman, keganasan komunis di beberapa kawasan perlombongan di daerah tersebut yang membawa kepada penutupan lombong-lombong yang terlibat itu untuk beberapa hari. Tetapi setelah langkah keselamatan diadakan dengan menambahkan lagi anggota SC, polis dan mulai tahun 1952, anggota pasukan HG juga memperkuatkan kawalan di kawasan perlombongan itu, maka usaha-usaha melombong itu dapat diteruskan tanpa apa-apa gangguan yang ketara dari pengganas komunis itu.

Keadaan darurat itu pada keseluruhannya telah tidak memberi apa-apa kesan atau kesulitan pun kepada penduduk yang menggiatkan penanaman padi sawah. Ini adalah kerana hampir kesemua kawasan utama dalam penanaman padi sawah itu terletak di kawasan, yang secara langsung bebas dari sebarang keganasan komunis di negeri Trengganu itu, di sepanjang masa darurat itu. Dalam kegiatan penanaman padi huma pula, terdapat beberapa kawasan utama dalam tanaman padi tersebut, khususnya di daerah Kemaman yang benar-benar mengalami kesulitan dan gangguan disebabkan berlakunya keganasan komunis di kawasan tersebut. Tetapi keadaan ini tidaklah berpanjangan, kerana sebahagian besar

kawasan di daerah tersebut itu telah diisyiharkan sebagai kawasan aman dalam tahun 1955. Kegiatan penanaman padi huma di kawasan itu dipulihkan dan diusahakan kembali. Di samping itu kawasan utama penanaman padi huma yang terdapat di daerah Besut, telah dapat diusahakan tanpa apa-apa gangguan. Jadi pada keseluruhannya keganasan komunis yang tertumpu di beberapa kawasan sahaja itu, telah tidak mendatangkan kesan yang ketara ke atas kegiatan penanaman padi di negeri Trengganu, khususnya di antara tahun 1948 hingga 1960.

Di kalangan pekebun-pekebun kecil keganasan komunis di negeri Trengganu itu telah memberi kesan yang hampir sama sebagaimana yang berlaku ke atas kegiatan penanaman padi. Keganasan komunis di daerah Kemaman khususnya di peringkat awal darurat, telah untuk beberapa ketika menghalang kegiatan menoreh getah di beberapa kawasan di daerah tersebut. Keadaan ini telah menghalang kegiatan pekebun-pekebun kecil getah. Tetapi gangguan komunis itu hanya berlaku untuk beberapa ketika sahaja, terutama di antara tahun akhir 1948 hingga ke awal tahun 1952 sahaja. Jadi pada keseluruhannya darurat di negeri Trengganu di antara tahun 1948 hingga 1960 itu tidaklah memberi kesan yang ketara ke atas kegiatan utama ekonomi perlombongan, penanaman padi dan perusahaan getah pekebun-pekebun kecil di negeri tersebut.

Kegagalan komunis untuk menghancurkan ekonomi negeri Trengganu dan juga dalam usaha mereka untuk menubuhkan kawasan Bebas seperti yang telah dirancangkan itu, telah dengan sendirinya membawa kepada kegagalan mereka untuk mencapai matlamat akhir dalam perjuangan mereka, iaitu untuk menubuhkan sebuah negara Komunis di Tanah Melayu ini.

BIBLIOGRAFI

A. Sumber Awalan

Fail-fail:

1. *Commissioner of Land and Mines, Trengganu*, No. Fail, 153/1937, 225/1948, 173/1950, 218/1952 - Arkib Negara Malaysia, No. Fail, 50/1948 - Pejabat Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Kuala Trengganu.
2. *Land Office Trengganu*, No. Fail, 265/1949 - Arkib Negara Malaysia, No. Fail, 673/1952 - Pejabat Tanah, Kuala Trengganu.
3. *Pejabat Tanah, Kemaman*, No. Fail, 123/1965 - Pejabat Tanah Kemanan.
4. Setiausaha Kerajaan Trengganu, No. Fail, 55/1951 - Pejabat Setia Usaha Kerajaan Trengganu, Kuala Trengganu.
5. State Treasurer Trengganu, No. Fail, 297/1950 - Arkib Negara Malaysia.

Laporan

1. *Annual Report Department of Agriculture, Trengganu, 1953, 1954, 1956, 1957, 1958, 1959, 1960*, Laporan Bertaip, Simpanan Pejabat Pertanian, Kuala Trengganu.
2. *Annual Report for the Federation of Malaya, 1951, 1952, 1953, 1954, 1955, 1956, 1957*, Government Printer, Kuala Lumpur.
3. *Annual Report on the Mining Industry for the Year 1948*, Mines Department, Federation of Malaya.
4. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Trengganu*, Laporan Bertaip, No. 261, Simpanan Perpustakaan Setia Usaha Kerajaan Trengganu, Kuala Trengganu.
5. *Annual Report of the State of Trengganu, 1948, 1949*, Printed at the Trengganu Government Press, Kuala Trengganu.
6. Banci Perusahaan Perlombongan Malaysia, 1969, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970.
7. Del Tugo, M.V., *Federation of Malaya and Singapore - A Report on the 1947 Census of Population*, London, 1949.
8. Federation of Malaya, *Estimates of the Federation Revenue and Expenditure, Including States and Settlements, 1955-1960*, Government Printer, Kuala Lumpur.

9. _____, *Report of the Rice Production Committee*, Vol. I. Government Printer, Kuala Lumpur.
10. _____, *Official Year Book*. Government Printer, Kuala Lumpur, 1963.
11. _____, *Monthly Statistical Bulletin*, December, 1961. Department of Statistic, Kuala Lumpur.
12. _____, *Report of the Committee to Investigate the Squatters Problems*.
13. _____, *Rubber Statistical Handbook*, 1956. Department of Statistic, Kuala Lumpur.
14. _____, *State of Trengganu, Estimates for the Revenue and the Expenditure for the Year, 1950-1960*. Printed at the Trengganu Government Press.
15. *Legislative Council Proceedings*, Paper No. 14 of 1950. Government Printer, Kuala Lumpur, 1951.
16. *Speech of the Sultan of Trengganu, Budget Meeting of the State Council December, 1950*. Simpanan Perpustakaan SUK,K. Trengganu.
17. *The Emergency Regulations Ordinance 1948 (Federation of Malaya, No. 10 of 1948)*. Printed at the Government Press, Kuala Lumpur, 1953.

Warta Kerajaan

Government Gazettes for the State of Trengganu, 1948, 1949, 1950, 1951, 1952, 1953, 1954, 1955, 1956, 1957, 1958, 1959, 1960, Printed at the Trengganu Government Press, Kuala Lumpur.

B. Sumber Pendua

Buku-buku:

1. Allen, G.C., *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*, George Alien & Unwin Ltd., London, 1962.
2. Barber, N., *The War of the Running Dogs*, Colling Press, London, 1972.
3. Bastin J. & Winks, R., *Selected History Readings of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966.
4. Buyong Adil, *Sejarah Trengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
5. Brimmel, J.H., *Communism in South East Asia*, London, 1959.
6. Clutterbuck, R., *The Long Long War*, Frederick A. Praeger, N. York, 1966.
7. Gullick, J.M., *Malaysia*, Ernest Benn Ltd., London, 1969.
8. Hanrahan, G.Z., *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971.
9. Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
10. Lim Tay Boh (ed.) *Problems of the Malayan Economy*, Donald Moore Press, Singapore, 1952.

11. Miller, H. *Menace in Malaya*, George G. Harrap & Co. Ltd., London, 1954.
12. _____, *The Jungle War in Malaya*, Arthur Barker Ltd., London, 1972.
13. Mills, L.A., *Malaya - A Political and Economic Appraisal*, Oxford University Press, London, 1958.
14. Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
15. Purcell, V., *Malaya: Communist or Free*, Oxford University Press, London, 1954.
16. Short, A., *Communist Insurrection in Malaya*, Frederick Muller Ltd., London, 1975.
17. Winstedt, R.O., *The Malays - A Cultural History*, London, 1961.
18. Wong Kim Len, *The Malayan Tin Industry up to 1914*, Tuscon, 1965.
19. Wang Gang Wu, (ed.), *Malaysia - A Survey*, Frederick A. Praeger, New York, 1965.
20. Yit Yap Hong, *The Development of Tin Mining Industry in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969.
21. Zainal Abidin Wahid, (ed.) *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.

Jurnal dan Kertaskerja:

1. Allen, J., "Sultan Zainal Abidin III", dlm. *Malaya in History*, Vol. 12, No. 1, The Malayan Historical Society, Kuala Lumpur, October, 1968.
2. Khoo Kay Kim, "Gerakan Anarkis di Tanah Melayu, 1919-1925", (*JEBAT*) *Jurnal Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan, Malaysia*, Bil. 2, 1972/73.
3. Nurul Huda/Ariffin Muda, "Darurat: Implikasi Terhadap Kemasyarakatan dan Ekonomi di Tanah Melayu", dlm., *JEBAT*, Bil. 2, 1972/73.
4. Sandhu, K.S. "Emergency Resettlement in Malaya", *Journal of Tropical Geography*, Vol. 18, University of Malaya, Singapore, August, 1964.
- * 5. _____, "The Saga of the Squatter in Malaya", (*JSEAH*), *Journal of South East Asia History*, Vol. 5, No. 1.
6. Stubbs, R., "Counter-Insurgency and the Economic Factor, The Impact of the Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency", dlm. *Occassional Paper No. 19*, Institute of South East Asian Studies, Singapore, 1974.

C. Suratkhabar:

Straits Times, 27 Mac, 1968.

D. Latihan Ilmiah:

1. Alwee Jantan, "Trengganu, 1945-1957, A Study in Political Development", *Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera*, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

DARURAT DI TRENGGANU 1948-1960

2. Mohd. Hairon Yassar, "Sejarah Perlombongan di Bukit Besi, 1929-1970", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1974.
3. Siti Hanum Mohd. Sangkut, "Masalah-masalah Tertentu Dalam Perusahaan Bijih Timah dan Prospek Masa Hadapan di Malaysia", Latihan Ilmiah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

LAMPIRAN

Lampiran I

Orang-orang yang ditemuramah

1. Abdul Ghani (Haji) Bin Dato Dagang Jati

Tempat dan tarikh lahir: Triang, Jelebu, N. Sembilan, 1908.

Pendidikan:

- (a) Sekolah Melayu Triang,
- (b) 1924 — Malay College, Kuala Kangsar (MCKK), hingga standard VII.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) Awal tahun 1930-an, bertugas sebagai Inspektor di Kuala Trengganu.
- (b) 1935-1936 bertugas sebagai OCPD di Kemaman dan di Kuala Trengganu.
- (c) 1937-1939, bertugas sebagai Pegawai RIMV, Trengganu, Inspektor Lalulintas dan "Inspector of weight and Measures" Trengganu.
- (d) 1940-1942, bertugas sebagai OCPD di Dungun dan di Kuala Trengganu.
- (e) 1946-1951 bertugas sebagai OCPD di Besut dan Kemaman.
- (f) 1952, mula bersara. Dalam tahun yang sama telah dikerah sebagai Pegawai 'Home Guard' dengan pangkat Inspektor di Ulu Trengganu (Kuala Brang).

Tarikh dan tempat temuramah: 19.7.1977, Kuala Trengganu.

2. **Abdul Rahman bin Kassim**

Tempat dan tarikh lahir: Kg. Buluh, Kuala Brang, 1919.

Pendidikan:

- (a) Sekolah Melayu, Kuala Brang.
- (b) Sekolah Sultan Zainal Abidin, Kuala Trengganu.

Jawatan dalam perkhidmatan:

- (a) 1940-1947, bertugas sebagai Guru Pelatih.
- (b) 1947-1949, bertugas sebagai Pegawai Penasihat Getah.
- (c) 1950-1975, bertugas pula sebagai Penghulu Kuala Brang. Pernah berkursus di Maktab Pertanian Serdang (1951-1952). Dalam tahun 1975 mulai bersara dan sekarang bekerja sendiri.

Kegiatan lain: Dalam masa darurat, menganggotai pasukan HG dalam unit operasi.

Tempat dan tarikh temuramah: 2.8.1977, Kg. Buluh, Kuala Brang.

3. **Alias Bin Khalid (Dato')**

Tempat dan tarikh lahir: Kg. Paka, Dungun, Trengganu, 1928.

Pendidikan:

- (a) Sekolah Melayu, Kemasek.
- (b) Sekolah Melayu, Batu Pahat, Johor.
- (c) Sekolah (Inggeris) Sultan Sulaiman, K. Trengganu.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) 1949-1960, bertugas sebagai Kerani di Pejabat Kastam dan di Pejabat Tanah, Kemaman.
- (b) 1960-1972, bertugas sebagai Kerani di Pejabat Hutan dan kemudian di Hospital. Mulai 1964 hingga 1972, kembali bertugas sebagai Kerani di Pejabat Tanah Kemaman.
- (c) 1972-1977, bertugas sebagai Kerani di Pejabat Kadhi dan kemudiannya kembali ke Pejabat Tanah dan

akhirnya di Pejabat Pertanian K. Trengganu, sebagai Kerani Besar hingga kini sekarang.

Kegiatan Lain:

- (a) 1948-1955, bergiat sebagai Ahli Jawatankuasa dalam Pertubuhan Pemuda UMNO di Kemaman.
- (b) Dalam masa darurat, telah menganggotai pasukan AP dan mulai tahun 1952 pula menganggotai Pengurus Home Guard.
- (c) 1974-1975, dipilih sebagai Pengurus Persatuan Ibu Bapa, Sekolah Menengah Sultan Ismail, Kemaman.

Tarikh dan tempat temuramah: 20.7.1977, Kg. Nibong, K. Trengganu.

4. **Amir Bin Lisut**

Tempat dan tarikh lahir: Rembau, Negeri Sembilan, 1924.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) 1939, berhijrah ke Trengganu dan bertugas sebagai 'Surveyor'.
- (b) 1942-1945, bertugas sebagai 'Penulis Sambilan'.
- (c) 1946-1949, bertugas pula sebagai Polis, tetapi setelah 6 bulan berkhidmat, berhenti dan kemudian bekerja sendiri.
- (d) 1949-1954, bertugas sebagai Penghulu Ulu Jabor dan Penghulu Air Putih di Kemaman. Pada tahun 1954, diberhentikan dari jawatan Penghulu dan kemudiannya bekerja sendiri, hingga kini sekarang.

Kegiatan Lain: Dalam masa darurat menganggotai pasukan Home Guard dalam unit operasi, bertugas sebagai kompani Komander. Pernah terlibat sama dalam beberapa pertempuran menentang pengganas komunis di kawasan Ayer Putih Kemaman.

Tarikh dan tempat temuramah: 28.7.1977, Ayer Putih, Kemaman Trengganu.

5. Busu (Haji) Bin Nyak Raja

Tempat dan tarikh lahir: Kerteh, Kemaman, 1920.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) Sebelum 1950, bekerja sendiri, sebagai pekedai runcit.
- (b) 1950-1975, bertugas sebagai Penghulu Kerteh, hingga-lah bersara pada awal tahun 1975. Sekarang bekerja sendiri.

Kegiatan Lain: Dalam masa darurat, telah menganggotai pasukan Home Guard dalam unit operasi sebagai Kompani Komander.

Tarikh dan tempat temuramah: 15.8.1977, Kerteh, Kemaman, Trengganu.

6. Jaafar Bin Husin

Tempat dan tarikh lahir: Pekan, Pahang, 1920.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) Berhijrah dari Pekan ke Kemaman dan bekerja sendiri sebagai pekedai runcit di Chukai Kemaman dalam tahun-tahun 1940-an.
- (b) 1948, menganggotai pasukan SC.
- (c) 1948-1958, bertugas sebagai SC di kawasan Ulu Kemaman, Ulu Dungun dan Ulu Trengganu. Awal tahun 1950-an telah dinaikkan ke pangkat Sarjan. Pada tahun 1958, setelah keadaan darurat di negeri Trengganu tamat, beliau telah diberhentikan dari SC. Sekarang bekerja sendiri.

Tarikh dan tempat temuramah: 28.7.1977, Pasir Gajah, Kemaman.

7. Lim Tau Yoon

Tempat dan tarikh lahir: Kg. Air Jernih, Kemasek, Kemaman, 1925.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) 1950, bertugas sebagai guru di Sekolah Rendah Look Khoon, Air Jernih, Kemasek.

- (b) 1952-1954, sebagai guru, ditukarkan ke Sekolah Rendah Sin Chone, Kampung Baharu Batu Lima, Dungun. Dalam tahun 1954, setelah penduduk Air Jernih yang dipindahkan ke Kg. Baharu Batu Lima Dungun itu dipindahkan kembali ke Air Jernih, maka beliau juga ikut sama bertukar ke Air Jernih.
- (c) 1972-1977, dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Look Khoon, Air Jernih, Kemasek.

Tarikh dan tempat temuramah: 26.7.1977, Kampung Air Jernih, Kemasek.

8. **Mohamad (Haji) Bin Cheak**

Tempat dan tarikh lahir: Johor Bahru, 1905.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) 1927-1945, bertugas sebagai polis biasa, hingga meningkat ke pangkat Inspektor.
- (b) 1945-1948, bertugas sebagai OCPD di Kemaman, Dungun dan Kuala Trengganu.
- (c) 1949-1951, bertugas sebagai Ketua Penyiasat Jenayah di Kuala Trengganu.
- (d) 1952, mula bersara. Dalam tahun yang sama telah dikerah sebagai Pegawai dalam pasukan Home Guard.
- (e) 1952-1955, bertugas sebagai Timbalan Ketua Pegawai Home Guard Trengganu (Deputy State Home Guard Officer).
- (f) 1955-1958, bertugas sebagai Ketua Pegawai Home Guard Trengganu (State Home Guard Officer).

9. **Mohamad Bin Senari**

Tempat dan tarikh lahir: Kuala Besut, Trengganu, 1917.

Pendidikan:

- (a) Sekolah Melayu Besut.
- (b) Sekolah Pondok Tok Ayoh, Besut.

Kegiatan: 1940-an menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM), cawangan Kuala Trengganu. Juga bergerak dalam pergerakan kiri, khususnya dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya, (PKMM) di akhir 1940-an di Trengganu. Sekarang ini bekerja sendiri, iaitu menguruskan kedai makan di Kuala Besut.

Tempat dan tempat temuramah: 4.8.1977, Kuala Besut.

10. Othman Bin Hamzah

Tempat dan tarikh lahir: Kemaman, 1917.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) Sebelum tahun 1950, telah bertugas sebagai 'Penghantar Notis' di Pejabat Tanah Kemaman dan kemudianya sebagai kakitangan sementara di Pejabat Pen-daftaran, Kemaman.
- (b) 1950-1968, bertugas sebagai Penghulu kawasan Chukai dan pernah juga memangku jawatan Penghulu bagi kawasan Ulu Jabor.
- (c) 1968, mulai bersara, hingga sekarang.

Kegiatan Lain: Dalam masa darurat telah menganggotai pasukan Home Guard dalam unit operasi.

Tempat dan tarikh temuramah: 27.7.1977, Chukai, Kemaman, Trengganu.

11. Sulung Bin Said

Tempat dan Tarikh Lahir: Kemaman, 1914.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) 1936, mulai berkhidmat dalam Pasukan Polis di Kuala Trengganu.
- (b) 1937-1965, bertugas sebagai Polis di Kijal, Kemasek, Chukai dan Dungun.
- (c) 1948-1965, bertugas dalam Pasukan Polis dan dinaikkan ke pangkat Sarjan. Dalam tahun 1965, mulai bersara dari perkhidmatan polis.

Kegiatan Lain: Di peringkat awal darurat, telah dipilih untuk

menganggotai pasukan 'Jungle Squards'. Juga dalam menjalankan tugas, telah beberapa kali terlibat dalam pertempuran menentang pengganas komunis di kawasan Air Putih, Ulu Chukai dan Ulu Dungun. Di atas kegigihan dan keberaniannya beliau telah dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dalam tahun 1952.

Tarikh dan tempat temuramah: 7.8.1977, Kg. Gong Limau, Kemaman.

12. Syed Mohd Bin Hussein Husin

Tempat dan tarikh lahir: Kemaman, 1926.

Pendidikan: Sekolah Melayu Chukai, Kemaman, sehingga Darjah IV

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- 1948-1949, bertugas sebagai Kerani Sementara di Pejabat Pendaftaran, Kemaman, Trengganu.
- 1949-1950, bertugas pula sebagai buruh di Pejabat Ukur dan kemudiannya sebagai 'Peon' di Pejabat Tanah Kemaman.
- 1950-1976, telah bertugas pula sebagai Penghulu di kawasan Ulu Chukai, Ulu Jabor, Kijal, Tebak-Bundi dan mulai 1977 sebagai Penghulu di Kemasek hingga-lah sekarang.

Kegiatan Lain: Dalam masa darurat telah menganggotai pasukan Home Guard dalam unit operasi dan bertugas sebagai Kompani Komander.

13. Tawang Bin Yunus

Tempat dan tarikh lahir: Kemaman, Akhir tahun 1920-an.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- 1951-1953, bertugas sebagai Penghulu Ulu Jabor.
- 1954-1958, bertugas sebagai Penghulu Pasir Gajah, Kemaman.
- 1958-1976, bertugas sebagai Penghulu di kawasan Kijal, Kemasek dan Besut.

- (d) 1977, bertugas sebagai Penghulu Besar, Chukai, Kemaman hingga ke sekarang.

Kegiatan Lain: Dalam masa darurat telah menganggotai pasukan Home Guard dalam unit operasi dan bertugas sebagai Komander.

Tarikh dan tempat temuramah: 16.8.1977, Chukai, Kemaman.

14. Zaaba Bin Aman

Tempat dan tarikh lahir: Kg. Kota, Kuala Trengganu, Julai 1927.

Jawatan dalam Perkhidmatan:

- (a) Oktober 1946, mulai bertugas sebagai Polis, setelah tamat berkursus selama enam bulan di Kuala Lumpur.
- (b) 1946-1960, bertugas sebagai Polis di Kemaman, Besut, Kuala Brang, Marang dan Kuala Trengganu. Pernah juga bertugas dengan tanggungjawab sebagai Ketua Polis Balai, (Officer in Charge of Station - OCS) di Merchan, Trengganu.
- (c) 1960-1968, bertugas pula di Alor Setar Kedah dan kemudiannya dinaikkan ke pangkat Sarjan.
- (d) 1968-1977, bertugas sebagai Polis (Sarjan) di Kuala Trengganu. Pada pertengahan tahun 1977 ditukarkan ke AirPutih, Kemaman sebagai Ketua Balai Polis (OCS).

Tarikh dan tempat temuramah: 28.7.1977, Air Putih, Kemaman, Trengganu.

JUMLAH KEPING, LUAS DAN SEWA TANAH GETAH DI JAJAHAN KEMAMAN PADA 31.12.1949

Mukim	25 ekar & kurang				Lebih dari 25 ekar				Lebih dari 100 ekar				Jumlah besar			
	Keping	Jumlah ekar	Jumlah Sewa 1.1.1951	Keping	Jumlah ekar	Jumlah Sewa 1.1.1951	Keping	Jumlah ekar	Jumlah Sewa 1.1.1951	Keping	Jumlah ekar	Jumlah Sewa 1.1.1951	Keping	Jumlah ekar	Jumlah Sewa 1.1.1951	
2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14				
Chukai	78	301.300	\$ 1,205.10	1	44.300	\$ 177.20	-	-	\$ -	79	345.600	\$ 1,382.40				
Bintai	154	653.000	2,612.00	4	175.100	700.40	-	-	-	158	828.100	3,512.40				
Banggol	171	1,542.600	6,170.40	6	205.600	822.40	1	169,700	678.80	178	1,917.900	7,671.60				
Fasir Semut	257	1,938.600	7,754.40	1	88.100	352.40	-	-	-	358	2,026.700	8,106.00				
Bandi	5	26.300	105.20	-	-	-	-	-	-	5	26.300	105.20				
Tebak	57	255.800	1,023.20	3	115.600	462.40	1	101.500	406.00	61	472.900	1,891.60				
Ulu Chukai	341	1,583.900	6,935.60	21	1,026.000	4,104.00	12	1,765.400	7,061.60	374	4,375.300	17,501.20				
Ulu Jabor	265	2,381.100	9,524.40	74	3,364.000	13,456.00	8	898.500	3,954.00	347	6,643.600	26,574.40				
Telok Kalong	23	115.700	462.80	-	-	-	-	-	-	23	115.700	462.80				
Kijal	51	259.200	1,036.80	4	208.300	893.20	-	-	-	55	467.500	1,870.00				
Kemasek	371	2,865.200	11,460.80	35	1,432.200	5,728.80	1	141.600	566.40	407	4,499.000	17,756.00				
Cerith	76	390.600	1,562.40	6	274.700	1,098.80	3	449.500	1,798.00	85	1,114.800	4,459.20				
jumlah Besar	1949	12,313.300	49,253.20	155	6,933.900	27,755.60	26	3,526.200	14,104.80	2130	22,773.400	91,093.60				

LAMPIRAN III

Draft: msz/vn

Hon'ble Chief Secretary,
F. of M.,
Kuala Lumpur.

Sir,

Rubber Dealer's Sub-Licence

I am directed to inform you that as a measure to prevent Communist Terrorist obtaining funds from stolen rubber, instructions were issued to discontinue the issue of sub-licences. In view of this policy decision, forms and fees for sub-licences were omitted from Rubber Supervision Rules, 1950 (L.N. 55 of 19.12.50).

It is now considered that the policy decision should be reviewed. It is clear from Section 6(i) of the Enactment that rubber dealers must purchase only at their licensed premises, and any purchase by travelling purchasers in the kampungs must be covered by sub-licences issued under Section 6(ii). A sub-liscence has a prescribed area in which he may purchase, and must carry his sub-liscence at all times when he is carrying out his business.

In practice many licences purchase rubber in the kampungs either personally, or through agents, and this practice is a benefit to the kampung people. Unless, however, sub-licences are issued, there is no way of controlling the activities of such persons except by trying to stamp out the practice which, as stated, would cause hardship to the kampung people.

I am therefore to recommend that the High Commissioner in Council be asked to amend the Rubber Supervision Rules, 1950 to prescribe form and fees. The Fee for sub-liscence suggested is \$20/- per annum.

S.S. TR.

c.c.

C.L.M., Trengganu,
File SUK, TR. 996/54.

